



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN **KELAPAN**
Eighth *Parliament*

PERTAMA
PENGKAL
First *Session*

Jilid I Bil. 108 Hari Selasa 24hb Disember, 1991

KANDUNGAN

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Penternakan Babi di Negeri Melaka/Perlis - Pengharaman,
Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Labuan (Ruangan 7)

Rang Undang-undang Pembatalan Pengecualian daripada
Bayaran Duti-duti Setem (Ruangan 60)

Rang Undang-undang Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Ruangan 64)

Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Ruangan 106)

Rang Undang-undang Duti Import (Pengesahan) (Ruangan 139)

Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) (Ruangan 143)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat dan Penangguhan (Ruangan 91)

DR.24.12.91

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 24hb Disember, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Penternakan Babi di Negeri Melaka/Perlis - Pengharaman

2.35 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, dengan segala hormatnya saya ingin memberitahu di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2) bahawa saya hendak meminta izin untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan untuk merundingkan perkara-perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai, yang berkehendak di-segerakan dan teks Usul saya adalah seperti berikut:-

Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) Majlis Mesyuarat ini meluluskan permintaan kebenaran Ahli Parlimen dari Kota Melaka, Y.B. Tuan Lim Guan Eng supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan

kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan yakni tindakan mengharamkan penyembelihan dan penternakan babi di Negeri Melaka dan Perlis oleh kedua-dua Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Menteri Melaka, Yang Amat Berhormat Tan Sri Abdul Rahim bin Tamby Chik telah mengumumkan pengharaman tersebut akan berkuatkuasa di Melaka pada tahun 1993. Manakala Menteri Besar Perlis, Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Hamid Pawanteh mengumumkan di Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Perlis pada 17hb Disember bahawa pengharaman tersebut akan berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1992.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah tertentu dan berkenaan kepentingan orang ramai kerana menjejaskan:-

(i) **Kumpulan Penternak dan Penyembelih babi**

Pengharaman ini telah menimbulkan perasaan risau dan gelisah di kalangan kira-kira beratus-ratus penternak babi di Perlis dan Melaka. Ini adalah kerana mata pencarian mereka jelas terjejas bukan sahaja dari segi kerugian kewangan tetapi juga dari segi penghidupan. Penternak-penternak telah melaburkan

wang sama ada dalam bentuk modal sendiri atau pinjaman bank yang banyak dalam industri penternakan babi. Penternakan babi kini menjadi satu industri yang besar dan tidak hanya melibatkan lima atau enam ekor sahaja tetapi beratus-ratus ekor. Justeru itu alat yang canggih dan mahal digunakan untuk bukan sahaja menternak babi dengan cara saintifik tetapi demi menjaga kebersihan dan mengawal pencemaran yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari mengalami kerugian dari penanaman modal, mereka kini menghadapi desakan dari pihak bank yang menuntut bayaran balik pinjaman bank mereka lagipun kepada penternak-penternak tersebut mereka tidak biasa dengan kerja apa selain dari menternak babi. Malah mereka telah menjalankan penternakan babi berpuluh-puluh tahun tanpa sebarang masalah dengan penduduk kaum Islam.

(ii) **Pengguna-pengguna**

Pengharaman penyembelihan dan penternakan babi akan mengakibatkan harga daging babi melambung tinggi hasil dari kos pengangkutan bagi membawa masuk daging tersebut dari negeri

lain. Harga tinggi tersebut adalah tidak adil kepada para pengguna dari kaum bukan Islam.

(iii) **Keadaan Sosial**

Oleh kerana pengharaman ini dibuat oleh Kerajaan Negeri Melaka dan Perlis secara tergesa-gesa tanpa perundingan langsung dengan mereka yang terlibat, ia menimbulkan perasaan kurang senang hati di kalangan kaum bukan Islam. Keadaan ini jelas terbukti di dalam Negeri Perlis di mana pengumuman tersebut diumumkan dengan mendadak oleh Menteri Besar Perlis dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Perlis pada 17hb Disember, 1991 bahawa pengharaman akan bermula pada 1hb Januari, 1992.

Lebih-lebih lagi Ketua Menteri Melaka pernah menabur janji semasa pilihanraya besar 1990 bahawa Kampung Paya Mengkuang akan dijadikan sebagai kawasan penternakan babi di Melaka. Alasan bahawa penternakan dan penyembelihan babi mencemarkan alam sekitar tidak boleh diterima, kerana langkah-langkah boleh diambil untuk mengatasinya dan bukanlah

sehingga mengharamkan begitu sahaja. Kalau pencemaran alam sekitar menjadi unsur utama, maka penternakan itik, ayam, kambing dan lembu akan diharamkan juga kerana membawa pencemaran. Maka kaum bukan Islam menganggap pengharaman ini berbau politik yang bertujuan memaksa kaum bukan Islam menerima nilai-nilai dan undang-undang Islam. Ini bukan sahaja akan menjejaskan hubungan baik dan menambahkan ketegangan di antara kaum di kedua-dua negeri tetapi juga di negeri-negeri lain yang bimbang bahawa pengharaman ini akan merebak ke negeri-negeri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berkehendak disegerakan kerana penyembelihan di 7 pusat penternakan babi akan diharamkan di negeri Perlis pada lhb Januari 1992. Lagi pun, oleh kerana hari ini adalah hari terakhir persidangan Dewan Rakyat, mereka yang terlibat tidak mempunyai peluang lain untuk membawa perkara ini ke Parlimen. Justeru itu, demi keadilan kepada para penternak, tuanpunya pusat penyembelihan babi dan para pengguna babi di kedua-dua negeri tersebut, Dewan ini harus ditangguhkan untuk membincangkan perkara ini supaya boleh mengarahkan negeri Melaka dan Perlis menarik balik pengharaman tersebut. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pagi ini. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat, sebagai Yang di-Pertua, saya hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan itu memenuhi tiga syarat, iaitu:-

- (i) perkara itu tertentu;
- (ii) ia bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Setelah meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya puas hati bahawa perkara ini perkara tertentu,

ia bagi kepentingan orang ramai, tetapi saya tidak puas hati bahawa ia perlu disegerakan. Lagi pun, saya dapati perkara ini melibatkan keputusan yang dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan tidak seharusnya dibangkitkan di dalam Parlimen ini. Oleh yang demikian, saya menolak usul Ahli Yang Berhormat itu. [Tepuk]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBANGUNAN LABUAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [23hb Disember, 1991]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Labuan.

2.42 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya yang terhenti semalam. Dalam ucapan saya semalam, saya telah menyentuh satu perkara penting yang perlu diberikan pertimbangan dengan serius iaitu kemungkinan timbulnya pertikaian di dalam menjalankan kuasa-kuasa tertentu oleh Majlis Perbandaran Labuan di kawasan-kawasan di bawah bidang kuasa Lembaga. Ada juga kemungkinan bahawa Majlis Perbandaran Labuan mengikut kuasa-kuasanya di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 seperti yang telah diubahsuai, perlu meluluskan undang-undang kecil tertentu pada masa dan apabila diperlukan bagi menjalankan apa sahaja lebih kuasa yang ada padanya. Ini mungkin menjadi satu punca pertelingkahan atau pertikaian di antara Majlis dan Lembaga.

Jika sekiranya Majlis memutuskan menjalankan kuasa-kuasanya di kawasan-kawasan yang di bawah bidang kuasa Lembaga.

Punca pertelingkahan yang ketiga, yang mungkin timbul apabila Menteri, di bawah Seksyen 22 subseksyen (2) dan subseksyen (3) dalam Rang Undang-undang ini memerlukan Majlis menjalankan atau melaksanakan fungsi-fungsi yang semestinya ke atas Lembaga. Adalah sangat penting dari awal-awal lagi bagi dipastikan bahawa kedua-dua badan ini tidak diletakkan di tengah-tengah pertentangan atau persaingan. Sementara peranan Lembaga ini begitu khusus dan bidang kuasanya dihadkan kepada kawasan-kawasan tertentu, tetapi peranan Majlis Perbandaran adalah lebih menyeluruh dan kawasan kekuasaannya lebih luas. Apabila dilihat dari segi ini, kedua-dua badan ini perlu bantu-membantu atau sokong-menyokong di dalam menjalankan tugas masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada badan secara bersendirian akan dapat menghasilkan pertumbuhan dan pembangunan yang sangat-sangat diharapkan oleh penduduk Labuan. Satu cara bagi menyelesaikan pertikaian yang mungkin timbul di antara kedua-dua badan ini ialah dengan meletakkan seorang wakil daripada Majlis Perbandaran Labuan di dalam badan tertinggi yang akan membuat keputusan dalam Lembaga itu dan di dalam Jawatankuasa Perancang dan Pembangunan Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek undang-undang, Rang Undang-undang ini terutama sekali yang berhubung dengan semua harta yang diperolehi oleh Majlis melalui pemindahan milik dari Kerajaan atau dibeli dengan menggunakan Tabung Majlis, ada kemungkinan jika

harta-harta ini sudah dijual pajakan atau diuruskan sebaliknya atau dipindahmilik oleh Majlis, Lembaga mungkin perlu mengambilalih harta-harta ini, tertakluk kepada hak orang-orang yang memperoleh kuasa atau kepentingan daripada Majlis. Pertimbangan wajar perlu diberikan kepada peruntukan Enakmen Wilayah Persekutuan Labuan 1984. Di bawah peruntukan yang berkenaan di dalam enakmen ini di mana semua tanah yang di bawah mana-mana penguasa awam atau tertakluk di bawah kuasa Persekutuan di dalam mana-mana tanah yang dipegang oleh seseorang dari negeri Sabah sebelum sahaja penguatkuasaan enakmen ini, akan terus dipegang oleh Kerajaan Persekutuan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang sama seperti ianya telah dipegang oleh negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi bahagian yang kurang jelas, yang perlu diselesaikan ialah berhubung dengan bidang kuasa Menteri yang bertanggungjawab ke atas badan-badan ini. Menteri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal Majlis Perbandaran Labuan ialah Menteri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal Wilayah Persekutuan Labuan, Menterinya ialah Perdana Menteri. Sementara Menteri yang bertanggungjawab ke atas Lembaga yang baru ini ialah Menteri Kewangan. Walau bagaimanapun, mengikut Rang Undang-undang ini, Menteri Kewangan boleh menjalankan kuasa-kuasanya di dalam mengarahkan Majlis menjalankan setengah daripada fungsi-fungsi yang terkandung dalam Seksyen 22 subseksyen (1). Tambahan lagi, bidang kuasa Majlis ke atas mana-mana perkara di bawah seksyen tersebut boleh ditarik balik selepas diberi notis yang telah diwartakan oleh

Menteri Kewangan. Jika dipandang dari segi ini, Majlis mungkin bertanggungjawab kepada dua Menteri. Saya mohon agar penjelasan diberikan terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memajukan beberapa soalan berkaitan dengan Akta Lembaga Pembangunan Labuan 1991 ini dan saya ingin merujuk kepada Bahagian V Akta ini, Fasal 22 subseksyen (4) yang berbunyi:-

"(4) Mana-mana undang-undang kecil yang berkuatkuasa di Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan sebelum sahaja mula berkuatkuasanya subseksyen (2) berkenaan dengan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah terus berkuatkuasa dalam Kawasan itu dan boleh dipinda, digantikan atau dibatalkan oleh Lembaga di bawah peruntukan Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan melalui Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kerajaan Tempatan) 1984 seolah-olah Lembaga ialah Pihak Berkuasa mengikut pengertian Ordinan itu sebagaimana yang diubahsuaikan sedemikian, dan kuasa bagi memberikan apa-apa lesen atau kebenaran di bawah mana-mana undang-undang kecil itu dan bagi menggantung, membatalkan atau membaharui lesen atau kebenaran sedemikian hendaklah terletak pada Lembaga."

Tuan Yang di-Pertua, apakah ini bererti segala kuasa bagi kelulusan pelan pembangunan atau pelan pembinaan tidak lagi perlu dirujuk kepada Majlis Berkuasa Tempatan, iaitu Majlis Perbandaran Labuan untuk mendapatkan kelulusan atau sebaliknya? Saya juga ingin tahu apakah Lembaga Pembangunan Labuan mempunyai status bumiputera seperti Lembaga Pembangunan Langkawi yang dibenarkan bagi memiliki tanah rezab Melayu atau dalam konteks Labuan, tanah rezab bumiputera.

Saya juga ingin tahu walaupun semalam tidak dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang jumlah peruntukan yang diberikan, saya ingin tahu di peringkat awal ini, berapakah peruntukan yang telah diberikan bagi mewujudkan Lembaga Pembangunan Labuan ini di peringkat awal. Kita dapat tahu bahawa LADA telah diberikan sebanyak \$60 juta apabila ianya ditubuhkan pada tahun lepas. Saya juga ingin tahu tentang rasional memberikan peruntukan kuasa yang sebegitu luas kepada Pengerusi Lembaga seperti yang termaktub di dalam Fasal 11, subseksyen 2. Yang ketiga, apakah kewajipan yang dimaksudkan dalam Fasal 11 subseksyen (1) ini yang perlu dilaksanakan oleh Pengerusi Lembaga Pembangunan Labuan dan apakah segala arahan kepada Pengerusi yang tidak perlu dirujuk atau mendapat persetujuan ahli-ahli Lembaga terlebih dahulu. Saya mohon agar Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan penjelasan kepada perkara yang saya majukan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan di dalam Akta ini, fungsi-fungsi Lembaga Pembangunan Labuan yang dicadangkan ialah:

- (i) bagi memajukan dan menggalakkan kawasan Lembaga Pembangunan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai;
- (ii) bagi memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan komersial, pembangunan pelancongan dan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal, pertanian dan perindustrian dalam kawasan LPL; dan
- (iii) menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut dalam Perenggan (a), (b) dan (c) dalam kawasan LPL.

Berasaskan kepada fungsi Lembaga tersebut di atas, adalah didapati fungsi-fungsi Lembaga adalah begitu luas dan meliputi semua aspek pembangunan termasuk pembangunan pelancongan, infrastruktur, pertanian dan perindustrian. Fungsi-fungsi berkenaan pada masa ini dijalankan oleh berbagai-bagai agensi seperti Majlis Perbandaran Labuan, Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan, Jabatan Perdana Menteri, agensi-agensi pertanian seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang dan juga FAMA dan untuk mengelakkan pertindihan fungsi Lembaga Pembangunan Labuan dengan agensi-agensi lain, adalah penting agar kawasan Lembaga Pembangunan

Labuan ini ditentukan terlebih dahulu.

Selain daripada apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam di mana kesemua kelima-lima pulau di sekeliling Pulau Labuan telahpun ditetapkan sebagai kawasan LPL. Di samping itu, Pulau Labuan yang mempunyai keluasan kira-kira 95 kilometer persegi adalah didapati terlalu kecil bagi menentukan kawasan tanggungjawab Lembaga dan sekiranya kawasan Lembaga LPL ini meliputi keseluruhan Pulau Labuan, maka isu yang akan timbul ialah pertindihan fungsi antara agensi-agensi berkenaan dan ini akan menimbulkan ketidakberkesanan program-program dan projek pembangunan yang akan dilaksanakan di samping mewujudkan kekeliruan di kalangan masyarakat tempatan dan juga pelabur.

Saya mohon satu jawapan bagaimanakah masalah pertindihan fungsi dan tanggungjawab ini boleh diatasi dan bagaimanakah proses penentuan dibuat bagi menentukan satu-satu kawasan itu adalah kawasan LPL dan apakah kriterianya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan bertanggungjawab bagi melaksanakan projek-projek sosial seperti menaikkan taraf jalan kampung, melaksanakan program perumahan rakyat termiskin, menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti balairaya, surau dan program meningkatkan pembangunan masyarakat kampung melalui peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Unit Penyelarasan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Adalah

diharapkan fungsi-fungsi ini yang dijalankan oleh Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan dikekalkan, sementara Lembaga Pembangunan Labuan memberikan tumpuan bagi memajukan dan menggalakkan Labuan sebagai IOFC dan pusat pelancongan dan kawasan bebas duti.

Tuan Yang di-Pertua, pengisytiharan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat IOFC pada 1hb Oktober 1990 telah menggerak usaha dan menarik tumpuan pihak Kerajaan, pelabur-pelabur swasta dan rakyat terhadap pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan dan bagi menjadikan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa yang berjaya. Dalam konteks ini, saya ingin menyentuh sedikit tentang permasalahan yang dihadapi oleh Majlis Perbandaran Labuan di dalam melaksanakan tugas dan peranannya terutama selepas pengisytiharan Labuan sebagai IOFC.

Majlis mendapati beberapa masalah yang memerlukan langkah dan tindakan yang sewajarnya diambil dengan segera. Antara usaha-usaha yang perlu adalah seperti berikut. Yang pertama ialah berkenaan dengan keupayaan dan kepakaran pegawai-pegawai dan kakitangan Majlis. Sungguhpun sebahagian besar keperluan pegawai dan kakitangan telah dapat diatasi, tetapi dengan bertambahnya kerja-kerja pengindahan dan teknikal, adalah didapati Majlis menghadapi kekurangan pegawai dan kakitangan yang mahir dan berpengalaman dalam bidang seumpama ini. Peningkatan pengalaman dan kemahiran dalam bidang-bidang ini akan mengambil jangkamasa

tertentu sedangkan keperluannya adalah amat mendesak dan bagi melicinkan dan menyempurnakan urusan peningkatan berkaitan dengan undang-undang dan penguatkuasaan, kemahiran pegawai dalam bidang ini amatlah diperlukan. Setakat ini, Majlis belum lagi mempunyai Pegawai Undang-undang atau sekurang-kurangnya Penolong Pegawai Undang-undang bagi menjalankan tugas-tugas berkaitan.

Selain daripada itu, terdapat masih banyak jawatan Majlis yang belum dan boleh diisikan disebabkan kelulusan senarai perjawatan Majlis hanya diperolehi daripada Perbendaharaan Malaysia pada akhir tahun lalu. Oleh itu ramai pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dalam Majlis adalah bertaraf sementara dan dalam masa yang sama, usaha-usaha untuk mewujudkan jawatan-jawatan baru atau jawatan-jawatan tambahan yang diperlukan mengambil masa yang lama. Ini menyukarkan Majlis memenuhi keperluan tenaga dalam bidang-bidang tertentu. Oleh yang demikian saya ingin menyarankan agar pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dapat memberikan perhatian bagi meluluskan jawatan-jawatan yang diperlukan oleh Majlis dengan segera.

Sebagai kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun peranan Majlis didapati semakin bertambah dengan perubahan status Labuan pada masa ini, usaha-usaha haruslah dipertingkatkan bagi memperkemaskan jentera pentadbiran dan pengurusan agar Majlis dapat menyediakan perkhidmatan lebih sempurna dan menepati keperluan semasa. Sehubungan dengan ini, pihak pengurusan mestilah mengambil langkah yang segera bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh Majlis terutamanya berkaitan dengan keperluan kakitangan. Penyediaan undang-undang kecil yang berkaitan dengan peningkatan usaha yang menambahkan hasil Majlis perlu dijalankan. Selain daripada ini, usaha-usaha perlu juga dijalankan oleh pihak Majlis dan Lembaga Pembangunan Labuan yang akan ditubuhkan ini untuk meningkatkan kesedaran masyarakat Labuan supaya turut bekerjasama dan membantu Kerajaan dalam merealisasikan matlamat Kerajaan untuk menjadikan Labuan sebagai satu bandar yang bersih, serasi dan indah berseri.

Adalah menjadi harapan kita bersama agar usaha-usaha pembangunan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan dan swasta serta Lembaga Pembangunan Labuan dan MPL akan dapat memenuhi matlamat menjadikan Labuan sebagai IOFC yang berjaya, dan dalam hal ini tahap dan kualiti perkhidmatan Majlis perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa melalui sistem dan kaedah yang lebih kemas dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini usaha-usaha juga sedang dijalankan untuk meningkatkan tahap landskap (landscape) dan pengindahan di Labuan, terutamanya di Pusat Bandar. Langkah-langkah telah diambil untuk memperindahkan Jalan O.K.K. Abdullah iaitu jalan daripada Lapangan Terbang Labuan ke Pusat Bandar sebagai Jalan Protokol. Pokok-pokok renek yang berwarna-warni dan berbunga telahpun mula ditanam di kawasan bandar. Sementara itu kerja-kerja memperbaiki sistem siarkaki dan pengindahan kawasan Pusat Bandar akan juga dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang dijalankan dan dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Labuan ini amatlah dialu-alukan. Namun demikian, saya juga ingin menyarankan supaya matlamat dan program jangka panjang pengindahan Labuan haruslah bagi:

- (i) menjadikan Pulau Labuan sebagai Taman Tropika yang terkenal.

- (ii) mencapai kehendak landskap kepada 60% kehijauan, dan 40% pembangunan yang tidak tertumpu kepada satu tempat sahaja;
- (iii) menyediakan kemudahan-kemudahan rekreasi dan riadah untuk pelawat yang berkunjung ke Pulau Labuan.
- (iv) mencipta identiti Pulau Labuan sendiri dan penerapannya dihubungkan dengan kemajuan ekonomi, perindustrian, perdagangan dan sejajar dengan pembangunan Labuan sebagai IOFC, pelancongan dan kawasan bebas cukai.

Beberapa cadangan lain jug telah digariskan di dalam Pelan Induk Landskap dan Pengindahan Pulau Labuan yang disediakan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu sejajar dengan matlamat ini.

Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan dapat mewujudkan Program Pengindahan Pantai-pantai di Pulau Labuan untuk menjadikan pantai-pantai tersebut indah, berseri dan mempunyai kemudahan asas dan kemudahan rekreasi. Kawasan-kawasan ini juga sesuai untuk pembangunan perhotelan dan kawasan peranginan dan perkelahan. Selain daripada itu saya juga menyarankan agar Kerajaan dapat memberikan peruntukan bagi tujuan pengindahan kawasan-kawasan di sepanjang jalan utama, dengan penanaman pokok-pokok dan pokok-pokok bunga yang bersesuaian sejajar dengan matlamat landskap bagi mencapai 60% kehijauan dan Labuan sebagai bandar yang bersih, serasi dan indah berseri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pengwujudan perundangan pembangunan infrastruktur, peruntukan yang mencukupi bagi menjayakan pembangunan Labuan sebagai IOFC juga diperlukan. Maka satu perkara yang paling mustahak diselesaikan terlebih dahulu, ialah menyelesaikan masalah pelarian dan pendatang tanpa izin dan sebilangan kecil anak tempatan yang menjadi setinggan di pinggir bandar. Dan pada pandangan kasarnya menyakitkan mata dan mencemarkan keindahan serta kedamaian bandar yang indah tersusun.

Mengikut kajian Pasukan Petugas Khas Persekutuan bagi Labuan dan Sabah adalah didapati bahawa Labuan menghadapi masalah pelarian dan pendatang tanpa izin yang dianggarkan berjumlah lebihkurang 10,000 orang iaitu 1/4 dari jumlah penduduk Pulau Labuan, terutamanya pelarian dan pendatang Filipina dan saya memohon agar setinggan di pinggir bandar ini dipindahkan ke satu tempat yang lebih sesuai di luar daripada kawasan bandar. Program pemindahan atau penempatan semula setinggan ini haruslah dijadikan sebagai projek priority Kerajaan, dan perlaksanaannya haruslah dijalankan secepat mungkin oleh Kerajaan. Pemandangan ini kalau tidak dapat diperbaiki, ianya akan melunturkan keyakinan, para pelabur asing yang sentiasa mengawasi setiap langkah ke arah pembangunan Labuan sebagai IOFC yang mempunyai integriti yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Persekutuan Labuan seperti yang saya nyatakan telah diberikan status Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa pada lhb Oktober, 1990 melalui 5 undang-undang dan beberapa pengecualian dibuat terhadap Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Cukai Setem. Dengan ini sektor swasta dan syarikat antarabangsa telah menunjukkan minat dengan galakan-galakan yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Pusat. Dan pertanyaan-pertanyaan dari beberapa pembekal asing juga telah diterima berhubung dengan pelaburan dalam industri pembinaan. Dengan sambutan yang begitu positif dan menggalakkan, saya sangat yakin bahawa pembangunan Labuan sebagai IOFC akan menjadi satu kenyataan, dan saya ingin memberi beberapa cadangan kepada Kerajaan bagaimana pembangunan ini dapat dipesatkan dan direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perintah ini, iaitu cukai pendapatan pengecualian, pendapatan seseorang yang diperolehi daripada pembinaan yang diiktiraf, dengan izin, qualifying asset, sepertimana yang dihuraiakan, termasuklah jalan, saluran, kemudahan telekomunikasi, sekolah, hospital, pejabat, Pos atau kemudahan lapangan terbang, hotel dan apa sahaja kemudahan awam, atau kemudahan rekreasi atau aset yang diiktiraf dan disewakan di Labuan akan dikecualikan dari cukai pendapatan sehingga 50% bagi pendapatan yang telah diselaraskan dari punca tahun taksiran 1992 dan bagi tahun-tahun berikutnya. Ini secara berkesan bermakna bahawa

pengecualian 50% dari cukai pendapatan ke atas pendapatan yang diselaraskan akan berakhir pada tahun 1995.

Dengan kadar pembangunan Pulau Labuan ini sekarang, adalah difikirkan bahawa galakan cukai yang diberi tidak akan dapat atau mustahil dapat digunakan sepenuhnya. Dalam lain perkataan, galakan cukai itu tidak akan memberi kesan wajar menjelang tahun 1995 seperti mana yang dirancangkan.

Adalah difahami bahawa di dalam industri pembinaan ini, satu-satu pelan itu akan mengambil masa sekurang-kurangnya setengah tahun atau mungkin lebih sebelum satu-satu pembinaan itu dapat dimulakan. Ini pada keseluruhannya adalah oleh kerana masa yang agak lama diambil oleh pihak berkuasa menyemak dan meluluskan pelan itu, menyediakan kerja-kerja yang perlu dilakukan sebelum pembinaan bermula dan juga bagi mendapatkan ongkos pembiayaan projek itu.

Pembinaan hotel, pejabat, kompleks perdagangan dan jalan-jalan terutama sekali dijangkakan bergerak dengan lebih pesat hanya dalam tahun 1992 dan 1993. Oleh kerana itu, Kementerian Kewangan adalah diminta untuk menimbangkan supaya tempoh pengecualian ini dilanjutkan untuk selama lima tahun supaya penilaian bermula dari tahun 1993 dan akan berakhir pada 1997.

Satu lagi pindaan kepada perintah ini perlu dipertimbangkan dengan serius ialah perlanjutan kemudahan ini kepada industri pembinaan dan penyewaan bangunan-bangunan untuk kediaman. Dengan

perkembangan Labuan sebagai Pusat IOFC, adalah dianggapkan lebih ramai orang akan berpindah ke Labuan dan dengan itu akan mewujudkan permintaan yang lebih tinggi terhadap tempat kediaman. Kerajaan dengan ini diminta bagi menimbangkan perkara ini dengan serius dan meminda perintah ini bagi memasukkan juga bangunan-bangunan kediaman agar diberikan insentif cukai berupa 50% abatement of tax selama 5 tahun mulai tahun taksiran yang sama, yang saya cadangkan bermula dari tahun taksiran 1993 dan berakhir pada tahun taksiran 1997.

Perkara kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan cukai Pendapatan Pengecualian No. 18 Perintah 1990. Di bawah Perintah ini, pendapatan yang diperolehi oleh seseorang daripada punca yang berasaskan peruntukan bagi perkhidmatan profesional yang diiktiraf di Labuan akan dikecualikan daripada cukai hingga ke satu jumlah yang sama dengan 50% daripada pendapatan yang diselaraskan dari tahun penilaian 1992 hingga tahun penilaian 1997. Walau bagaimanapun, keperluan bagi perkhidmatan profesional masih belum diperlukan sepenuhnya di Labuan pada masa ini. Oleh sebab kadar pembangunannya belum begitu pesat, adalah dijangka keperluan bagi pelbagai perkhidmatan profesional seperti guaman, akaun, seni-bina, pengurusan dan perunding kewangan, komputer dan lain-lain akan meningkat dengan bertambahnya permintaan apabila Labuan mencapai tahap pembangunan yang tertentu dan saya menjangkakan tahap pembangunan ini tidak akan tercapai sebelum tahun 1995. Dengan mengambilkira perkara ini dan bagi membolehkan Perintah ini mempunyai kesan sepertimana yang dimaksudkan, dalam hal ini saya memohon agar Kerajaan meminda Perintah ini bagi melanjutkan tempoh pengecualian cukai 50% itu untuk selama 5 tahun lagi, iaitu dari tahun 1995 hingga tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Labuan hendak dibangunkan sebagai pusat kewangan antarabangsa yang terbesar di rantau ini, status Labuan sekarang sebagai tax haven dengan galakan kemudahan cukai yang positif sahaja adalah tidak mencukupi. Satu perkara lain yang juga sama pentingnya ialah pengaliran maklumat yang bebas dan

kemudahan untuk mendapatkan maklumat yang terkini dan mutakhir adalah amat penting. Dan bagi membuat keputusan-keputusan kewangan terutama sekali di lapangan pelaburan dan pengurusan kewangan yang berpunca daripada sumber-sumber antarabangsa, maklumat terbaru atau mutakhir mengenai perkembangan di ibu-ibu negara antarabangsa dan juga pasaran-pasaran wang dan maklumat berhubung dengan perkembangan politik di sekeliling dunia adalah sangat diperlukan dengan tidak boleh tidak, dan pengurus-pengurus kewangan memerlukan maklumat terkini.

Tuan Yang di-Pertua, satu cara bagi melengkapkan keperluan ini adalah dengan menghubungkan Labuan dengan dunia luar melalui media Televisyen. Dari segi tekniknya ia boleh dilakukan dengan adanya stesen satelit seperti PALAPA di Indonesia dan lain-lain stesen di Lautan Hindi dan Pasifik, dan pembinaan alat penerima pemancar TV atau Television Receiving Only, dengan izin, yang dihalakan ke stesen-stesen satelit akan membuka luas usaha mendapatkan maklumat terkini dari seluruh dunia bagi membantu pengurus-pengurus membuat keputusan. Oleh yang demikian, saya memohon agar Kerajaan dapat mempertimbangkan permit kepada syarikat IOFC bagi tujuan penggunaan TVRO di Labuan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Labuan boleh juga digunakan bagi menyumbang terhadap melegakan kedudukan kecairan kewangan negara sekarang. Pada masa ini negara sedang menghadapi tekanan kewangan yang membawa kepada kenaikan kadar faedah secara keseluruhannya. Ini adalah disebabkan oleh kenaikan kos modal kewangan dan dengan itu paras harga secara menyeluruh dianggarkan akan meningkat. Untuk membendungkan aliran inflasi ke satu tahap yang boleh diterima, beberapa pilihan terbuka kepada Kerajaan boleh dilakukan.

Kedudukan kecairan dalam negara sekarang ini adalah oleh kerana beberapa sebab. Selain daripada keperluan bagi simpanan berkanun yang lebih tinggi yang perlu diikuti oleh sektor bank, pelabur-pelabur asing terutama sekali di dalam sektor pengeluaran dan perniagaan, telah juga bertanggungjawab bagi mengurangkan kecairan dalam negara ini melalui penggunaan kemudahan-kemudahan seperti kemudahan ECR (Export Credit Refinancing), dengan izin, di mana syarikat yang dikawal oleh bukan pemastautin Malaysia mengambil kesempatan kemudahan pinjaman dengan sepenuhnya, meminjam sehingga \$10 juta tanpa memerlukan kelulusan Bank Negara, melainkan jumlah yang dipohon melebihi \$10 juta maka barulah kelulusan daripada Bank Negara diperlukan.

Status Labuan sebagai IOFC boleh dipergunakan untuk melegakan sedikit-sebanyak kedudukan kewangan sekarang ini. Pelabur-pelabur asing yang telah meminjam dalam bentuk matawang Ringgit patut digalakkan menjadual semula pinjaman Ringgit mereka dengan menukarkan kepada matawang asing. Ini adalah memberikan dua kesan terhadap kedudukan kecairan negara. Pada jangka pendeknya lebih banyak lagi Ringgit beredar dalam ekonomi bagi pengeluar dan peniaga-peniaga tempatan dan pada jangka masa panjangnya pula dengan meningkatkan rizab luar negeri, bekalan wang dalam negeri boleh ditambah. Kedua-dua ini akan membatnu pengurangan tekanan kedudukan kecairan ini. Ini pula akan membantu mengawal tekanan inflasi. Bank-bank luar pesisir di Labuan boleh memainkan peranan ini dengan berkesan dengan kerjasama dan arahan daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh serba sedikit tentang perkhidmatan pengangkutan ulang-alik di antara Labuan dan Bandar Sri Bangawan dan bandar-bandar yang berdekatan dengan Labuan supaya difikirkan. Pada masa ini ada lebih kurang 10,000 orang pekerja asing di Brunei dan di kawasan-kawasan sekitar Labuan. Pekerja-pekerja asing ini mahukan satu cara hidup yang lebih bebas dan juga hiburan yang kesemuanya berkurangan di negara jiran kita. Oleh kerana Labuan sedang menuju ke arah pertumbuhan dan pembangunan yang pesat, ia adalah satu tempat yang sangat ideal untuk pekerja asing daripada negara jiran kita dan juga daripada kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Labuan. Ini bukan sahaja untuk tujuan menghabiskan masa hujung minggu mereka, tetapi juga untuk tinggal di Labuan dan berulang-alik ke Brunei setiap hari.

Untuk menjadikan ini suatu kenyataan, hak pendaratan khas untuk syarikat penerbangan daripada Brunei perlu juga difikirkan secara serius dan juga kemungkinan mengadakan perkhidmatan ulang-alik supaya dikaji. Kehadiran pengunjung di Labuan akan menyumbang akhirnya kepada pertumbuhan dan pembangunan pulau tersebut, dan dengan kemasukan matawang asing, bank dan syarikat insurans dijangka akan menikmati jumlah perniagaan yang lebih besar oleh kerana kehadiran pelawat asing ini. Dan saya menyarankan agar MAS dapat menimbangkan bagi mewujudkan semula penerbangan bagi sektor Labuan dan Bandar Sri Bangawan dengan kadar yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini rakyat Malaysia yang jumlahnya agak besar sedang menjalankan perniagaan luar pesisir dengan mengendalikan perniagaan mereka di negara-negara yang mempunyai struktur cukai yang rendah. Mereka mungkin terus berbuat demikian untuk mengelakkan cukai pendapatan yang tinggi di Malaysia.

Dan pada masa akan datang jumlah rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti perniagaan luar pesisir ini adalah dianggarkan akan bertambah lagi. Dalam hal ini, Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan, 1991 yang merangkumi pengenaan cukai taksiran dan kutipan ke atas aktiviti perniagaan offshore yang dijalankan oleh syarikat-syarikat offShore tidak menguntungkan rakyat Malaysia yang terlibat.

Mengikut Akta Syarikat Luar Pesisir Antarabangsa 1990, penduduk-penduduk Malaysia tidak boleh menjadi pemegang saham syarikat Luar Pesisir di Labuan dan oleh kerana itu, adalah lebih sihat jika Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 itu dipinda bagi membolehkan rakyat Malaysia menubuhkan dan mendaftarkan syarikat-syarikat Offshore mereka di Labuan bagi tujuan perniagaan Offshore mereka di negara-negara luar.

Perubahan ini akan menguntungkan Kerajaan dari segi kutipan wang atau dari segi kutipan cukai sebanyak 3% ke atas keuntungan yang boleh dicukai atau \$20,000 fees yang dikenakan. Meskipun ini adalah merupakan satu jumlah yang kecil tetapi ianya hilang begitu sahaja mengikut kedudukan yang ada sekarang ini.

Saya berharap pihak Kerajaan akan memberikan pertimbangan yang serius terhadap cadangan-cadangan yang saya sebutkan tadi dalam usaha menggalakkan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa yang terbesar di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah diperkatakan tentang kemudahan yang disediakan untuk menentukan Labuan berjaya sebagai IOFC dan yang rata-ratanya akan mendatangkan keuntungan kepada pelabur asing dan multi-national corporations tetapi sedikit diperkatakan hasil dan manfaat yang boleh dinikmati oleh rakyat di negara ini khususnya penduduk Labuan sama ada secara langsung atau tidak.

Kerajaan Pusat sudah tentu akan mengutip hasil yang banyak sekiranya ramai yang akan menggunakan Labuan sebagai pusat Offshore mereka. Selain daripada peningkatan penawaran dalam sektor pekerjaan, peningkatan nilai hartanah, ruang pejabat dan ruang niaga dan peningkatan permintaan terhadap barangan dan barang makanan daripada pertumbuhan penduduk dan kedatangan pelancong berkunjung ke Labuan, adalah ternyata tidak banyak yang boleh dinikmati oleh penduduk tempatan secara langsung atau tidak. Saya yakin dan percaya tentang keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat dan itulah sebabnya rakyat memberikan sokongan yang berterusan dengan padu seperti yang telah ditunjukkan dalam pilihanraya kecil Serkam dan Jerlun baru-baru ini.

Keputusan Kerajaan menjadikan Labuan sebagai IOFC juga bertujuan bagi membangunkan Labuan dan penduduknya agar dapat menikmati hasil pembangunan tersebut. Oleh yang demikian, perlunya ada satu Pelan Pembangunan Sosio-Ekonomi yang seimbang, sejajar dan selari dengan peningkatan atau perkembangan statusnya yang baru ini supaya ekonomi penduduk jati tempatan dapat bergerak seiringan. Sekiranya ianya tidak diambil kira dan diberi perhatian, maka akan lahirlah satu kepincangan dari segi pembangunan dan sekiranya ini berlaku, saya khuatir Labuan tidak akan berjaya untuk menarik pelabur multi-national tanpa mendapat sokongan dan kerjasama daripada masyarakat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan status yang baru ini, saya mengharapkan pulau yang penuh dengan sejarah yang mulanya dimiliki oleh Sultan Brunei sehingga tahun 1884 apabila ianya diserahkan kepada Rajah James Brooke sebagai British Crown Colony yang pertama di Borneo.

Dengan tertubuhnya Lembaga Pembangunan Labuan ini nanti, pertumbuhan pembangunan Labuan ini akan lebih teratur dan maju serta kecantikannya pula akan terpelihara. Seperti kita sedia maklum bahawa penduduk tempatan belum tentu akan dapat mengambil bahagian dan memperolehi manfaat daripada pembangunannya sebagai IOFC. Oleh yang demikian, saya dengan penuh serius mencadangkan supaya satu Tabung Amanah seperti Amanah Saham Nasional atau Amanah Saham Bumiputera diwujudkan di bawah Lembaga ini agar segala keuntungan dapat diagih-agihkan kepada penduduk jati Labuan dalam bentuk dividen. Saya juga berpendapat bahawa usaha yang sama ini juga boleh dilaksanakan di Langkawi oleh Lembaga Pembangunan Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah itu?

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Satu muka lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana ada satu Rang Undang-undang yang ke belakang itu.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Dua minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu mustahak. [Ketawa]

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Kerajaan khususnya Jabatan Penerbangan Awam supaya dapat mempertimbangkan permintaan penggunaan terminal Lapangan Terbang Labuan dan memberikan peruntukan agar keseluruhan bangunan terminal yang baru diubahsuai itu dapat dilengkapi dengan peralatan hawa dingin agar kita dapat memberikan keselesaan kepada penumpang-penumpang dan para pelawat. Selain daripada itu, saya juga ingin mengesyorkan kepada Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) supaya dapat menyediakan perkhidmatan bas daripada terminal ke pesawat. Kini penumpang terpaksa berjalan kaki sejauh tidak kurang daripada 200 meter daripada pesawat ke bangunan terminal. Ini adalah juga bagi tujuan-tujuan keselamatan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengulas tindakan sebuah kumpulan yang menamakan diri mereka sebagai Jawatankuasa Tetap Labuan atau Labuan Standing Committee yang dipimpin oleh bekas Ketua Menteri Sabah yang sentiasa bertindak dan memberikan pandangan-pandangan yang bercanggah kepada apa yang telah dirancangan oleh Kerajaan. Beliau dalam memorandumnya yang akan disampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan ketidakpuasan hati mereka bahawa kedudukan Pusat Kewangan atau kedudukan Taman Kewangan yang telah dirancangan oleh Kerajaan adalah diletakkan di tempat yang tidak sesuai. Beliau mencadangkan

supaya ia diletakkan di satu tempat yang lebih strategik, tetapi saya rasa beliau ini sememangnya mempunyai kepentingan-kepentingan peribadi sahaja. Kalau perkara ini tidak dibendung, saya kluatir pembangunan Labuan sebagai IOFC tidak akan dapat berjalan dengan lancar dan saya ingin menyarankan supaya penduduk Labuan, sama ada daripada sektor perniagaan atau orang-orang perseorangan, dapat memberikan sokongan sepenuhnya ke atas usaha-usaha Kerajaan bagi memajukan pulau tersebut dan mengeneipkan soal-soal kepentingan peribadi dan kita tidak mahu melihat kumpulan-kumpulan seperti ini bertindak yang boleh menghalang kemajuan pembangunan seperti yang berlaku di Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong. Yang Berhormat hendak berucap berapa panjang?

3.28 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: Pendek sahaja. Saya biasanya tidak mengambil masa yang panjang, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, mengikut huraian, Rang Undang-undang ini bertujuan mewujudkan suatu pertubuhan perbadanan yang akan dikenali sebagai "Lembaga Pembangunan Labuan (LPL)". Lembaga ini bertanggungjawab memaju dan menggalakkan pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan, terutamanya sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, destinasi pelancongan dan kawasan bebas duti.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun gembira juga kerana Yang Berhormat Labuan telah menyentuh banyak perkara yang penting termasuk yang terakhirnya mengenai Jawatankuasa Tetap yang saya pun baru sahaja dengar suara daripada Jawatankuasa tersebut dan memandangkan aktiviti-aktiviti yang dimainkan oleh Jawatankuasa ini ia boleh dianggap Jawatankuasa Luar-Luar Pesisir ini (Offshore-Offshore Standing Committee). Ini satu Jawatankuasa khas yang dipimpin oleh orang-orang yang tertentu. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah peranan dan fungsi Jawatankuasa Tetap ini yang mengesyorkan dan membuat rekomendasi-rekomendas. Dua hari yang lepas, saya dengar siaran di dalam RTM juga mengenai syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Tetap itu.

Saya terkejut juga kerana saya nampak semasa kita membentangkan Rang Undang-undang untuk mengadakan LPL ini, ada satu Lembaga di luar pesisir lagi iaitu Lembaga Luar Pesisir Labuan untuk membuat cadangan membangunkan Labuan. Itu satu perkara yang anih binti hairan - bukan "bin" kerana ini daripada Kampung Lautlah. [Ketawa]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak kami telah membangkitkan beberapa perkara yang disuarakan oleh Yang Berhormat Labuan termasuk lebih 10,000 orang pendatang tanpa izin, masalah tanah, masalah pertindihan kuasa di Labuan dan semua ini perlulah dijawab kerana ada soalan-soalan yang pokok yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Labuan. Saya pun bersetuju dengan soalan-soalan seperti ini dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat meneliti dan menjawab semua, bukan seperti jawapan semalam, hanya mengikut suara Yang Berhormat Padang Terap sahaja. Kita hendakkan jawapan yang tepat, bukan mengikut suara orang, kerana Labuan akan dibanjiri oleh syarikat-syarikat raksaksa, antarabangsa, trans-nasional, multi nasional dan juga orang-orang yang lain yang mempunyai wang dan dengan kebanjiran wang luar persisir ini memang akan berlaku pelbagai masalah di Labuan. Dengan kebanjiran wang yang begitu banyak memang banyak aktiviti-aktiviti yang tidak diingini boleh dan mungkin berlaku di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, seawal bulan Mei 1991, Yang Berhormat Menteri Kewangan sudahpun mengumumkan penubuhan Lembaga sebegini, Itu enam bulan yang lepas, dan Pasukan Petugas Khas yang diketuai oleh bekas Menteri Kewangan, Yang Berhormat dari Merbok dipertanggungjawabkan tugas ini. Sekarang Pasukan Petugas Khas ini menjadi Lembaga. Itu sahaja yang dikatakan hari ini. Satu Pasukan Petugas sudah pun ada, cuma sekarang ini disahkan daripada segi undang-undang.

Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyebutkan hal seperti ini dan Yang Berhormat Padang Terap pun tidak berminat. Dengan penubuhan Lembaga.....

Seorang Ahli: Jangan kacaulah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak kacau orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan berdialog. Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini bukan kesalahan saya. Kumat-kamit dan desas-desus pun ada.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Labuan bangun.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Yang Berhormat menyatakan bahawa Pasukan Petugas Khas untuk melihat pembangunan Labuan sebagai pesisir telah ditubuhkan dan LPL baru sahaja dibentangkan di Parlimen dan belumpun diluluskan. Bagaimana Yang Berhormat tahu Ahli-ahli daripada LPL itu orang yang sama yang akan duduk sebagai ahli di dalam Pasukan Petugas Khas ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Yang Berhormat Labuan mencadangkan lantikkanlah saya menjadi Menteri Kewangan untuk menjawab semua ini.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Itulah caranya untuk menjawab. Kalau pihak di sebelah situ tidak boleh menjawab, itulah satu kelemahan yang timbul. Kita tunggu jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan

Menteri dan saya akan tambahlah kalau diberi peluang mengenai hal ini kerana memang Yang Berhormat pun tahu, satu Pasukan Petugas Khas pun telah ditubuhkan untuk maksud tersebut. Dengan penubuhan Lembaga, maka pentadbiran Labuan dibahagikan di antara Lembaga dengan Majlis Perbandaran Labuan. Lembaga pula diberi penguasaan perkembangan satu daerah yang akan dikenali sebagai kawasan Lembaga Pembangunan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan pulau-pulau yang dimasukkan ke dalam kawasan Lembaga ini dan akan diwartakan tidak lama lagi. Bolehkah Yang Berhormat itu memberitahu Dewan yang mulia ini keluasannya dari segi berapa hektar akan diwartakan untuk maksud tersebut dan di bawah seksyen 28 Rang Undang-undang ini apa-apa harta takalih bukan tanah Kerajaan boleh diambil oleh Lembaga asalkan ia memerlukan kepingan tanah itu. Maka ini mungkin bermakna lambat-laun tidak banyak tanah yang tertinggal sebagai kawasan bukan kawasan Lembaga. Hal ini perlulah dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua tidak ingat kerana Tuan Yang di-Pertua tidak ada di sini pada beberapa tahun yang lepas. Bekas Yang Berhormat Sandakan pernah membangkitkan hal tanah di dalam Dewan yang mulia ini dan mungkin Yang Berhormat Padang Terap pun tidak ada pada waktu itu. Oleh kerana ada angka-angka yang dipertikaikan oleh pihak Kerajaan, maka bekas Yang Berhormat Sandakan pun dihadapkan ke Jawatankuasa Pilihan dan dihalang daripada menghadiri satu sesi Parlimen kerana membangkitkan hal masalah pemilikan tanah di Labuan. Kita awal-awal lagi telah membangkitkan hal seperti ini kerana pihak kami mengetahui betapa pentingnya masalah tanah di Labuan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Kepong, adakah dia ingat lagi bahawa Encik Fung Ket Weng, bekas Ahli dari Sandakan yang diambil tindakan oleh Parlimen menggantung keahliannya kerana dia telah membuat tuduhan yang melulu seperti mana juga Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi. Dia telah membuat tuduhan tanpa bukti yang mengatakan bahawa ahli-ahli Petugas Khas itu adalah juga akan menjadi ahli-ahli Lembaga Pengarah. Jadi, apakah ini persamaan dan boleh Dewan ini mengambil tindakan disiplin?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dia hendak disiplin sahaja. Sepatutnya dia mendisiplinkan dirinya sendiri untuk mendalami masalah seperti ini. Jadi, soal yang dibangkitkan oleh Tuan Fung Ket Weng itu mengenai kepentingan orang-orang Labuan dan orang-orang Malaysia....

Tuan Haji Awang bin Jabar: Pandang sana.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang saya pandang sana.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah tidak awal-awal lagi Kerajaan membubarkan sahaja Majlis Perbandaran Labuan dan membiarkan Lembaga mengambilalih semua tugas mentadbir Labuan? Pada hemat kami, bukankah ia merumitkan pentadbiran dan kawalan jika hanya sebahagian sahaja Pulau Labuan adalah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa terutama sekali apabila melibatkan kegiatan ekonomi rakyat tempatan di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kita ada Majlis dan kemudian ada Lembaga. Walaupun di sini ada langkah-langkah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan tidak terpakainya Ordinan Perancang Bandar dan Desa Sabah, kerana mungkin akan mewujudkan satu pertindihan kuasa, tetapi hanya satu Ordinan yang dimasukkan di sini sebagai tidak boleh dipakai lagi dan ada banyak lagi kuasa-kuasa yang akan bertindih, kerana di Labuan dengan pusat IOFC ini memang banyaklah yang akan terlibat seperti Kastam, Kementerian Kewangan dan berbagai-bagai Jabatan. Bank Negara pun terlibat dan banyak kuasa-kuasa di situ dan pertindihan kuasa memang merupakan satu realiti dan di sini dengan adanya satu kawasan khas, akan mewujudkan satu pertindihan kuasa. Saya sebutkan ini di sini kerana saya khuatir beberapa tahun akan datang akan timbul banyak masalah. Lagi pun perkembangan infrastruktur yang lebih seimbang boleh terlaksana jika seluruh Pulau Labuan diwartakan menjadi kawasan Pembangunan Lembaga.

Sebaliknya jika Lembaga dan Majlis Perbandaran melaksanakan projek pembangunan infrastruktur masing-masing, kos projek bukan sahaja lebih tinggi tetapi besar kemungkinan Majlis akan menghadapi kesulitan kewangan untuk mengendalikan projek apabila semakin banyak kawasan diwartakan sebagai kawasan pembangunan Lembaga dan seterusnya hasil kutipan cukai Pihak Berkuasa Tempatan semakin berkurangan. Mungkin Kerajaan boleh menimbangkan untuk menyerap tugas-tugas Majlis sebagai sebahagian kecil daripada tanggungjawab

Lembaga. Misalannya, seperti satu Jabatan Hal Ehwal Tempatan. Penyertaan kedua-dua Lembaga dengan Majlis Perbandaran juga boleh mengelakkan sebarang pertikaian mengenai bidang penguasaan masing-masing. Saya pun setuju dengan Yang Berhormat Labuan mengenai betapa pentingnya pihak Kerajaan memastikan orang-orang tempatan dapat menikmati kemajuan dan pembangunan di Labuan. Ini satu perkara yang penting yang harus diberi priority untuk selama-lamanya.

Perkara lain ialah semasa Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan penubuhan Pasukan Petugas Khas Labuan. Disebutkan bahawa peranan utama Lembaga adalah untuk mengkaji semua cadangan berkaitan dengan Pembangunan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa sebelum mengemukakan cadangan itu kepada Kabinet untuk diluluskan. Akan tetapi di dalam Rang Undang-undang, perkara ini tidak jelas. Bahagian 2 Lembaga, Seksyen 4(2) hanya menyebutkan tentang kuasa Lembaga untuk menjalankan segala aktiviti khususnya aktiviti yang bersifat komersial atau perindustrian, aktiviti perhubungan pelancongan dan aktiviti penyelidikan dan latihan. Hanya jika Lembaga bercadang menubuhkan syarikat Perbadanan atau Badan lain, atau dengan apa-apa cara lain untuk memperolehi apa-apa stock dan syer atau melupuskan asset, di sebut dengan terus terang bahawa kelulusan Menteri diperlukan. Bolehkah pihak Kementerian menjelaskan perkara ini dengan lebih terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peralihan stock and share kami amat berminat mengetahui apakah yang dimaksudkan oleh Kerajaan dengan rangkap "dengan apa-apa cara lain". Bolehkah Kerajaan memberitahu di bawah keadaan mana cara-cara lain terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi peringatah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sekarang tidak ada prospektus ataupun buku-buku garis panduan sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Terap semalam - buku-buku garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Pertanian Antarabangsa, sekarang Tabung Antarabangsa seperti yang dibahaskan semalam, tetapi buku-buku seperti ini tidak wujud sekarang. Janganlah kita mengelakan jawapannya. Tidak ada buku Garis Panduan sekarang [Ketawa].

Ada Ahli-ahli yang rasa gembira kerana kenaikan kadar elaun. Bila kadar elaun naik, maka kewajipan, tugas, fungsi dan mutu kerja perlu di.....

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sudahkah Yang Berhormat sampai kepada Rang Undang-undang yang dimaksudkan?

Dr Tan Seng Giaw: Belum sampai, kerana inilah tugas dan kesanggupan, kewajipan semua Ahli yang ada di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Janganlah tergopoh-gapah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak, Tuan Yang di-Pertua. Cuma ada dua perenggan sahaja. Saya tidak mengambil masa yang panjang dan itu biasalah. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Behormat, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Bolehkah Kerajaan memberitahu di bawah mana keadaan 'cara-cara lain' terlibat. Difahamkan bahawa bekas Menteri Kewangan akan dilantik sebagai Pengerusi Lembaga. Bolehkah pihak Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini anggota-anggota lain dalam Lembaga, khususnya Pengurus Besar dan ini boleh menunjukkan bahawa saya seorang yang tidak menuduh dengan melulu. Saya juga ingin bertanya siapa yang akan menjadi anggota di dalam Lembaga. Itulah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [Bagun]

Tuan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Padang Terap bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Nampak gayanya dia ini sudah confused. Tadi dia sendiri yang menyatakan bahawa Ahli-ahli yang menjadi anggota Jawatankuasa Petugas Khas itu akan menjadi Ahli Lembaga Pengarah dan juga Pentadbiran. Sekarang dia tanya pula. Hari ini pula logiknya berpusing-pusing. Kelmarin fasal hypothesis doomsday, dan hari ini berpusing-pusing sampai confused.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tidak berpusing-pusing. Saya boleh di dalam hitam putih yang telah saya sebutkan ialah Yang Berhormat Menteri Kewangan sudahpun mengumumkan Penubuhan Lembaga Pasukan Petugas Khas yang diketuai oleh bekas Menteri Kewangan iaitu Yang Berhormat dari Merbok yang dipertanggungjawabkan tugas ini. Itulah yang saya sebutkan. Anggota-anggota ataupun ahli-ahlinya pun disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Terap sahaja. Itulah kebiasaannya untuk menokok-tambahkan. Jadi, taruh garam, taruh lada dan kicap pun taruh juga. Itulah tabiatnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali difahamkan bahawa Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) akan mengenakan garis-garis panduan yang sama ke atas kedua-dua pelaburan asing dan pelaburan tempatan dalam urusan peralihan harta tidak alih (fixed asset) di Labuan. Tetapi struktur percukaian pula tidak sama bagi kedua-dua pelabur asing dengan pelabur-pelabur tempatan. Kononnya Dewan Perniagaan Labuan telah menyeru Kerajaan supaya mengurangkan kadar percukaian mereka. Apakah keputusan pinak Kementerian dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah sebutkan adalah perlu untuk memastikan wujudnya accountability dan answerability dengan LPN ini dan amalan bertanggungjawab. Accountability dan answerability, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat penting kerana kuasa yang bertindih-tindih, kerana kebanjiran wang luar pesisir yang berbilion-bilion ringgit pada masa hadapan di Labuan dan kerana banyak masalah yang timbul termasuk pendatang tanpa izin termasuk masalah tanah, termasuk infrastruktur dan prasarana yang tidak sempurna dan termasuk orang-orang atau pegawai-pegawai yang memerlukan taraf profesional dan beretika.

Jadi, itu semua yang kita sedang menghadapi teething trouble, masalah-masalah permulaan dan kita perlu dari peringkat awal lagi mengambil langkah-langkah dan usaha-usaha yang ketat untuk memastikan semua ini berjalan dengan teratur di dalam falsafah dan etika kewangan yang bersih, cekap dan amanah. Itu yang penting. Dengan pertambahan kadar elaun bagi semua Ahli Yang Berhormat di sini termasuk Timbalan Menteri, kita perlu jawapan yang persis [Disampuk] Apa dua minit sahaja? Itu sikap tak betul. Sikap yang betul, kita perlukan semua Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen mempertingkatkan mutu dan kualiti prestasi mereka. Di dalam Dewan yang mulia ini, kosong sahaja di situ. Kosong di sana. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak menyentuh soal Saraan Ahli Parlimen, kita ada masa, sekarang belum tiba masanya.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan, soal itu tak timbul. Ini soal Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Labuan di sini. Apa yang saya sebutkan di sini ialah penting bagi semua yang ada di sini sekarang mempertingkatkan prestasi dan accountability dan answerability di dalam Dewan yang mulia ini untuk memastikan apabila wujudnya LPL ini, Labuan akan diurus dengan baik di dalam keadaan di mana benar-benar wujudnya konsep bersih, cekap dan amanah untuk memelihara kepentingan negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, diminta jawab.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato Loke Yuen Yow]: [Bangun]

Tuan Haji Ibrahim bin Pateh Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa kourum Dewan ini tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Setiausaha, sila bilang. 20 orang.

Loceng dibunyikan.

[Ahli-ahli dikira, 41 Ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: 41 orang, kourum cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

3.57 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan beri pertimbangan atas semua cadangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Labuan dan Kepong yang telah mengambil bahagian dan telah memberi pandangan-pandangan ataupun teguran-teguran atas beberapa perkara yang harus saya memberikan jawapan sedikit. Kemungkinan saya tidak dapat menyentuh ataupun memberikan jawapan kepada semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi saya akan cuba memberikan jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan telah membangkitkan berkenaan dengan nilai tanah di Pulau Labuan dan mengatakan bahawa pada masa ini semakin naik. Yang Berhormat berkenaan bimbang bahawa nilai tanah semakin naik ini akan menjejaskan kehidupan penduduk di Labuan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa ciri ini adalah satu

fenomena yang biasa bagi sesebuah kawasan yang membangun seperti Labuan dan juga Pulau Langkawi dan tempat-tempat lain, dan ini menunjukkan kejayaan yang telah dan sedang berjalan di Labuan. Dalam konteks ekonomi terbuka, Kerajaan tidak boleh mengawal sepenuhnya kenaikan harga biasa dalam pasaran. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan cuba mengawal sejauhmana yang boleh pembelian tanah yang berbentuk spekulatif. Saya ingat tindakan ini akan sedikit-sebanyak boleh menolong ataupun mengawal kenaikan terlalu tinggi nilai hartanah di Labuan yang diakibatkan oleh pembelian yang berbentuk spekulatif.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawalan tanah hakmilik bumiputera yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan, saya ingin mengatakan bahawa bagi tanah-tanah yang bukan di bawah hakmilik native, usaha pengawalan untuk mengelakkan tanah-tanah tersebut dipindah milik kepada bukan native ataupun golongan bukan bumiputera adalah sukar dilakukan dengan amalan sistem ekonomi terbuka yang kita ikuti sekarang ini.

Walau bagaimanapun, bagi tanah-tanah hakmilik native mengikut Ordinan Tanah Sabah 1930, tanah-tanah tersebut tidak dapat dipindahmilik kepada seseorang bukan native kecuali dengan penukaran hakmilik tersebut kepada hakmilik pajakan dengan kelulusan Jawatankuasa Kerja Tanah Labuan. Syarat-syarat seperti penama tidak boleh menukar hakmilik, mencagar dan memajak akan dikenakan ke atas tanah tersebut, itu dengan sendirinya akan mengawal tanah-tanah tersebut dipindahmilik kepada bukan native ataupun bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan bekas Menteri Kewangan dilantik sebagai Pengerusi LPL, keputusan untuk melantik Pengerusi LPL ini akan dibuat oleh Kerajaan pada satu masa kelak dan cadangan Yang Berhormat dari Labuan itu akan diberi perhatian.

Mengenai aspirasi penduduk Labuan diwakili dalam semua peringkat pentadbiran dan pengurusan LPL, saya ingin mengatakan cadangan tersebut akan diberi perhatian sejauh mana yang boleh dalam mentadbir pulau tersebut.

Mengenai isu pembangunan tidak seimbang di antara kawasan Lembaga Pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan, Rang Undang-undang ini meliputi kawasan keseluruhan Pulau Labuan. Dengan

itu usaha-usaha pembangunan yang akan dijalankan di bawah Rang Undang-undang ini juga akan meliputi seluruh kawasan dan isu pembangunan tak seimbang di antara kawasan LPL dan MPL tidak akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Labuan juga membangkitkan kemungkinan timbulnya pertikaian dalam pelaksanaan kuasa di antara MPL dan LPL. Saya ingin di sini mengatakan bahawa langkah-langkah akan diambil bagi memastikan bahawa tidak timbul pertikaian sedemikian.

Selain dari itu, Fasal 22(6) yang memberikan kuasa kepada Menteri untuk memutuskan sama ada sesuatu perkara itu di dalam bidang kuasa LPL dan MPL dan masalah ini akan hanya berbangkit dalam perkara-perkara yang tersebut dalam Fasal 22(1).

Berkenaan dengan perbezaan di antara Menteri yang disebutkan dalam undang-undang Sabah yang berkuatkuasa di Labuan dan Menteri dalam Rang Undang-undang ini, saya ingin mengatakan bahawa dalam perkara-perkara yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini, Menteri Kewanganlah yang bertanggungjawab. Adalah dijangkakan bahawa penyelarasan bidang kuasa akan dilakukan semuanya dalam Kabinet.

Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Labuan juga membangkitkan perkara mengenai perwakilan Majlis Perbandaran Labuan (MPL) dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh MPL, saya ingin

mengatakan bahawa wakil-wakil Jabatan yang berkaitan akan diambil atau dilantik menduduki beberapa jawatankuasa teknikal yang akan diwujudkan oleh LPL dan ini akan memberi pertimbangan.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga meminta jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk mewujudkan LPL ini. Seperti yang telah saya nyatakan dalam ucapan saya semalam, tidak dapat ditentukan lagi setakat ini. Walau bagaimanapun, untuk pembangunan, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Labuan bahawa sejumlah \$361.617 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Yang Keenam bagi pembangunan Labuan dan setakat ini saya ingin memberi sedikit sebanyak laporan kepada Ahli Yang Berhormat dari Labuan yang berminat untuk mengetahui projek-projek ataupun peruntukan-peruntukan yang telah dibelanjakan ke atas projek-projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Lapanganterbang Labuan ini telah diubahsuaikan dengan kos \$2.4 juta dan kerja-kerjanya sudah disiapkan dan juga projek hospital baru juga telah bermula dan hospital ini akan mengandungi 105 katil dan ini akan ditingkatkan kepada 250 katil apabila diperlukan. Dan juga projek pasaraya di atas tapak tanah lebih kurang 34 ekar akan dikenalpasti dan akan dibina dan hotel pun akan dibina dan juga penubuhan sekolah antarabangsa, Taman Mini Pertanian Pulau Papan dan Projek Pusat Pembiakan dan Pameran Burung Eksotik itu juga akan bermula pada bulan April tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek yang lain seperti apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan penempatan semula pendatang tanpa izin, itupun Kerajaan telah mengambil tindakan supaya tanah seluas 40 ekar di muara Sungai Kinabeluah telah dikenalpasti untuk rancangan tersebut di atas dan peruntukan sebanyak \$10 juta telah disediakan. Dan inilah sedikit sebanyak laporan berkenaan dengan kerja-kerja projek yang telah dimulakan di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peranan dan tugas MPL serta agensi-agensi Persekutuan di Wilayah Persekutuan Labuan, bagi menyelaraskan dan mengelakkan sebarang pertindihan tugas serta mengelakkan sebarang kemungkinan percanggahan dan kekeliruan dari segi peruntukan undang-undang dalam hubungan kuasa LPL dengan tugas dan peranan MPL serta lain-lain jabatan dan agensi Persekutuan di Labuan, peruntukan di bawah Seksyen 22 Bahagian V dan Seksyen 32 dan 33 Bahagian IV telah dibuat kepada Rang Undang-undang ini, ini adalah memastikan bahawa masalah ini dapat diselesaikan.

Dan juga Ahli Yang Berhormat dari Labuan mengatakan bahawa semasa menjalankan fungsi-fungsi yang diwakilkan kepada Pengerusi, adakah Lembaga boleh mengawalseliana jikalau masalah itu timbul atas kuasa yang telah diberikan kepada Pengerusi. Saya ingin di sini meyakinkan Ahli Yang Berhormat dari Labuan bahawa Lembaga boleh

menarik balik perwakilan kuasa kepada Pengerusi dengan kelulusan Menteri jika didapati perlu bahawa kuasa yang telah diberikan kepada Pengerusi itu telah menimbulkan beberapa masalah. Dan ini secara tidak langsung merupakan suatu cara bagi mengawal pelaksanaan kuasa ataupun fungsi oleh Pengerusinya di bawah Fasal 11(2).

Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga bertanya adakah Fasal 22(4) bermakna MPL tidak lagi menjadi pihak berkuasa dalam hal-hal perlesenan dan lain-lain lagi bagi perkara-perkara yang disebut di dalam undang-undang kecil itu.

Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah ya, MPL akan mengambil alih semua bidang kuasa di bawah undang-undang kecil yang disebutkan di dalam Fasal 22(4) apabila atau sekiranya MPL diarahkan menjalankan kuatkuasa ataupun menunaikan tugas di bawah Fasal 22(3) dan ini tidak akan termasuk apa yang tersebut dalam Fasal 22(4).

Berkenaan dengan pengaliran maklumat yang bebas untuk syarikat-syarikat ataupun penduduk di Labuan, saya ingin mengatakan bahawa Kerajaan sedang meningkatkan kemudahan telekomunikasi di Labuan bagi memastikan bahawa syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan berupaya mendapat maklumat dengan mudah. Satu ibusawat berkomputer akan dipasang dan apabila siap boleh menampung sebanyak 8,000 talian dan boleh ditambah kepada 500,000 talian apabila perlu. Di samping itu, perkhidmatan telekomunikasi yang lain seperti Maypack, Datel ataupun Data Communication Using Public Switch Telephone Network (ATUR) juga akan disediakan. Cadangan berkenaan dengan TV yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat akan diberi pertimbangan oleh Kerajaan. Jikalau perlu, Kerajaan akan membuat keputusan.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga minta Kerajaan supaya memastikan bahawa penduduk Labuan menikmati faedah langsung daripada projek IOFC Labuan. Sebenarnya, Kerajaan ambil berat kebaikan dan kebajikan penduduk tempatan di Labuan. Pembangunan-pembangunan IOFC Labuan akan secara langsung dan tidak langsung memberi faedah dan manfaat kepada masyarakat tempatan dan Labuan ini akan dijadikan satu pelabuhan bebas. Seperti apa yang saya katakan, semua ini akan memberi faedah dan manfaat secara langsung atau tidak langsung kepada penduduk di Labuan. Cadangan menubuhkan satu tabung amanah untuk penduduk Labuan, saya tidak boleh memberi jawapan yang ketara

pada hari ini, tetapi saya boleh memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan akan memberi pertimbangan kepada cadangan ini dan juga cadangan-cadangan lain yang konstruktif.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga Labuan tadi juga menyentuh berkenaan dengan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Labuan. Pada pengetahuan saya hanya satu Jawatankuasa Tetap yang ditubuhkan oleh Kerajaan, iaitu yang dipengerusikan oleh KSN, tidak tahu kononnya ada jawatankuasa tetap yang lain. Pada masa ini ada dua jawatankuasa; satu jawatankuasa.....

Dr Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dato' Loke Yuen Yow: Nantilah, sabar sedikit. Yang Berhormat dari Kepong. Ada dua jawatankuasa: satu ialah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Labuan dan satu lagi iaitu Jawatankuasa Petugas Khas Pembangunan Labuan. Hanya dua jawatankuasa yang saya tahu pada pengetahuan saya yang telah menjalankan tugas setakat ini untuk memastikan bahawa projek-projek di Labuan itu dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Dr Tan Seng Giaw:[Bangun]

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong dahulu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu menyiasat dengan teliti kerana dua hari yang lepas saya dengar siaran radio RTM mengatakan bekas Ketua Menteri Sabah yang mengetuai jawatankuasa itu yang membuat perakuan-perakuan dan syor-syor kepada Kerajaan untuk mengadakan

kawasan IOFC yang eksklusif di Labuan. Jadi dengan keeksklusifan itu saya hendak tahulah apa yang sebenarnya berlaku. Mungkin Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang boleh menjawab. Kalau boleh masuk ke Dewan untuk menunjukkan accountability dan answerbility, itu satu perbuatan yang boleh digalakkan.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab dahulukah ataupun bagaimana? Saya rasa satu demi satulah.

Dato' Loke Yuen Yow: Saya anggap apa yang akan ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan adalah serupa. Adakah serupa?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu terpulang kepada Kerusi. Jangan buat sangkaan.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Hampir sama, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pada masa ini ada dua jawatankuasa secara langsung atau tidak melihat tentang pembangunan Labuan secara menyeluruh. Yang pertama ialah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara dan yang kedua ialah Pasukan Petugas Khas yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat dari Merbok. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah setelah LPL ini ditubuhkan nanti kedua-dua jawatankuasa ini akan sendirinya dibubarkan atau dimansuhkan.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan Yang Berhormat dari Kepong tersilap tentang jawatankuasa yang ditubuhkan oleh bekas Ketua Menteri tentang tanggungjawab untuk mengemukakan syor-syor kepada Kerajaan tentang pembangunan, malah jawatankuasa yang dipanggil Labuan Standing Committee ini tidak mendapat sokongan daripada seluruh rakyat Labuan, cuma seorang sahaja bumiputera yang menyertai Jawatankuasa tersebut, yang lainnya semua peniaga-peniaga India daripada Labuan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya ada di sini mewakili Kementerian Kewangan untuk menunjukkan credibility dan accountability Kerajaan. Apa yang saya tidak dengar ataupun seperti apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kepong, apabila saya tidak pasti bahawa apa yang dikatakan oleh beliau adalah benar atau tidak, saya tidak tahu kerana dia tidak dapat memberi jawapan. Jadi apa Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengatakan bahawa beliau mendengar radio berkenaan dengan satu jawatankuasa khas, saya tidak dapat memberi komen berkenaan jawatankuasa itu, saya pun tidak tahu. Tetapi saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa setakat ini hanya ada dua sahaja jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Tetap Pembangunan Labuan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara dan lagi satu Jawatankuasa Petugas Khas Pembangunan Labuan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tun Daim Zainuddin. Apabila Rang Undang-undang untuk menubuhkan satu LPL dapat diluluskan, dan apabila Menteri Kewangan menganggap bahawa dengan wujudnya kedua-dua jawatankuasa ini akan memberi masalah ataupun

pertikaian, dengan kelulusan beliau jawatankuasa-jawatankuasa ini tidak akan wujud lagi. Jadi, ini terpulang kepada Menteri Kewangan dan juga Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan soal Fasal 28. Saya ingin memberitahu di sini bahawa peruntukan ini adalah sama seperti yang terdapat dalam Rang Undang-undang mengenai Kemajuan Wilayah yang lain, sama juga, dan ini hanyalah satu peruntukan pembolehan sahaja. Tanpa peruntukan ini, tentulah tidak mungkin LPL mengambil tanah sedemikian apabila keadaan itu mendesak. Pengambilan ini apabila berlaku adalah tertakluk kepada Ordinan Pengambilan Tanah yang sedang berkuatkuasa di Labuan.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Labuan bangun lagi.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan kerana tidak diberikan jawapan tentang soalan saya tadi berkenaan dengan status LPL ini apabila ia diwujudkan nanti. Kalau kita merujuk kepada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), ianya mempunyai status di mana LADA ini dibenarkan untuk mengambilalih atau mengambil hakmilik tanah rizab Melayu di bawah bidang kuasa LADA. Tetapi apakah dalam bidang kuasa LPL ini kuasa yang sama ini wujud di mana LPL ini boleh mengambil atau membeli tanah-tanah milik bumiputera atau native titles, dengan izin, yang ada di Labuan untuk tujuan pembangunan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan bahawa apabila Rang Undang-undang ini telah diluluskan oleh Parlimen, bidang tugas yang spesifik akan ditentukan oleh Menteri Kewangan supaya LPL atau Jawatankuasa ataupun MPL akan menjalankan satu tugas supaya tidak ada percanggahan ataupun pertikaian kuasa akan berlaku dan apa yang dikatakan spesifik oleh Ahli Yang Berhormat itu belum dapat ditentukan lagi dan Kerajaan akan mengkaji perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong bertanya tentang kawasan LPL. Dalam ucapan semalam saya telah menyatakan ini, kemungkinan Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak ada dalam Dewan ini pada masa itu.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ada di sini, saya dengar beberapa pulau dimasukkan. Saya hanya tanya di sini berapa keluasan, berapa hektar yang terlibat. Jadi, pulau itu namanya banyak, tetapi kita hendak tahu keluasannya.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu saya anggap tidak payah tanyalah. Saya tidak tahu keluasan kawasan LPL, tetapi saya telah sebutkan bahawa ini termasuk Pulau-pulau Burung, Lahad, Labuan, Bepan dan sebagainya dan juga jikalau Yang Berhormat

ingin tahu, Ahli Yang Berhormat boleh balik ke pejabat sendiri dan membuat kajian ataupun siasatan. Soalan ini bukan soalan yang mustahak, Tuan Yang di-Pertua. Saya anggap dan saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu bukan suka berbahas, tetapi suka berleter, nagging, asking all kind of questions, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya tidak ingin mengulangi ucapan saya yang saya katakan meliputi pulau-pulau yang saya telah beritahu Dewan yang mulia ini semalam.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada jawapan itu.....

Dato' Loke Yuen Yow: Kalau Ahli Yang Berhormat hendak buang masa, hari tidak cukup untuk meluluskan Semua Rang Undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu! Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak beri jalan? Nanti dahulu! Bila saya bercakap, jangan mencelah. Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, jawapan daripada pegawai-pegawai dan juga Timbalan Menteri Pertahanan yang dahulunya Timbalan Menteri Kewangan yang memberi jawatan kepada dia, patut dia boleh jawab. Itu bukan satu perkara yang remeh-temeh.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beritahu Ahli Yang Berhormat dari Kepong saya tidak ada facts berkenaan dengan keluasan, how big is the area, dengan izin. Dan jika Ahli Yang Berhormat berminat, saya boleh beritahu secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong bertanya tentang pertindihan kuasa dan saya anggap Ahli Yang Berhormat dari Kepong sendiri sudah sedar bahawa pertindihan kuasa adalah suatu realiti hidup dan apa yang dilakukan melalui Fasal 32 dan 33 dalam Rang Undang-undang ini ialah meminimumkan dan mengurangkan masalah ini sampai satu tahap yang minimum yang mungkin jikalau masalah ini mungkin timbul akibat pertindihan kuasa yang betul-betul ketara. Apa yang terkandung dalam Fasal 22(1), dengan pindaan berbangkit dalam Fasal 32 hanyalah yang menyentuh hal pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan keperluan kelulusan FIC dan sebagainya dalam perolehan fixed asset ataupun security dalam Labuan IOFC, saya ingin mengatakan bahawa Kerajaan telah mengkaji garis panduan perolehan fixed asset, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"All acquisitions by local or foreign interests of securities of Malaysian Incorporated Companies, but solely involved in activities in Labuan and not holding land valued above M\$5 billion in the Labuan IOFC and other parts of Malaysia will be exempted from approval irrespective of the percentage of voting rights acquired or the purchased price."

Tuan Yang di-Pertua, hanya itulah saya ingin sentuh dan saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat. Atas pandangan-pandangan atau teguran-teguran yang konstruktif, Kerajaan akan memberi perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PEMBATALAN PENGECUALIAN DARIPADA
BAYARAN DUTI-DUTI SETEM**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.28 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memansuhkan peruntukan yang terkandung di dalam Akta-akta dan Ordinan-ordinan yang dinyatakan di dalam Jadual yang memperuntukkan pengecualian daripada bayaran duti-duti setem yang jika tidak kerananya kena dibayar di bawah Akta Setem 1949, dibacakan kali yang kedua.

Terlebih dahulu ingin saya jelaskan bahawa pada masa ini pengecualian duti setem diberikan kepada beberapa badan berkanun secara menyeluruh ke atas semua suratcara dan peruntukan ini adalah terkandung di dalam Akta-akta ataupun Ordinan-ordinan penubuhan badan-badan tersebut. Contoh badan-badan berkenaan ialah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, iaitu FELDA, Bank Negara Malaysia, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Pembangunan Bandar, iaitu UDA.

Dengan peruntukan berkenaan, badan-badan berkanun tersebut selama-lamanya telah mendapat pengecualian daripada duti setem ke atas semua suratcara yang disempurnakan, melainkan peruntukan berkenaan dimansuhkan. Di antara suratcara-suratcara yang tertakluk kepada duti setem yang mana dikecualikan itu termasuklah perjanjian cek dan kontrak, sewaan, pinjaman dan pindahmilik harta.

Selain itu terdapat juga beberapa badan berkanun lain yang telah diberi pengecualian duti setem secara menyeluruh mengikut peruntukan seksyen 80 Akta Setem, 1949. Dan seksyen ini memperuntukkan bahawa Menteri Kewangan boleh melalui perintah yang disiarkan di dalam Warta mengecualikan atau meremitkan Duti Setem ke atas mana-mana suratcara yang disempurnakan oleh mana-mana pihak.

Di antara badan-badan berkanun yang dikecualikan Duti Setem ke atas semua suratcara di bawah peruntukan ini ialah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Bank Simpanan Nasional, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).

Bagaimanapun, terdapat badan-badan berkanun lain yang tidak mendapat pengecualian duti setem secara menyeluruh kerana ini tidak diperuntukkan di dalam Akta-akta ataupun Ordinan-ordinan penubuhannya. Contoh badan-badan tersebut ialah Suruhanjaya Dagangan Komoditi, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Bank Pertanian Malaysia. Badan-badan ini sebaliknya diberi pengecualian duti setem secara kes demi kes bagi suratcara-suratcara tertentu sahaja, umpamanya suratcara pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, bagi badan-badan berkanun yang mendapat pengecualian duti setem mengikut peruntukan di bawah seksyen 80 Akta

Setem 1949, ketetapan telahpun dibuat oleh Kementerian Kewangan untuk membatalkan peruntukan pengecualian tersebut berkuatkuasa mulai lhb Januari, 1992. Apa-apa permohonan pengecualian akan dipertimbangkan secara kes demi kes.

Melalui Rang Undang-undang ini cadangan adalah dibuat melalui Fasal 2 untuk memansuhkan peruntukan pengecualian duti setem secara menyeluruh yang terdapat di dalam Akta-akta ataupun Ordinan-ordinan penubuhan badan-badan yang dinyatakan itu. Akta-akta atau Ordinan-ordinan yang berkenaan disenaraikan dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Dengan pemansuhan peruntukan pengecualian tersebut, badan-badan berkanun yang berkenaan akan dipertimbangkan pengecualian duti setem secara kes demi kes mengikut dasar yang diamalkan sekarang apabila permohonan diterima kelak dan pemansuhan peruntukan tersebut adalah bertujuan untuk menyeragamkan layanan pengecualian duti setem kepada semua badan-badan berkanun.

Fasal 2(2) memberi kuasa kepada Menteri Kewangan bagi menambahkan kepada Jadual badan-badan berkanun yang mempunyai peruntukan mengikut pengecualian duti setem, tetapi tidak disenaraikan melalui **Warta**.

Fasal 3 pula adalah bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pemansuhan di bawah Fasal 2 tidak akan menjejaskan apa-apa suratcara yang telah disempurnakan sebelum Akta ini berkuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memansuhkan peruntukan yang terkandung di dalam Akta-akta dan Ordinan yang dinyatakan di dalam Jadual, yang memperuntukkan pengecualian daripada bayaran duti-duti setem yang jika tidak kerananya kena dibayar di bawah Akta Setem 1949, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENGGALAKAN
PELANCONGAN MALAYSIA**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.38 ptg.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Sabbaruddin Chik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Suatu Rang Undang-undang bernama Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 1991 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang ini mempunyai pertalian antara satu sama lain dengan Rang Undang-undang Industri Pelancongan, 1991 yang akan dibentangkan selepas Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Rang Undang-undang Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) 1991 adalah bertujuan untuk menggantikan Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM) 1972 yang akan dimansuhkan selepas terlaksananya Akta LPPM 1991 yang baru ini.

Ada dua perkara utama yang dibangkitkan di dalam Rang Undang-undang LPPM 1991 ini iaitu:

Pertamanya, pertukaran nama PKPM atau TDC kepada nama barunya melalui Rang Undang-undang ini, iaitu Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau di dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, Malaysia Tourism Promotion Board.

(Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**)

Kedua, menugaskan LPPM memberi tumpuan dan tanggungjawab sepenuhnya kepada bidang pemasaran dan promosi pelancongan. Ini termasuklah aspek-aspek yang berkaitan dengan mengadakan dan menyelaraskan program-program pemasaran dan promosi pelancongan di peringkat tempatan dan juga di peringkat antarabangsa, sama ada yang dijalankan oleh LPPM sendiri ataupun agensi-agensi Kerajaan dan agensi-agensi pelancongan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam tahun 1980an Kerajaan telah membuat keputusan untuk menjadikan industri pelancongan sebagai satu industri yang utama di negara ini, terutama sekali di dalam usaha untuk menambahkan pendapatan pertukaran wang asing dan juga menambahkan peluang-peluang pekerjaan di sektor ini kepada rakyat.

Kesungguhan Kerajaan untuk meningkatkan industri pelancongan telah bertambah nyata apabila Kementerian yang khusus bagi menyelaraskan dan membangunkan industri pelancongan, iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ditubuhkan pada bulan Mei, 1987.

Dengan penubuhan Kementerian ini, Kerajaan telah menetapkan supaya Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia diletak di bawah Kementerian berkenaan, dan juga selaras dengan itu beberapa fungsi yang dahulunya dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia diambilalih oleh Kementerian. Jelasnya, Tuan Yang di-Pertua, pembahagian tugas antara Kementerian ini dan PKPN adalah seperti berikut:

- (i) PKPN adalah bertanggungjawab mengenai usaha-usaha penggalakan dan pemasaran pelancongan di luar dan di dalam negeri dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya.
- (ii) Kementerian pula bertanggungjawab di dalam pembangunan industri pelancongan secara keseluruhan meliputi aspek-aspek dasar, strategi, perancangan, penyelarasan dan pembangunan, kemudahan infrastruktur dan produk-produk pelancongan, perancangan tenaga manusia, latihan, hubungan antarabangsa dalam bidang pelancongan serta urusan pendaftaran dan pelesenan agensi-agensi pelancongan dan pemandu pelancong serta juga urusan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan mengenai pelancongan.

Sehubungan dengan ini kebanyakan fungsi-fungsi PKPN di atas telahpun setakat ini diambilalih oleh Kementerian secara pentadbiran, kecuali bagi fungsi-fungsi yang melibatkan perundangan sebagaimana diperuntuk di dalam Akta PKPN 1972 seperti pendaftaran dan pelesenan agensi-agensi pelancongan dan pemandu-pemandu pelancong serta penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengannya yang hanya akan diambilalih oleh Kementerian ini apabila Rang Undang-undang Industri Pelancongan, 1991 diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah difikirkan tidak memadai dengan tindakan meminda sahaja Akta PKPN 1972 untuk membolehkan pembahagian tugas dan fungsi antara Kementerian dan PKPN kerana pindaan sahaja akan memerlukan meminda kebanyakan peruntukan Akta PKPN 1972. Bagi membolehkan peranan dan tanggungjawab PKPN dapat dilaksanakan dengan sempurna, maka perlulah diwujudkan satu akta baru yang dikenali sebagai Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1991 bagi menggantikan Akta PKPN 1972 yang dicadang dimansuhkan dengan serentak.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 1991 bagi menggantikan Akta PKPN 1972 adalah diperlukan memandangkan kepada perubahan fungsi PKPN kepada fungsi yang lebih khusus iaitu untuk menjalankan usaha-usaha penggalakan dan pemasaran pelancongan secara yang lebih agresif daripada masa-masa yang lalu di dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang terkenal di peringkat antarabangsa.

Penukaran nama PKPN kepada nama baru iaitu, dengan izin, Malaysia Tourism Promotion Board, dalam bahasa Inggerisnya, akan memberi kesan yang lebih positif di dalam memperkenalkan dan menonjolkan nama Malaysia di luar negeri seperti yang dibuat kepada beberapa agensi-agensi lain seperti Malaysian Airline System, Malaysia Industrial Development Authority (MIDA), Malaysia International Shipping Corporation (MISC). Walaupun pada masa ini nama TDC telah dikenali ramai sama ada di dalam dan di luar negeri, namun hanya sebagai TDC tanpa menyatakan Malaysia. Dan dengan penukaran nama kepada perkataan "Malaysia" terus menjadi sebahagian daripada nama agensi itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, perkataan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia juga menggambarkan bahawa tugas dan fungsi Lembaga ini adalah di dalam pemasaran dan promosi pelancongan. Adalah didapati pada masa ini kesedaran rakyat asing terhadap negara kita sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik masih belum begitu meluas jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan juga Indonesia.

Sungguhpun terdapat peningkatan yang pesat jumlah pelancong asing yang mengunjungi negara kita akhir-akhir ini, namun didapati bahawa jumlah pelancong dari negara-negara pasaran-pasaran long-haul yang jauh seperti negara-negara Eropah, Amerika Utara, Timur Tengah, Jepun serta juga beberapa negara lain seperti Australia dan New Zealand adalah masih kecil dan perlu kita tingkatkan.

Ini bererti usaha-usaha penggalakan dan pemasaran di pasaran-pasaran long-haul ini, dengan izin, yang mempunyai potensi yang amat besar masih perlu dipertingkatkan oleh PKPN. Oleh itu, perlulah PKPN menumpukan usaha-usaha yang lebih agresif bagi memperkenalkan negara kita di pasaran-pasaran long-haul ini. Di samping itu, pasaran-pasaran lain yang baru dikenalpasti seperti Timur Tengah, Amerika Latin, serta negara-negara Afrika di masa akan datang perlu juga diperkenalkan negara kita ke tempat-tempat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengwujudan Akta ini tidak melibatkan apa-apa implikasi kewangan di pihak Kerajaan. Ini kerana ianya hanya melibatkan pengkhususan skop bidang tugas PKPN kepada aktiviti penggalakan dan pemasaran pelancongan dan aktiviti yang berkaitan dengannya sahaja. Di samping itu, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan PKPN yang sedang menjalankan tugas-tugas pendaftaran dan juga pelesenan dan penguatkuasaan undang-undang akan dipindahkan ke Kementerian apabila Kementerian ini mengambilalih tugas-tugas dan tanggungjawab mengenai pendaftaran dan pelesenan agensi-agensi pelancongan dan kerja-kerja penguatkuasaan melalui Akta baru yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1991 dibaca kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Batang Lumar.

4.47 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1991, di sini ingin saya mencadangkan sekali lagi sebagaimana yang telah saya persoalkan sehari dua dahulu iaitu kita mengadakan destinasi pelancong terutamanya di tempat-tempat yang menarik yang semulajadi, tempat-tempat yang terpencil yang mungkin tidak mendapat kemajuan perindustrian, jadi saya tumpukan perhatian saya ke Sarawak.

Saya mencadangkan diadakan destinasi pelancong yang mungkin digelar nama Pelancongan Hutan Tropika Malaysia. Sebagaimana yang kita tahu, bukan sebagaimana yang telah dianggapkan beberapa tahun dahulu, banyak buku-buku dan risalah-risalah menyebutkan negara jiran kita mengadakan "Sex Holiday" ataupun apa-apa nama yang begitu, tetapi kita tidak ada di Malaysia. Demi Allah, saya tidak mencadangkan atau menyebut nama itu berhubung dengan negara Malaysia.

Tetapi saya tidak sebutkan negara, tetapi saya cadangkan Tropical Jungle Holiday ini patut digalakkan. Memandangkan di negeri-negeri kita ini tidak payah saya sebut di sebelah sini, saya sebut di sebelah Sarawak sahaja: Kompleks Mulunya yang anih mempunyai gua yang begitu besar dan terbesar sekali di Asia, Taman Negeri Bakonya, Taman Batang Ainya, Pandan Waterfallnya dan banyak lagi tempat-tempat yang menarik boleh dimajukan sebagai tempat pelancongan kerana adalah menyedihkan kalau disebut Sarawak, mungkin ketinggalan dari segi perindustrian tetapi sekarang sepatutnya daripada segi pelancongan, Sarawak janganlah ditinggalkan.

Jadi, pada tahun 1990 hanya 300,000 pelawat datang ke Sarawak tetapi kebanyakan pelawat ini datangnya daripada negara Brunei ataupun menerusi negara Brunei. Ini adalah menyedihkan oleh kerana perhubungan ada kemungkinan tidak menggalakkan kedatangan pelancong-pelancong luar negara datang ke Sarawak. Jadi, adalah dicadangkan juga perhubungan di antara Semenanjung sebagai destinasi pelancongan yang utama atau pertama di negara ini memberi satu kemudahan-kemudahan peningkatan yang baik untuk sampai ke Sarawak ataupun ke Sabah.

Ini adalah penting kerana kalau kita daripada rakyat Malaysia sendiri hendak balik ke Sarawak, kalau hari ini tidak dapat tiket, esok boleh menunggu lagi tetapi kalau rakyat asing hendak datang ke Sarawak ataupun ke Sabah tidak berpeluang mendapat tiket pada hari

ini mungkin mereka kata tidak payahlah datang ke Sarawak atau tidak payalah datang ke Sabah.

Jadi, ini adalah penting. Kemudahan-kemudahan asas sebegini dibuat dan diberi perhatian yang begitu wajar. Begitu juga, saya sedar ada badan-badan daripada Semenanjung seperti MARA terlibat dengan perhotelan di Sarawak tetapi ini belum mencukupi. Di Sarawak ada dua, tiga buah hotel yang bertaraf 5 star tetapi hotel ini pada masa sekarang mencapai tahap penginapan 80% ke 90% tiap-tiap masa. Bahkan kalau kita hendak pergi ke Damai Beach, umpamanya, kita mestilah menempah tempat itu sebulan sebelum kita hendak pergi. Kalau tidak, tidak boleh dapat. Jadi, ini menunjukkan keperluan penginapan perhotelan masih banyak diperlukan di Sarawak, begitu juga chalet-chalet dan rumah-rumah tumpangan.

Jadi, suatu lagi saya hendak sebutkan dan ini berbangkit daripada satu cerita yang saya dapati semasa saya berada di luar negeri. Kebanyakan gambar-gambar yang disebarkan berhubung dengan negeri Sarawak ialah gambar-gambar orang memakai cawat, orang yang memakai benda-benda yang primitif tetapi perbandingan tidak dibuat sama ada Sarawak itu benar-benarkah primitif ataupun ada juga pembangunan secara civilised di negeri itu. Jadi, gambaran yang telah diberikan kepada Sarawak, tetapi Malaysialah yang dipertunjukkan negara yang berprimitif. Orang belum kenal sangat dengan Malaysia ini. Saya haraplah corak primitif sebagai culture yang ditunjukkan itu diperbandingkan dengan benda-benda yang indah, yang moden, yang

canggih, bangunan yang mencakar langit pun boleh ditunjukkan bersama. Ini adalah untuk memperbandingkan iaitu di samping mengadakan pembangunan asas, pembangunan yang canggih dan moden, kita juga masih menyimpan cultures lama kita yang patut dipamerkan kepada masyarakat antarabangsa.

Jadi, kalau kita menunjukkan gambar-gambar itu mungkin menjadi satu salah anggapan kepada orang, umpamanya, negara Borneo dahulunya disebut sebagai negara 'Land of Head Hunters', mungkin sekarang pun masih 'Land of Head Hunters' juga. Bahkan saya jumpa dalam satu buku mengatakan pada 1963 berlakunya pembunuhan di border Sarawak di mana beberapa kepala dimasukkan ke dalam bakul oleh kerana satu penglibatan 'Head Hunting' di Sarawak. Jadi, ini adalah tidak benar tetapi kita sendiri pula memberi gambaran yang begitu.

Tuduhan ini dibuat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Malah kita sendiri mempertunjukkan keadaan di tempat kita itu belum begitu moden lagi. Jadi, tanggapan orang yang tidak tahu dan tidak faham, mungkin benar perkara ini berlaku lagi. Saya berharaplah, berilah perbandingan yang baik, tunjukkan bangunan mencakar langit kita juga di Kuala Lumpur ini kepada masyarakat luar dan tunjukkanlah juga cultures yang berbagai kaum di Malaysia ini supaya perbandingan dibuat antara yang moden dan yang lama.

Untuk kemajuan pelancongan di Malaysia, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Pertanian. Sungguhpun ini bukan berkenaan dengan Kementerian ini, tetapi Taman Pertanian yang indah sekali - tidak wajarlah kalau saya hendak minta taman yang begitu

dibina di Sarawak tetapi kalau dapat dibina, memang baik sekali. Ini ada hubungkait dengan apa yang saya cadangkan tadi, Pelancongan Hutan Tropika.

Jadi, berpindah saya ke Langkawi. Saya pernah bercakap dan berbincang dengan orang yang mengendalikan hal pelancongan di negara ini dan perbincangan itu membabitkan pengurusan ataupun kemajuan pelancongan di Langkawi. Ada disebutkan juga 20% atau 30% operator chalet yang kecil-kecilan di Langkawi tidak dimasukkan ke dalam senarai TDC dan kebanyakan mereka ini adalah orang-orang kita iaitu bumiputera yang melibatkan diri dalam penginapan kecil dan industri pelancongan tetapi mereka telah tidak mendapat perhatian oleh kerana nama-nama kemudahan yang mereka beri tidak dimasukkan ke dalam senarai TDC yang disebarkan meluas. Apa yang ada ialah hotel-hotel yang besar dengan kemudahan-kemudahan dan bercorak antarabangsa. Hotel yang besar dan bercorak antarabangsa ini ada pertalian sesama sendiri di luar negara. Jadi, kalau tidak ada dimasukkan dalam senarai TDC pun boleh juga dapat disebarkan khabaran mereka di luar negeri, tetapi chalet-chalet yang kecil-kecil ini, yang ada 5 bilik, 7 bilik, 10 bilik ini kalau tidak ada dalam senarai itu, memang tidak ada dapat sekali. Jadi, apa yang dia mahu dapat ialah "creat via news", dengan izin, dari mulut kemulut. Kalau saya menginap di sana, saya balik ke kampung, saya beritahu. Macam itu jugalah berlaku ke seluruh dunia bukan sahaja berhubung dengan saya.

Saya berharap pihak chalet-chalet yang tertentu, operator-operator chalet ini diberi bukan sahaja pengiktirafan dimasukkan ke dalam senarai yang tertentu untuk disebarkan ke seluruh dunia tetapi juga diberi pendidikan pengurusan yang tertentu untuk menjaga imej-imej yang tertentu. Mungkin juga diberi macam mana mengendalikan chalet-chalet, macam mana membuat catering umpamanya, macam mana bertingkah laku memberi layanan kepada pelanggan-pelanggan mereka yang datang dari luar negara, dan memberi etika-etika kerja yang betul daripada segi untuk memajukan pelancongan di negara ini.

Ini satu lagi walaupun saya berasa kagum melihat pembangunan di Langkawi tetapi ada satu perkara dan mungkin ini pandangan saya sendiri sahaja. Imej Langkawi itu sudah bertukar. Banyak sangat "keThailandan" dia. Macam kita pergi di Thailand pula di Langkawi itu. Kain-kain, pakaian-pakaian dari Thailand dijual di sana-sini. Benda-benda yang bukan original, dengan izin, iaitu imitation goods dari Thailand dijual di Langkawi. Mungkin orang yang menjual ini bukan orang daripada Thailand, mungkin orang tempatan kita. Oleh kerana bahan yang dijual dengan jenama dibanding dengan jenama-jenama yang tertentu, jadi ada orang tidak tahu membezakan yang mana satu yang original, yang betul dan yang mana satu pula yang palsu yang bukan boleh dijeniskan dengan harga yang tinggi. Jadi, dengan sendirinya perdagangan mereka di dalam kedai-kedai yang besar itu telah diaffected, dengan izin, oleh kerana barang-barang

yang dijual dikakilima ataupun di gerai-gerai yang kecil. Untuk tidak mengenyepikan mereka ini, buatlah satu taman yang tertentu untuk penjualan benda-benda yang bukan original di satu tempat. Mungkin satu tarikan pelancongan juga kita adakah penjualan di satu tempat, di satu ladang ataupun satu taman khas untuk itu tetapi sebahagian Langkawi itu sendiri biarlah kita majukan sebagai bandar yang teratur, bandar yang baik di mana boleh orang membeli benda-benda jenama yang ternama dan tidak bercampuraduk dengan benda-benda yang tidak asli.

Janganlah ada orang yang menyebut nanti, tidak payahlah pergi ke Langkawi, pergi ke Bukit Kayu Hitam sudah cukup, di sana pun sama juga, kerana imejnya hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan dalam segi ini pihak kita sepatutnya mengurangkan penjualan benda-benda tiruan atau benda-benda yang bukan asli ini.

Daripada Langkawi saya berbalik ke Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur saya ingin menyebutkan satu perkara sahaja, mungkin baik dan mungkin tidak baik. Saya mencadangkan supaya diadakan satu factory, outlet di satu tempat, mungkin tidak di dalam Kuala Lumpur itu sendiri tetapi di luar Kuala Lumpur di mana benda-benda yang dimanufacture di Malaysia ini dijual di satu tempat. Kalau orang hendak melawat tempat itu, mereka boleh membeli YSL, Christian Dior yang dimanufacture di Penang, di Johor atau di mana-mana tempat, tetapi boleh dijual di satu tempat, satu taman selaras dengan satu tempat yang saya lawati di New York bernama Wood Verrycommon di mana kita boleh mendapat apa-apa sahaja benda yang dibuat di Amerika.

Kita boleh buat satu benda yang sama, bukan untuk mendatangkan satu perbandingan atau perlawanan dengan penjual-penjual di gudang-gudang besar tetapi menunjukkan penglibatan kita dalam segi pelancongan untuk menggalakkan orang datang ke tempat itu dan adalah satu tempat yang mungkin kita boleh mendapatkan benda yang bermutu tetapi dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, adakah kajian pernah dibuat ke atas kedatangan pelancong ke dalam negara kita ini berlandaskan daripada negara manakah orang yang ramai sekali melancong ke negara Malaysia dan di antara yang ramai datang ke negara Malaysia ini daripada negara manakah orang yang berbelanja banyak sekali mengikut purata, sama ada dari Jepun, Peranchis ataupun daripada manakah orang yang berbelanja banyak sekali di negara kita Malaysia. Kalau sudah didapati daripada kajian itu, apakah tindakan susulan dari pihak Kerajaan untuk menggalakkan orang daripada negara itu supaya datang melawat ke negara kita ini dengan lebih banyak lagi. Di sebaliknya pula industri pelancongan ini adalah melibatkan lawatan orang dari luar negeri masuk ke negara kita. Tidakkah wajar dan patut kalau tiap-tiap orang yang datang itu dipersoalkan sama ada mereka ada penyakit AIDSkah atau fikiran yang tidak waras atau tidak betulkah dan sebagainya.

Saya ingin menyebutkan di sini, saya telah terbaca beberapa buku yang ditulis oleh orang-orang tertentu yang sengaja datang atas sebab-sebab tertentu, untuk "Green Peace", untuk "Good Earth", untuk "Environmentalist" NGOs yang tertentu umpamanya. Mereka datang ke sini, kata mereka adalah dengan tujuan untuk melancong tetapi tujuan sebenarnya ialah untuk menulis apa yang tidak betul pada pandangan mereka di negara kita ini. Banyaklah tulisan-tulisan mereka itu yang tersibar di luar negara kita ini yang mencela dan memburukkan nama negara ini. Nama yang boleh saya sebutkan di sini seperti Bruno Manser yang termasyhur di Sarawak dan banyak lagi yang saya

telah lupa nama mereka. Buku seperti "Penan: The Rain Forest of Sarawak" adalah ditulis oleh penulis-penulis dari luar negara yang datang ke sini sebagai pelancong (tourist) tetapi diam di hutan Sarawak mengambil gambar-gambar yang tidak sedap dilihat dan disibar ke luar negara, mengatakan inilah hutan tropika yang dibinasakan oleh Malaysia.

Saya minta ulasan daripada pihak Kementerian, apakah cara untuk mengatasi masalah ini supaya kita boleh memonitor ahli-ahli "Green Peace" yang radikal datang ke Malaysia supaya mereka ini janganlah digalakkan sangat. Bagaimana carapun saya serahkanlah kepada pihak-pihak yang tertentu.

Berbalik saya ke Kuala Lumpur, apa yang berlaku di Kuala Lumpur ialah hotel yang tiga tahun lalu mungkin dengan harga bayaran \$80 kita boleh duduk dalam hotel mewah. Sekarang hotel yang tiga tahun dahulu \$80 sudah menjadi \$200 hingga \$400 lebih. Ini sudah menjadi experience kepada saya, dalam masa Persidangan Parlimen sebulan lebih ini saya sudah pindah empat hotel kerana hendak merasa sendiri hotel-hotel tertentu di samping hendak tahu cara-cara layanan serta harga mereka. Kebanyakan hotel-hotel yang mewah memberikan layanan yang baik tetapi nasib malang, orang Malaysia sedikit betul yang duduk di sana kerana orang Malaysia mungkin mencari hotel yang sederhana tetapi hotel yang sederhana tidak memberikan layanan yang begitu baik.

Saya cadangkan dalam kita membangunkan pelancongan dari luar negara yang mungkin kebanyakan orang yang banyak duit datang ke negara ini membuang duit mereka, alhamdulillah, tetapi janganlah kita lupa untuk membangunkan hotel-hotel yang sederhana dan kita

sepatutnya mengambil tindakan yang wajar untuk menggalakkan pelancong dalam negeri kita sendiri dari Sarawak ke Sabah, dari Sabah ke Semenanjung dan sebaliknya. Ini bukan sahaja telah menahan duit itu dibelanjakan di luar negara tetapi juga menggalakkan perhubungan tali silatullah di antara kita. Dalam kita mengejar kekayaan dan kemewahan, juga kita menggalakkan integrasi nasional itu sendiri. Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Klang.

5.08 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyertai perbahasan ini dan mendapati bahawa Rang Undang-undang Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 1991 ialah dokumen undang-undang yang menggantikan Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia 1972 yang akan dimansuhkan. Tujuan menggantikan ini ialah untuk memperkemaskan Akta yang ada supaya Lembaga yang akan dikuatkuasakan kelak akan lebih banyak memainkan peranan menggalakkan industri pelancongan secara menyertai dalam kegiatan agensi-agensi pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, DAP mengakui bahawa pelancongan merupakan industri yang kian berkembang maju di negara kita. Industri yang masih mudah ini perlu bimbingan dan pengawasan yang bersungguh-sungguh dan rapi lagi untuk membangunkannya agar dia dapat memberikan pulangan hasil yang maksimum kepada pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu ia memerlukan satu badan khusus yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan memajukan industri ini menurut citarasa dan situasi negara kita. Keseluruhannya saya

berpuashati dengan peruntukan undang-undang yang disediakan dalam Rang Undang-undang ini dari Fasal 1 hingga Fasal 32. Akan tetapi sejauh mana industri pelancongan boleh berkembang pada tahap yang maksimum di negara kita akan banyak bergantung kepada sumbangan yang dimainkan oleh Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, kempen Tahun Melawat Malaysia 1990 berjaya mencatatkan hasil pelancongan sebanyak \$4,000 juta yang dibawa oleh pelancong asing. Tetapi ini tidak bererti kita harus berpuashati atas pencapaian yang ada. Peranan memajukan bidang pelancongan negara masih jauh dari memuaskan. Bilangan pelancong asing yang masuk ke negara kita masih belum memuaskan kerana berbagai halangan.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga harus menumpukan usaha untuk memperbanyakkan destinasi-destinasi pelancong dalam negara yang baru ini meliputi pembukaan tempat-tempat baru sebagai destinasi pelancong di samping khidmat yang sedia ada ditempat pelancong yang sedia ada wajar dipertingkatkan lagi. Banyak tempat yang berpotensi untuk memajukan gunung, tanah tinggi, hutan, pulau atau pantai. Kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memajukan tempat-tempat baru ini adalah satu bidang kerjasama yang boleh diterokai.

Tuan Yang di-Pertua, publisiti untuk menjual Malaysia kepada pelancong asing masih belum memuaskan. Lembaga boleh memainkan peranan ini dengan memberikan publisiti yang meluas kepada media dan pusat pelancongan luar negeri. Maklumat terakhir tentang kemajuan pelancongan negara kita masih berada di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang perlu ditekankan ialah setiap pelancong asing yang datang adalah merupakan pengiklan percuma negara. Jika mereka berpuashati tentang destinasi pelancong di negara kita, mereka akan memberitahu orang lain apabila mereka kembali ke negara mereka. Lembaga boleh merangka satu insentif kepada pelancong-pelancong asing agar mereka boleh membantu negara kita yang membawa kepada kedatangan pelancong-pelancong baru kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga juga harus mengatur lebih banyak package pelancongan asing terus ke negara kita sebelum mereka melancong ke negara lain. Ini boleh menjadikan negara kita sebagai sasaran pertama pelancong asing ke negara ini. Ini membawa kepada penerbangan terus antara Malaysia dengan negara luar. Ini merupakan kelemahan pertama daripada empat kelemahan Lembaga selama ketika pelancongan masih berada di bawah Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC). Di samping itu tiga kelemahan yang lain ialah masalah bahasa. Kita masih kekurangan kakitangan atau pemandu pelancong yang mengetahui banyak bahasa asing. Inilah halangan utama yang

menyebabkan pelancong asing bukan berbahasa Inggeris enggan datang ke negara kita. Satu rancangan untuk mengambil pemandu pelancongan atau kakitangan lainnya yang dapat menguasai bahasa asing selain bahasa Inggeris serta latihan kepada mereka wajarlah dilaksanakan segera.

Tuan Yang di-Pertua, dua lagi kelemahan ialah kekurangan promosi kebudayaan dan kraftangan di negara kita. Umum mengetahui bahawa apabila seseorang melancong ke negara lain, biasanya di samping melihat dengan mata sendiri pemandangan dan keadaan hidup sesuatu masyarakat setempat, mereka juga berminat untuk membawa balik kraftangan negara tersebut serta melihat sendiri kebudayaan penduduk di satu-satu tempat.

Negara kita tidak kurang dengan tenaga kemahiran yang boleh menghasilkan kraftangan yang bermutu untuk dipasarkan. Kerjasama dengan Perbadanan Kraftangan Malaysia perlu dipertingkatkan dalam memasarkan lebih banyak hasil kerjatangan penduduk-penduduk negara ini yang terdiri dari berbagai kaum. Begitu juga dengan promosi kebudayaan penduduk-penduduk negara kita yang kurang dijalankan. Kalau ada pun masih jauh dari memuaskan.

Lambaga harus mengorak langkah untuk memperkenalkan Malaysia yang kaya dengan berbagai budaya rakyat dan suku kaumnya. Kepelbagaian ini sebenarnya adalah satu identiti Malaysia yang tidak perlu disoalkan lagi. Pameran kebudayaan yang ditunjukkan semasa Pesta Malaysia dan acara-cara sepanjang Tahun Melawat Malaysia masih belum mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mesti memastikan bahawa Kempen Tahun Melawat ASEAN, 1992 akan berjaya mengalirkan peluang yang menguntungkan bagi Malaysia juga, jika tidak, kempen ini tidak bererti apa-apa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong. Berapa panjang Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Setengah jam.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat itu. Mintalah jangan panjang sangat - 15 minit. Orang lain semua bercakap 15 minit sahaja.

5.15 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, 15 minit. Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya saya nampak ada usaha-usaha yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri untuk memajukan industri pelancongan di Malaysia. Setengah-setengah usaha itu boleh digalakkan, terutamanya dengan bertambahnya bilangan pelancong di Malaysia dan saya berharap beliau akan menambahkan usahanya untuk mempertingkatkan lagi industri pelancongan di Malaysia.

Pada asasnya Rang Undang-undang ini adalah pindaan kosmetik iaitu hanya perubahan pada nama semata-mata. Yang Berhormat Menteri telah membuat pengumuman berkenaan dengan pertukaran nama pada akhir bulan September lalu iaitu semasa beliau menyertai rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Cancun, Mexico. Menurut beliau, nama singkatan kepada Tourist Development Corporation - TDC, dengan izin, tidak membawa apa-apa makna kepada orang asing mengenai peranannya dalam penggalakan pelancongan. TDC juga gagal menonjolkan Malaysia di atas peta pelancongan antarabangsa. Maka

adakah Kerajaan menghendaki kami percaya bahawa MTPB iaitu nama singkat Lembaga yang baru dalam bahasa Inggeris - Malaysia Tourist Promotion Board, bukan sahaja boleh memberitahu orang asing mengenai peranannya, tetapi mungkin juga berdaya menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan antarabangsa.

Pada hemat kami, sama ada TDC atau MTPB, kedua-duanya tidak akan membawa apa-apa makna bagi orang asing selagi pentadbiran serta perancangan program-program untuk memperkenalkan negara sebagai destinasi pelancongan tidak dikemaskini. Mengikut pandangan Kesatuan Kakitangan TDC, prestasi Perbadanan kurang memuaskan kerana ia mempunyai terlalu ramai pegawai yang telah dipinjamkan atau seconded, dengan izin, daripada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD).

Dalam satu kenyataan akhbar yang disiarkan pada 21 September tahun ini, Kesatuan Kakitangan TDC menyatakan bahawa akibat terlalu ramai pegawai berkhidmat dalam jangka pendek sahaja pelaksanaan dasar-dasar TDC terjejas sehingga Kesatuan itu sendiri kadangkala menjadi bingung dan tidak jelas tentang dasar-dasar pembangunan yang berubah setiap kali pegawai ditukarkan. Kononnya pegawai-pegawai PTD yang baharu masuk biasanya mempunyai idea-idea mereka yang tersendiri, walaupun idea mereka tidak sesuai dengan dasar TDC.

Misalannya, dalam Pesta Malaysia tahun ini, dilaporkan bahawa bilangan orang pelancong yang mengunjungi negara kita hanya 3.65 juta orang dalam tempoh masa 3 bulan pertama, berbanding dengan program Tahun Melawat Malaysia 1990 yang berjaya menarik 4.73 juta orang. Di samping itu, pihak penganjur telah membatalkan 3 program pada saat-saat terakhir iaitu Hot Avelone Show, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Pameran Orkid dan Orkid Dalam Stem oleh Subang

Parade serta pertandingan Puteri Malaysia Asean. Akan tetapi pihak TDC masih berkeras kepala mengatakan kelemahan itu adalah pada penganjur dan bukan pada cara TDC menapis syarikat-syarikat swasta yang mengemukakan cadangan untuk acara-acara pesta.

Tuan Yang di-Pertua, industri perhotelan pula merungut mengenai kos perbelanjaan yang tinggi sehingga menyebabkan mereka mengalami kerugian setiap tahun. Kononnya acara-acara kebudayaan tidak menguntungkan, maka industri hotel telah menumpukan perhatian terhadap memperkenalkan hidangan tempatan. Tambahan pula, industri hotel juga dikehendaki menyediakan bilik-bilik complimentary, dengan izin, untuk para pengurus (organiser) serta pegawai-pegawai negeri masing-masing yang menganjurkan. TDC juga dinasihatkan supaya mempertingkatkan perancangan serta pentadbirannya sendiri kerana gagal mengambil peranan yang aktif membantu industri hotel, misalnya mengedarkan, dengan izin, brochure Malaysia Fest hanya lima hari sebelum Pesta dilancarkan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun difahamkan bahawa masalah di antara industri hotel dengan pihak berkuasa telah diselesaikan, iaitu pada tahun akan datang kedua-dua pihak industri hotel dan Kerajaan Negeri akan bekerjasama menganjurkan Pesta Malaysia, ini tidak bermakna pentadbiran ataupun perancangan TDC atau MTPB sudah dipertingkatkan. Sehubungan dengan Rang Undang-undang ini, sama ada ia berkesan untuk membaiki kelemahan-kelemahan dalam pentadbiran serta perancangan MTPB atau tidak, hanya masa sahaja dapat membuktikannya.

Di samping itu, kami juga berharap nama baru MTPB tidak akan diperalatkan sebagai alasan untuk berboros belanja sebagaimana TDC, Perbadanan kurang mempunyai disiplin wang.

Misalannya dalam satu laporan pada pertengahan bulan September lalu, pihak Fakulti Matematik dan Sains Komputer, Universiti Kebangsaan Malaysia mendakwa bahawa mereka telah merekcipta suatu sistem maklumat sofistikated untuk membantu pelancong ke Kuala Lumpur. Apabila TDC dipelawa memberi sokongan kepada UKM, Perbadanan telah menolak tawaran universiti tanpa memberi apa-apa sebab. Mungkin pihak TDC mempunyai sebab-sebab yang tertentu, mungkin sistem maklumat yang direka oleh UKM tidak begitu sesuai. Walau bagaimanapun, sistem yang ditawarkan oleh satu firma Kanada yang jauh lebih mahal daripada kos program universiti diterima; difahamkan bahawa kedua-dua sistem maklumat itu agak sama termasuk maklumat jalan utama, tempat penginapan, perhentian bas, perkhidmatan diplomatik negara asing seperti di mana letaknya kedutaan-kedutaan asing, nama ketua-ketua jabatan, nombor telefon pegawai-pegawai ini dan lain-lain maklumat lagi.

Kami ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, mengapakah TDC telah menolak sistem maklumat universiti yang lebih murah dan kononnya lebih padat dengan maklumat daripada sistem maklumat yang disediakan oleh firma Kanada.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak mengatakan sistem orang asing dan tempatan itu tidak berbeza, mungkin pihak Kementerian mempunyai maklumat yang tertentu yang boleh dijelaskan pada hari ini.

Begitu juga kami berharap MTPB akan memulakan tugasnya dengan mengkaji serta mengumumkan sebab-sebab mengapa pelancong dari negara Singapura ke Malaysia semakin berkurangan. Adakah ini benar?

Seterusnya apakah insentif-insentif mahupun rancangan Kerajaan untuk memperkembangkan pelancongan dalam negeri, domestic tourism, dengan izin, dalam tahun yang baru.

Kami juga memperhatikan bahawa fungsi MTPB melibatkan pelupusan aset modal dan penggunaan hasil daripada pelupusan sebagaimana yang Lembaga fikirkan patut. Selaras dengan dasar penswastaaan, hartanah TDC juga turut diswastakan dengan pelupusan terbaru pada bulan September sebanyak tiga buah hotel iaitu Langkawi Island Resort, Motel Desa dan Tanjong Jara Beach Hotel/Rantau Abang Visitors Centre, masing-masing kepada Faber Group Bhd., Montvale Sdn. Bhd. dan Dagang Warisan Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, difahamkan bahawa Faber Group akan membayar wang \$47 juta untuk Langkawi Island Resort yang berupa kepingan hartanah rebutan orang ramai, hottest property di Pulau Langkawi. Motel Desa pula dianggar pada harga \$2.5 juta dan Tanjong Jara Beach Hotel sekurang-kurangnya \$12 juta. Langkawi Island Resort pernah menjadi isu dalam satu kes mahkamah di antara TDC dengan HH Hotel Sdn. Bhd. yang kononnya ada perjanjian dengan TDC untuk membeli dan menswastakan hotel berkenaan, cuba menghalang penjualan kepada Faber Group. HH Hotel kepunyaan Malewar Corporation menawarkan wang \$35 juta. Biar apapun menurut laporan, TDC membeli Langkawi Island Resort dalam tahun 1978 dan dalam tahun 1985 melabur wang \$26 juta untuk mempertingkatkan serta memperbesarkannya. Semenjak tahun 1988 hotel itu dilaporkan meraih keuntungan operasi kasar (gross operation profits) dan dalam tahun-tahun 1989 dan 1990 nilai ini dianggar melebihi \$1 juta. Sama ada keuntungan bersih dibuat atau tidak, kami tidak dapat pastikan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kami dapat pastikan daripada analisis maklumat-maklumat ini, kami percaya besar kemungkinannya Langkawi Island Resort berharga melebihi \$47 juta yang ditawarkan oleh Faber Group terutama sekali memandangkan ia sekeping hartanah rebutan orang ramai. Maka sama ada TDC telah bertindak dengan waras atau tidak melupuskan aset ini pada harga berkenaan, kami menyeru pihak Kementerian supaya memberi penerangan yang lengkap. Soalan lain ialah pihak Lembaga TDC pernah mengatakan walaupun hotel itu prime property, ia tetap terpaksa dijual selaras dengan projek penswastan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika ia memang hasrat Kerajaan untuk menswastakan projek, maka tender terbuka harus ditawarkan untuk prime property atau Kerajaan boleh berterus terang menswastakan seluruh Lembaga TDC supaya ia bertindak sebagai badan bebas daripada pengaruh politik Kerajaan. Begitu juga kami berharap MTPB yang baru juga tidak dipaksa melupuskan hartanah yang lumayan semata-mata kerana ingin memperkayakan kumpulan perniagaan yang berpengaruh politik. Matlamat memperkembangkan program pelancongan negara boleh dilakukan menerusi dasar dan program-program kelolaan Kementerian bersama-sama dengan pihak swasta. Pada hemat kami, kami tidak perlu sebuah Lembaga sama ada TDC atau MTPB yang terlibat secara terus menerus dalam perolehan hartanah lalu mewujudkan persaingan tidak adil dengan sektor swasta terutama sekali apabila melibatkan syarikat-syarikat berlatarbelakangkan parti-parti politik yang memerintah.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh mengenai satu kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri pada awal bulan Ogos lalu mengatakan bahawa pindaan akan dibuat untuk membebaskan TDC daripada tugas-tugas penguatkuasaan. Daripada penelitian sepintas lalu ke atas undang-undang ini memang benar tidak disebut secara terus terang fungsi penguatkuasaan di bawah Lembaga baru MTPB, akan tetapi Rang Undang-undang Industri Pelancongan (DR.45/91) Seksyen 41 berterus terang membenarkan Yang Berhormat Menteri memberikuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai awam atau pegawai Lembaga MTPB untuk menjalankan kuasa-kuasa penguatkuasaan di bawah Akta berkenaan. Setelah meneliti dengan lebih terperinci, kami merasa fungsi-fungsi (m) dan (n) Seksyen 4, Rang Undang-undang DR.44/91 sungguh meluas sekali tafsirannya dan ini boleh mengelirukan industri pelancongan. Jelas bahawa MTPB mempunyai fungsi penguatkuasaan undang-undang industri pelancongan, maka dakwaan kami atas pindaan-pindaan dalam DR.44/91 itu semata-mata kosmetik adalah berasas dan terbukti oleh kandungan DR.45/91. Apakah penjelasan pihak Yang Berhormat Menteri?

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali, selain mengemaskinikan TDC ataupun sekarang LPPM, kita perlu mengadakan usaha-usaha yang lebih gigih lagi untuk mengadakan kerjasama untuk mengadakan hubungan yang lebih berkesan dengan negara-negara ASEAN yang lain untuk industri pelancongan. Kerana ketiadaan hubungan dan koordinasi yang lebih rapat dan lebih berkesan, kita tidak akan mengadakan industri pelancongan yang lebih baik di negara kita. Sebab itulah saya sebutkan beberapa cadangan di sini untuk memperbaiki keadaan selain apa jua usaha yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila dkemukakan usul.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

5.30 ptg.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali Urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Napsiah binti Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, suatu Usul bahawa Dewan tidak ditangguhkan pada hari ini sehingga selesai semua Urusan Kerajaan dan selepas daripada itu Dewan akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan, hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.31 ptg.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada ketiga-tiga Ahli yang telah memberi pandangan sewaktu membincangkan Akta yang sedang kita bahaskan ini iaitu Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 1991.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telah mengemukakan beberapa cadangan. Salah satu daripada cadangannya ialah supaya diadakan Pelancongan Hutan Tropika Malaysia, khususnya di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya sekarang ini Kementerian melalui TDC ataupun PKPM di dalam usahanya memperkenalkan negara Malaysia sebagai tempat pelancongan yang terpenting di rantau ini, memperkenalkan hutan rimba khususnya di Sarawak sebagai satu tarikan yang digemari oleh

pelancong-pelancong, khususnya mereka dari Eropah dan juga di Amerika. Sememangnya ini menjadi bahan promosi yang sedang kita jalankan. Namun demikian, Ahli Yang Berhormat yang sama juga telah menegur tentang cara sekarang ini dijalankan promosi melalui gambar-gambar orang pakai cawat kerana mengikut Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, ini mungkin memberi gambaran yang tidak baik tetapi beliau mencadangkan supaya gambar bangunan-bangunan tinggi dijadikan tarikan pelancong-pelancong datang ke Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat tetapi bukan sebagai satu lesson in tourism, dengan izin, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelancong-pelancong sebenarnya tidak datang ke negara kita untuk melihat bangunan-bangunan tinggi. Kalau mereka hendak lihat bangunan tinggi tidak perlu datang ke negara kita, orang Amerika lebih baik tengok di bandar mereka sendiri, lebih banyak bangunan-bangunan yang tinggi. Bagi orang Eropah pun begitu juga, tetapi biasanya pelancong-pelancong lebih suka datang ke tempat-tempat di mana tidak terdapat keadaan yang sama di negara masing-masing.

Bagi orang Amerika misalannya, melihat orang yang pakai cawat ini, yang di rumah panjang misalannya, adalah satu tarikan yang begitu baik hingga menyebabkan apabila kita mengadakan Tahun Melawat Malaysia dalam tahun 1990, kita telah mendapat pertambahan pelancong sebanyak 55% berbanding dengan target kita sebanyak 10%. Ini adalah

satu angka yang amat tinggi yang pernah dicapai oleh mana-mana negara dari segi menambahkan pelancong-pelancong datang ke negara berkenaan.

Jadi, sudah tentu cara yang kita jalankan ini adalah satu cara yang baik hingga menyebabkan keinginan pelancong-pelancong datang melawat negara kita dengan begitu banyak sekali tambahannya.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat jelaskan berapakah bilangan peratusan yang pergi ke Taman Negara misalnya yang merupakan satu Taman yang sangat menarik dan juga kepada rumah-rumah panjang? Mungkin itu satu analysis yang perlu dibuat memandangkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang sebenar pada saya waktu ini oleh sebab kalau Taman Negara misalannya, yang kita pastikan bahawa apabila Taman Negara dibuka semula setelah ianya ditutup apabila pihak swasta mengambilalih daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, tiap-tiap hari boleh dikatakan bilik-bilik hotel yang terdapat di Taman Negara sekarang dipenuhi oleh penghuni-penghuni.

Jadi, kalau sekiranya Yang Berhormat dari Kepong hendak tahu bilangan - tidak sukar, telefon sahaja hotel berkenaan, tanya bilangan bilik, dan multiplykan dengan hari. Saya tidak perlulah beritahu dia bilangan yang spesifik seperti ini kerana bukan kerja saya hendak memberitahu dia tentang bilangan yang spesifik.

Begitu juga ke rumah-rumah panjang, kebanyakan rumah-rumah panjang yang dilawati oleh pelancong-pelancong mempunyai pelawat-pelawat yang boleh dikatakan hampir tiap-tiap hari penuh dengan pelawat-pelawat. Ini dapat kita saksikan daripada laporan-laporan yang kita perolehi dari tour operators yang menjalankan pelancongan bagi pelancong-pelancong melawat ke rumah-rumah panjang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya sebutkan tentang strategi yang kita gunakan, sebelum ditanya oleh Ahli dari Kepong tadi, saya mengatakan bahawa dengan sebab terdapatnya pelancong-pelancong yang bertambah datang ke negara kita menunjukkan bahawa strategi yang digunakan setakat ini adalah strategi yang kita anggap betul dan banyak mempunyai kebaikan daripada keburukan.

Dalam pada itu juga Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar telah meminta saya memaklumkan sama ada kajian dibuat oleh pihak TDC mengenai kedatangan pelancong-pelancong ke negara kita. Sebenarnya kita mempunyai bukan sahaja kajian tetapi angka yang sebenar kedatangan pelancong-pelancong melalui disembarkation card, dengan izin, yang dikeluarkan oleh pihak Imigresen.

Pada tahun 1990 kita telah dapat 7.4 juta pelancong semuanya dan sebahagian besar sebenarnya datang daripada Singapura iaitu kira-kira 67%. Daripada Jepun dalam tahun yang sama dalam lingkungan 667,000. Daripada United Kingdom, daripada Britain dalam lingkungan 240,000. Daripada Australia - 184,000. Daripada Amerika kira-kira 179,000.

Pendek kata, kedatangan-kedatangan ini menyebabkan pertambahan yang banyak berbanding dengan tahun sebelumnya, yakni tahun 1989.....

Dr Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang daripada Singapura 67% dan Jepun lebih, hampir 700,000 dan nampaknya daripada USA itu yang merupakan bilangan pelancong yang terbesar di dunia, mengapa hanya 97,000 sahaja?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, barangkali dia tak dengar 100, sebelum 79 itu - 179,000 rasa saya, bukannya 97,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa Amerika Syarikat adalah satu pasaran baru bagi negara kita, oleh sebab pada tahun 1989/1990 kita hanya mempunyai penerbangan sebanyak 4 ataupun 5 kali sahaja seminggu berbanding dengan penerbangan ke Eropah ataupun ke Jepun dan juga ke London. Jadi sekarang ini kebanyakan pelancong-pelancong datang melalui kapal terbang, tidak lagi melalui kapal. Sudah tentu dari Amerika tidak dapat melalui daratan. Jadi oleh sebab kurangnya syarikat penerbangan Malaysia ke Amerika, maka bilangan pelancong dari Amerika tidak terdapat sebanyak yang sepatutnya datang ke negara kita. Pada ketika ini tidak ada satu syarikat penerbangan dari

Amerika yang terbang ke negara kita. Saya kira kalau sekiranya frequency, dengan izin, penerbangan dari syarikat penerbangan Malaysia dibenarkan mendarat di Amerika ataupun salah satu syarikat penerbangan Amerika terbang ke Malaysia, saya percaya bilangan pelancong-pelancong dari Amerika akan bertambah ke negara kita.

Saya berbalik kepada wakil dari Batang Lupar yang telah meminta tentang expenditure. Sebenarnya expenditure ini kita tidak ada angka yang tepat, tetapi kita ada angka melalui soalselidik (survey) yang kita jalankan dalam tahun 1985 di mana mengikut soalselidik ini sebagai based, satu angka permulaan, perbelanjaan pada tahun 1985 tiap-tiap satu orang ialah \$134 dan purata perbelanjaan tiap-tiap orang ialah \$158 dalam tahun 1990 tetapi bagi orang Jepun lebih kurang \$223, orang Jerman \$221 tiap-tiap satu hari. Ertinya perbelanjaan orang-orang Jepun dan orang-orang Jerman adalah antara yang tertinggi dan lebih daripada perbelanjaan purata sebanyak \$158 satu orang sehari. Yang terkecil sekali berbelanja ialah orang Siam (Thailand) kira-kira \$47, \$48 satu hari kerana mereka sebenarnya menggunakan negara kita ini sebagai tempat lalu ke Singapura. Mereka bertolak daripada Padang Besar atau Bukit Kayu Hitam sebelum gate tutup, kemudian semalaman itu ia naik bas, singgah di Kuala Lumpur waktu pagi, barangkali 30-40 dalam satu bas singgah satu hotel, sewa 5-6 bilik, basuh muka, ambil breakfast yang sedikit, kemudian terus bertolak ke Singapura, bercuti di Singapura 3-4 hari, kemudian lalu pula di Johor Bahru, bermalam dalam bas, singgah di Kuala Lumpur waktu pagi, basuh muka, barangkali pergi ke toilet dan

sebagainya, ambil breakfast, bertolak balik ke Padang Besar ataupun ke Bukit Kayu Hitam sebelum gate tutup. Jadi mereka ini belanjalah lebih kurang \$47, \$48, sebesar-besarnya \$49 sehari. Orang Singapura lebih daripada average.

Bagi waktu mereka tinggal di sini (length of stay), purata orang Singapura kira-kira 3.5 hari. Selain daripada pelancong-pelancong Singapura, kira-kira 6.7 hari. Purata semuanya 4.5 hari, oleh sebab sebahagian besar daripada pelancong-pelancong kita adalah daripada Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada perkara ini kita menggunakan maklumat ini untuk kita membuat pasaran-pasaran, promosi-promosi seterusnya.

Dr Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan statistik yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu, kalau tak silap saya pada Tahun Melawat Malaysia itu Yang Berhormat Menteri pernah membuat tuduhan terhadap Singapura, tetapi nampaknya statistik menunjukkan merekalah bilangan yang terbesar ke negara ini.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kalau tak ada strategi yang dibuat oleh Singapura itu, lagi besar orang datang ke mari. Jadi sepatutnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini fikirlah. Sewaktu kita tidak mahu Singapura mengadakan undang-undang half tank, dengan izin, ada three quarter tank, besok ada half stomach full, ini yang kita tidak mahu, kerana sewaktu orang Malaysia ke

Singapura, kita tidak ada undang-undang seperti itu. Yang saya hendak katakan begini, kalau sekiranya tidak ada undang-undang itu, barangkali lebih daripada yang datang sekarang. Jadi saya tidak hairan kerana datangnya daripada DAP, dia tak beza sangat dengan PAP sebenarnya. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut sedikit tentang pandangan yang diberi oleh Ahli dari Klang mengenainya terdapatnya perkara-perkara yang belum memuaskan berkenaan dengan pakej dan sebagainya. Ingin saya memaklumkan bahawa pakej ini bukan dibuat oleh TDC ataupun PKPM, tetapi pakej-pakej pelancongan dibuat oleh syarikat-syarikat swasta yang mengendalikan tentang pelancongan. Namun demikian, kita sentiasa menggalakkan pakej-pakej yang unik, pakej-pakej yang menarik, misalannya malam tadi ada satu pakej baru di mana pelancong-pelancong akan dibawa melawat Kuala Lumpur dengan menaiki trishaw dan syarikat ini serta juga syarikat-syarikat lain akan membuat pakej-pakej seperti itu. Pendek kata, kita tidak segan-segan, kita tidak puas-puas memberitahu pihak swasta supaya mengadakan pakej yang lebih inovatif, pakej yang lebih menyeronokkan para pelancong yang datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Malaysia merupakan satu tempat yang menarik dari segi pelancongan hingga menyebabkan sebahagian besar daripada mereka yang datang ke negara kita akan datang lagi ke Malaysia. Daripada survey yang kita buat, tiap-tiap 100 yang datang ke negara kita, 87 akan datang kembali.

Ertinya, kira-kira 87% daripada pelancong-pelancong yang melawat ke negara kita akan melawat setidak-tidaknya sekali lagi seumur hidupnya.

Menyebut tentang perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya berterima kasih kerana dia bersetuju dengan kejayaan yang telah dibuat oleh TDC sejak kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga maklumkan bahawa pertukaran nama bukanlah sebagai satu alasan untuk hendak lari daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh TDC sebelum pertukaran nama ini dibuat. Pertukaran nama sebenarnya untuk hendak menyesuaikan lagi dengan keadaan semasa di mana kita sekarang ini sedang begitu giat memperkenalkan negara melalui TDC di luar negara.

Jadi apabila kita gunakan perkataan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan dalam bahasa Inggerisnya, Malaysia Tourism Promotion Board. Jadi ada satu perkataan "Malaysia" itu dengan senang dapat dikenali oleh negara-negara lain. Misalannya, sekarang ini Pejabat TDC di Amerika tidak dikenali sebagai Pejabat TDC sebab kalau disebut sebagai Pejabat TDC, ia tidak ada makna, tetapi disebut Malaysia Tourism Information Centre di Amerika, di London misalannya. Kita sudah tidak lagi gunakan perkataan TDC di luar pejabat. Kita telah menulis perkataan "Malaysia" sahaja, kerana dengan perkataan TDC itu tidak memberi makna kepada orang luar daripada Malaysia.

Syarikat Penerbangan Malaysia waktu dahulu dipanggil MAS (M.A.S.). Pada orang Melayu, MAS ertinya gold - emas, barang yang mahal, tetapi kepada orang yang tidak tahu bahasa Melayu, MAS tidak ada erti langsung kepadanya. Maka itu ditukarkan kepada Malaysia Airlines. Sekarang ini terkenal sebagai Malaysia Airlines dan orang akan mengatakan saya menaiki "Malaysia" ataupun Malaysia Airlines. Begitu juga kalau kita adakan TDC. TDC sebagai TDC sahaja, orang tidak ada membawa apa-apa makna. TDC - Tourist Development Corporation, Tourist Development Corporation of what? Orang akan bertanya - "of Malaysia", tetapi kita tidak pernah sebut Tourist Development Corporation Malaysia, kita hanya sebut TDC. Kita seronok di Malaysia, orang luar tidak tahu sedangkan nama yang baru seperti juga Singapura misalannya mengadakan STPB, Singapore Tourism

Promotion Board, British Tourism Authority, Tourism Authority of Thailand. Jadi, ada negara masing-masing dan kita akan sebut sebagai misalannya, Malaysia Tourism Promotion Board. Jadi, Malaysia itu kekal dan kita mungkin akan memanggil Tourism Malaysia sahaja. Jadi, apabila disebut Tourism Malaysia, Tourism Malaysia, Tourism Malaysia, sewaktu kita berbincang sekali pun sudah sebut nama negara. Ini yang penting bagi kita. Kita bukan hanya menukar nama, sebab kita tidak mahu nama TDC, nama TDC baik, tetapi lebih baik lagi kalau nama Tourism Malaysia misalannya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah tujuan kita. Kita akui kelemahan-kelemahan yang mungkin dialami oleh pihak TDC sekarang ini. Segala kelemahan-kelemahan itu sama ada ditukar nama atau tidak ditukar nama memang tidak baik, tetapi akan kita perbaiki. Ini bukan bererti kita senang dengan semua yang kita lakukan. Kita akan perbaiki dan sudah tentu kita akan perbaiki bukan sahaja dari segi pentadbirannya, tetapi dari segi promosi. Malah, Tuan Yang di-Pertua, menukar nama ini juga adalah sebahagian daripada kajian yang kita buat dan pertukaran nama yang kita buat ini bukan hanya kita hendak tukar sahaja, tetapi setelah kita kaji dengan mendalam dan kita fikir dengan cara sedemikian akan menambah lagi dari segi pengenalan negara sebagai destinasi pelancongan yang digemari oleh pelancong-pelancong dari Eropah dan Amerika.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menyebut tentang Akta Industri Pelancongan 1991. Saya rasa perkara itu belum kita bentang

lagi dan tidaklah patut kita cakap perkara-perkara yang belum dikemukakan lagi. Jadi, ini sudah tidak hormat kepada Tuan Yang di-Pertua kerana bercakap benda-benda yang orang belum bercakap lagi.

Seperkara lagi yang saya patut beri penerangan ini secara jujur kepada sahabat saya dari Kepong. Dia ini kadang-kadang baik juga, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Kepong ini ada juga sensenya kadangkala. Tentang privatisation mengenai hotel Langkawi Island Resort. Sebenarnya kita bukan tidak mahu menjual kepada HS Hotel tetapi mereka ini telah tidak dapat menunaikan seperti yang disyaratkan di dalam waktu tertentu. Jadi, oleh sebab tidak berupaya menunaikan salah satu daripada syarat, maka terpaksa kita membatalkan perjanjian yang telah dibuat.

Sebenarnya kita telah sambung, kita telah dua tiga kali memanjangkan waktu yang ditetapkan itu, tiga bulan pertama, kemudian kita sambung lagi tiga bulan sehinggalah Penasihat Undang-undang kita memikirkan tidak patut lagi disambung dari segi jangka waktu yang dipersetujukan. Maka dengan kerana itu, di dalam waktu yang sama, pihak Faber telah menawarkan dengan harga sebanyak \$45 juta, kalau tidak silap saya pada waktu itu.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah sekarang ini oleh sebab bagusnya TDC, oleh sebab bagusnya Kementerian mengadakan promosi, pelancongan-pelancong datang lebih ramai, hotel-hotel membuat keuntungan, walaupun harganya dinaikkan, tetapi hotel masih tidak cukup bilik. Maka Langkawi Island Resort membuat keuntungan yang

yang banyak. Sekarang ini nilai hotel itu telah naik, tetapi sewaktu ditawarkan ia berharga \$45 juta, satu harga yang berpatutan. Tetapi sekarang kita sudah bersetuju menjualkan dengan harga \$45 juta, kemudian apabila naik harga, kita hendak naikan lagi. Memanglah itu tidak boleh. Kalau kita naikan juga, dia suruh juga Ahli Yang Berhormat dari Kepong membawa perkara ini kepada Parlimen. Jadi, soalnya sekarang, waktu itu \$45 juta sudah difikirkan munasabah. Maka itulah sebabnya kita terpaksa memprivatisakan atau menswastakan hotel itu kepada Faber, kalau tidak silap saya..

Saya kira itu sahajalah apa yang saya hendak perkatakan.

Tuan Wee Choo Keong: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri, Bukit Bintang bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa syarikat Faber ini sama ada ia berkaitan dengan UMNO baru atau pun jadi satu business arms untuk UMNO baru.

Dato' Sabbaruddin Chik: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu syarikat Faber ini dari mana datangnya. Saya nampak nama sahaja, saya kira saya tidak tahu entah siapa punya pun saya tidak tahu. Saya kena check dahululah. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahajalah jawapan yang saya dapat berikan. Kalau sekiranya ada apa-apa lagi yang saya

ketinggalan, insya Allah, akan kita perhatikan sewaktu kita menjalankan aktiviti-aktiviti sama ada oleh Kementerian ataupun oleh Tourism Malaysia, ataupun Pelancongan Malaysia - nama baru apabila kita tukarkan setelah Rang Undang-undang ini diluluskan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong. Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI PELANCONGAN**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

6.00 ptg.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama Industri Pelancongan 1991 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang Undang-undang Industri Pelancongan 1991 yang dibentangkan ini ialah untuk mengadakan undang-undang baru yang memberi kuasa kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bagi mengendalikan urusan pembangunan, penyelarasan dan pengawalan industri pelancongan. Di antara lain, undang-undang ini akan memberi kuasa kepada Kementerian untuk mengawasi agensi-agensi pelancongan, mengawal kegiatan pemandu pelancong dan menjalankan fungsi penguatkuasaan bagi aktiviti pelancongan.

Di dalam tahun 1980an Kerajaan telah membuat ketetapan untuk menjadikan industri pelancongan sebagai satu industri yang utama di negara ini, terutama sekali untuk menambahkan pendapatan pertukaran wang asing serta menambahkan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat. Malah Kerajaan telah menubuhkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bagi menguruskan dan membangunkan industri pelancongan

dengan lebih berkesan.

Dengan tertubuhnya Kementerian ini, Kerajaan telah juga menetapkan supaya beberapa fungsi tertentu yang sebelum ini dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM) diambilalih oleh Kementerian deajar dengan tanggungjawab yang diberikan kepadanya untuk merancang, menyelaraskan dan membangunkan industri pelancongan di negara ini.

Bidang tanggungjawab dan peranan yang telahpun pada dasarnya dipersetujui untuk diasingkan antara Kementerian dan PKPM adalah seperti berikut saya bacakan sekali lagi, iaitu:

PKPM sekarang akan hanya bertanggungjawab mengenai usaha-usaha penggalakan dan pemasaran pelancongan di luar dan di dalam negeri dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya.

Kementerian pula adalah bertanggungjawab di dalam pembangunan industri pelancongan keseluruhannya, meliputi aspek-aspek dasar, strategi, perancangan, penyelarasan dan pembangunan kemudahan infrastruktur dan produk-produk pelancongan, perancangan tenaga manusia, latihan, hubungan antarabangsa dalam bidang pelancongan serta urusan pendaftaran, dan pelesenan agensi-agensi pelancongan dan pemandu pelancong serta juga penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan yang akan ditetapkan melalui Akta Industri Pelancongan, 1991 yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kebanyakan fungsi-fungsi PKPM telahpun diambilalih oleh Kementerian secara pentadbiran, kecuali bagi fungsi-fungsi yang melibatkan perundangan, seperti pendaftaran dan pelesenan, agensi-agensi pelancongan dan pemandu-pemandu pelancong serta kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengannya.

Bagi membolehkan peranan dan tanggungjawab Kementerian dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan, maka perlulah diwujudkan Akta Industri Pelancongan, 1991 ini.

Penggubalan Akta Industri Pelancongan, 1991 merupakan satu langkah ke arah memberikan kuasa yang lebih kepada Kementerian untuk memajukan industri pelancongan negara dengan lebih berkesan lagi. Di masa-masa yang lalu peranan yang dimainkan oleh Kementerian adalah berupa fasilitator kepada pembangunan industri ini dan didapati kurang berkesan di dalam menentukan arah pembangunan sektor ini untuk tempoh jangka panjang. Dengan adanya Akta Industri Pelancongan 1991, Kementerian akan dapat memperkemas lagi sebarang kekurangan yang terdapat di dalam industri pelancongan yang jika ianya tidak diberi perhatian mungkin akan menjejaskan industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kebanyakan pelabur-pelabur swasta menumpukan perniagaan mereka bagi membina hotel-hotel bertaraf mewah dan mengeneipikan pembinaan penginapan kos sederhana

dan murah yang diperlukan oleh pelancong-pelancong pertengahan sama ada dari dalam mahupun dari luar negeri. Dengan adanya Akta ini, Kementerian akan dapat mengawal dan menentukan jumlah dan kualiti tempat-tempat penginapan, kos tinggi dan sederhana dan juga murah yang diperlukan untuk negara selaras dengan perkembangan pesat industri ini. Kerajaan akan dapat menetapkan kualiti minimum yang sesuai yang perlu diwujudkan oleh pengusaha-pengusaha berkenaan bagi kemudahan-kemudahan penginapan yang disediakan oleh mereka kepada para pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini masih terdapat rungutan daripada pelancong-pelancong bahawa bilik-bilik hotel ini tidak setimpal dengan bayaran yang dikenakan seperti tidak cukup kelengkapan, tidak bersih dan lain-lain.

Melalui Akta Industri Pelancongan ini, Kementerian akan dapat mengawal mutu tempat-tempat penginapan supaya ianya setanding dengan kadar harga yang dikenakan bagi sesuatu kategori bilik serta dapat meninggikan imej negara kepada para pelancong.

Kita juga dapati bahawa kebanyakan aktiviti syarikat-syarikat pelancongan pada masa ini adalah terhad kepada penempahan tiket-tiket ke destinasi tertentu dan sedikit benar yang terlibat dalam aktiviti menganjurkan pakej pelancongan, baik dari luar mahupun dari dalam negeri.

Adalah menjadi hasrat Kementerian untuk menentukan bahawa agensi-agensi yang diberikan lesen di masa akan datang akan menjadi

lebih aktif dan akan mempelbagaikan aktiviti pelancongan mereka supaya bilangan pelancong yang menggunakan perkhidmatan ini akan bertambah lagi. Di samping, itu agensi-agensi ini akan diawasi agar mereka dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pelancong-pelancong tanpa berlaku apa-apa penyelewengan yang boleh menjejaskan nama baik negara.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga menghadapi masalah kekurangan pemandu pelancong pada masa ini. Ramai pelancong-pelancong asing yang datang secara berkumpulan ke negara kita menghadapi kekurangan mendapatkan tenaga pemandu pelancong yang terlatih. Kebanyakan pemandu-pemandu pelancong di negara ini hanya mempunyai kebolehan berbahasa ibunda dan bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan sèdikit sahaja yang boleh bertutur dalam bahasa-bahasa lain.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ramai pelancong-pelancong seperti dari Korea Selatan, Jepun, German dan beberapa negara lain yang tidak tahu berbahasa Inggeris dan memerlukan pemandu-pemandu pelancong yang memahami bahasa-bahasa mereka. Dan berdasarkan kepada perkara inilah, maka usaha-usaha melatih pemandu-pemandu pelancong dalam berbagai-bagai bahasa perlu dijalankan dengan lebih pesat lagi.

Di samping itu juga, etika perkhidmatan pemandu pelancong dan pengetahuan mereka mengenai sejarah dan mengenai hal ehwal negara perlu diberikan penekanan. Kementerian akan menetapkan kriteria-

kriteria tertentu di dalam mengeluarkan lesen-lesen, permit-permit kepada pemandu pelancong demi menjaga imej negara dan mengawasi etika pemandu pelancong dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan dan produk-produk pelancongan yang terdapat di negara kita pada masa ini didapati masih perlu diperbanyakkan lagi dan dipertingkatkan. Dengan mem-banyakkan produk-produk pelancongan ini tempoh purata pelancong tinggal di negara kita akan dapat dipanjangkan dan ini akan dapat meningkatkan lagi perbelanjaan mereka sewaktu di negara kita. Di dalam hal ini Kementerian akan berusaha menggalakkan pihak swasta dan orang-orang perseorangan agar sama-sama turut bergiat membangun produk-produk pelancongan yang baru dan di samping itu usaha memelihara tinggalan-tinggalan sejarah serta alam persekitaran yang menjadi tarikan pelancong akan diteruskan.

Pada masa ini Kerajaan telah menyediakan beberapa insentif dan galakan kepada sektor swasta bagi menarik mereka bergiat di dalam industri pelancongan.

Adalah didapati masih banyak sektor swasta yang belum menggunakan manfaat dari galakan ini, kerana mungkin mereka tidak tahu wujudnya galakan-galakan tersebut atau mereka tidak tahu akan agensi mana yang bertanggungjawab di dalam menyelaraskan pemberian galakan-galakan berkenaan. Perkara ini akan diperbetulkan di mana orang ramai terutamanya pihak swasta akan lebih maklum mengenai bidang tanggungjawab yang dimainkan oleh Kementerian. Di samping itu, Kementerian akan dapat menentukan hanya pengusaha-pengusaha yang layak sahaja diberi insentif-insentif ini dengan mengadakan peraturan-peraturan yang tertentu melalui pendaftaran dan pelesenan pengusaha-pengusaha pelancongan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Industri Pelancongan, 1991 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kadar sewa bilik yang tinggi dan harga makanan dan minuman yang mahal akan memberi kesan jangka panjang yang buruk kepada industri pelancongan negara. Pelancong-pelancong mungkin akan memilih untuk pergi ke lain-lain destinasi pelancongan di mana kadar ini adalah lebih rendah lagi. Oleh itu, di dalam meningkatkan daya-saing industri pelancongan negara, peraturan-peraturan yang sesuai akan dibuat oleh Kementerian melalui Akta Industri Pelancongan 1991 ini, sekiranya perlu, bagi menyekat perkembangan yang tidak sihat ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengwujudan Akta baru ini juga tidak melibatkan apa-apa implikasi kewangan dari pihak Kerajaan. Sungguhpun ianya akan melibatkan penubuhan dua bahagian baru di Kementerian, iaitu Bahagian

Pendaftaran Pelesenan Pelancongan dan Bahagian Penguatkuasaan. Ini adalah kerana jawatan-jawatan di Bahagian-bahagian ini dicadangkan akan diisi melalui pemilihan secara pentadbiran pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan PKPN yang sedang menjalankan tugas-tugas ini dikedua bahagian baru di Kementerian kerana tugas ini tidak lagi dijalankan oleh PKPN dengan wujudnya Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 1991 juga Akta Industri Pelancongan, 1991. Barangkali setelah beberapa ketika keadaan ini berlaku, mungkinlah akan ditambah pegawai-pegawai baru apabila tugasnya bertambah banyak nanti.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan mewujudkan Akta Industri Pelancongan, 1991 serta Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan, 1991 adalah usaha untuk memberikan kuasa kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk dapat membangun, mengembang dan juga memajukan lagi industri pelancongan negara supaya cita-cita negara menjadikan industri pelancongan sebagai industri utama akan dapat dicapai jua hendaknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Napsiah binti Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan pengusahaan-pengusahaan pelancongan dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Petaling Jaya.

6.14 ptg.

Dr Kua Kia Soong [Petaling Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada aspek sahaja dalam industri pelancongan Malaysia yang saya rasa kurang menyenangkan. Walaupun industri pelancongan begitu maju dalam segi foreign exchange earning, dengan izin, ada juga aspek-aspek yang saya rasa buruk dan tidak menguntungkan rakyat jelata.

Pertama, tempat-tempat terpilih seperti pantai-pantai, taman-taman bersiar yang telah dilesenkan kepada hotel-hotel dan pemaju golf di seluruh negara. Ada banyak contoh, misalnya baru-baru ini saya berada di Kuching, Sarawak dan ada Damai Beach dekat Kuching, pantai ini tidak dibenarkan kepada orang ramai dan kalau ada lain-lain pantai terpilih di seluruh Malaysia yang telahpun dilesenkan kepada Clubmed ataupun hotel-hotel mewah yang mana tidak ada lagi pantai-pantai yang sesuai untuk orang-orang yang tidak sanggup pergi ke tempat-tempat tersebut.

Selain daripada pantai-pantai terpilih ini, keadaan yang serupa terjadi kepada taman-taman yang telah dimajukan sebagai padang golf, misalnya di Pulau Redang ataupun Templer Park. Kalau satu pulau seperti Pulau Redang yang begitu unik ini boleh dibenarkan oleh pemaju swasta untuk kepentingan orang kaya sahaja, adakah negara ini untuk semua rakyat ataupun untuk dinikmati oleh orang-orang kaya dan lapisan atasan sahaja, terutamanya pelancong-pelancong asing seperti orang Jepun.

Ada juga kes-kes di mana penghuni-penghuni tanah diusir dari tempat-tempat kediaman mereka seperti di Langkawi oleh sebab tanah itu telah dilesenkan kepada pemaju-pemaju pelancongan, tetapi ini

bukan sahaja satu masalah dalam industri pelancongan. Ini adalah disebabkan oleh dasar penswastaan Kerajaan dan Ahli Parlimen Ampang Jaya pun tahu keadaan dalam kawasan dia sendiri di mana penduduk-penduduk di kawasan Kampung Sungai Putih mengalami satu masalah yang sama diusir dari tanah-tanah mereka. Maka kami harap pelesenan pengusahaan-pengusahaan pelancongan akan dikawal supaya kepentingan orang ramai, rakyat jelata dan bukan kepentingan orang kaya sahaja yang dibela.

Dalam segi pelesenan pengusahaan pelancongan satu lagi kesan pelancongan yang buruk dan harus dikawal ialah industri pelacuran. Semua orang tahu bahawa di tiap-tiap pengusahaan-pengusahaan pelancongan yang menarik di Johor Bahru, Batu Pahat dan lain-lain, sindiket pelacuran pun terus berkembang dan jika sindiket pelacuran berkembang, kaum wanita, gadis-gadis dari Johor Bahru hingga ke Sarawak pun jadi mangsa dan maruah negara pun jatuh.

Maka saya hendak bertanya bagaimanakah masalah-masalah yang saya bangkitkan tersebut boleh dikawal dan diselesaikan oleh Rang Undang-undang ini. Adakah tujuan peruntukan dalam Rang Undang-undang ini dalam aspek pembaharuan lesen, kuasa Menteri membuat peraturan-peraturan kuasa mengkompaun kesalahan, kuasa untuk menyiasat dan lain-lain akan termasuk pengawalan pelacuran dan juga untuk memastikan tempat-tempat yang seronok yang ada juga warisan negara tidak dimanipulasikan oleh orang-orang kaya dan pelancongan asing sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong. Selepas Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat Menteri diminta menjawab.

6.08 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang, menurut Huraian mengadakan Rang Undang-undang baru bagi pelesenan dan pengawalseliaan orang yang mengendali atau menjalankan perusahaan pelancongan serta mereka yang berkhidmat sebagai pemandu pelancong. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan Rang Undang-undang Industri Pelancongan ini tidak patut disebutkan pada awal lagi, maka saya hendak menekankan di sini kedua-dua Rang Undang-undang ini dikembarkan untuk maksud yang sama untuk memajukan pelancongan, maka saya menyentuh lebih awal kerana itu sangat relevant untuk maksud ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kami perlu mengawalselia perkhidmatan yang disediakan oleh mereka yang terlibat dalam industri pelancongan. Akan tetapi pada dasarnya Rang Undang-undang ini jelas sekali lebih menumpukan kepada jenis pengusahaan secara besar-besaran terutamanya Seksyen 8(1)(e)(f) dan berkemungkinan besar menimbulkan masalah kepada penduduk-penduduk kampung yang mencari pendapatan sampingan dengan menyewakan kemudahan penginapan kepada pelancong. Kami memang sedar bahawa Kerajaan menganjurkan konsep pelancongan perkampungan atau kampung tourism, dengan izin, di kampung-kampung dengan membenarkan chalet serta resort dibina di kawasan pantai atau pulau-pulau luar pesisir.

Menurut satu kajian yang dikemukakan oleh cendekiawan Universiti Teknologi Malaysia, pembangunan pelancongan yang dilaksanakan di kawasan-kawasan yang ecologically sensitive dengan izin, telah melupuskan identiti serta suasana unik kampung di Malaysia.

Identiti dan suasana kampung itulah yang menjadi daya tarikan pelancong sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Sekarang dengan penggubalan Rang Undang-undang Industri Pelancongan, masalah akan bertambah tenat kerana nampaknya ia tidak menimbangkan penyelesaian kepada ancaman terhadap pelupusan atau kehancuran identiti serta suasana unik kampung.

Sebaliknya, undang-undang diadakan semata-mata untuk membolehkan pengusaha bersyarikat atau secara besar-besaran tanpa apa-apa pertimbangan kepada pengusaha kecil-kecilan dan sampingan seperti penduduk-penduduk kampung. Pengusaha kecil-kecilan ini akan memainkan peranan yang penting pada masa sekarang dan hadapan. Pada hemat saya, untuk menjayakan konsep pelancongan perkampungan tanpa menjejaskan identiti atau suasana unik kampung-kampung kita, Kerajaan harus menggalakkan penduduk kampung sendiri yang menguruskan pembangunan sebegini terutama sekali dari segi penyediaan penginapan manakala peranan agensi pelancongan hanya sekadar memasarkan pakej ini kepada para pelancong.

Penduduk kampung bukan sahaja boleh mencari pendapatan sampingan tanpa menghadapi persaingan sengit daripada perusahaan hotel, chalet atau resort akan tetapi imej dan suasana kampung serta alam sekitar juga turut terpelihara. Maka peruntukan undang-undang juga harus turut dipinda untuk mengambilkira perusahaan sambilan atau kecil-kecilan ini supaya industri pelancongan di kawasan luar

bandar juga dibangunkan dengan teratur dan terkawal. Mungkin Yang Berhormat Padang Terap ataupun Larut akan setuju.

Bahagian...

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat...

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dan terima kasih kepada beliau. [Ketawa]

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya pun setuju. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Saya seronok jugalah kerana memandangkan ada sesetengah itu fikirannya agak waras juga.

Bahagian peruntukan pembangunan \$45 juta yang disediakan dalam Belanjawan tahun 1992 untuk pengusahaan pelancongan di luar bandar akan lebih berkesan digunakan jika disalur terus-menerus kepada penduduk kampung untuk membantu mereka menyediakan penginapan yang selesa. Program ini juga boleh mempertingkatkan pembangunan kawasan luar bandar di samping membantu keluarga-keluarga miskin mencari pendapatan sampingan selain bercucuk-tanam atau menangkap ikan.

Begitu juga Rang Undang-undang ini tidak memberi pertimbangan secukupnya kepada pemandu pelancong yang bekerja sambilan sahaja. Tidak ada peruntukan khusus mahupun yang jelas dalam Rang Undang-

undang bagi pemandu pelancong sambilan walhal terdapat keperluan mendesak untuk memandu pelancong serta usaha dalam industri memberi keutamaan menarik lebih ramai pemandu pelancong sambilan yang aktif terutama sekali mereka yang fasih dalam pertuturan bahasa asing. Memang itulah prinsip kami untuk menggalakkan orang ramai di Malaysia untuk mempelajari bahasa-bahasa selain daripada bahasa-bahasa yang terdapat di Malaysia. Itu satu arus aliran yang penting dihormati dan diambil kira oleh pihak Kementerian.

Menurut Laporan Tahunan Statistik Pelancongan tahun 1990, bilangan pemandu pelancong hanya bertambah sebanyak 8.9% kepada 2,553 orang dalam tahun berkenaan berbanding dengan tambahan dalam bilangan tours sebanyak 284 tour baru dan agensi pelancongan sebanyak 2.5% kepada 1,545 agensi. Menjelang akhir bulan September tahun ini, bilangan pemandu pelancong di Malaysia hanya 1,647 orang, sangat berkurangan. Bolehkah pihak Kementerian menjelaskan apakah peruntukan perundangan yang akan disediakan untuk menimbang pengawalseliaan perkhidmatan pemandu pelancong sambilan?

Kami ingin menegaskan bahawa walaupun ia perlu untuk mengadakan kawalan ke atas mereka yang berkhidmat sebagai pemandu pelancong, akan tetapi ia juga penting untuk mengesyorkan mereka yang bekerja sambilan terutamanya mereka yang fasih dalam pertuturan bahasa asing juga dibenarkan berkhidmat secara sambilan tanpa terlalu terkongkong oleh keperluan untuk melaksanakan fungsi selama suatu tempoh 6 bulan berterusan atau kursus latihan lanjutan atau ujian kecekapan

lanjutan yang serupa dengan pemandu pelancong yang bekerja sepenuh masa.

Sememangnya kami perlu mempertingkatkan mutu pemandu pelancong akan tetapi Kerajaan harus menyediakan program atau kursus latihan lanjutan atau ujian kecekapan lanjutan yang berlainan serta tempoh pelaksanaan fungsi sebagai pemandu pelancong yang lebih fleksibel bagi pemandu-pemandu pelancong yang bekerja sambilan.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga tidak melihat kawalan berbentuk Lembaga Disiplin bagi industri pelancongan terutama sekali untuk mengendalikan serta menyiasat aduan pelancong termasuk kegagalan, untuk menunaikan apa yang dijanjikan dalam iklan atau telah diberitahu kepada pelancong sebelum bayaran dibuat. Di seluruh teks Rang Undang-undang hanya Pesuruhjaya Pelancongan iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan sahajalah yang membuat keputusan melulus dan menarik balik lesen yang dikeluarkan.

Mengapakah peruntukan undang-undang tidak dibuat untuk mengadakan suatu Lembaga Disiplin yang dipengerusikan oleh Pesuruhjaya dengan ahli-ahli lain dilantik untuk gabungan pengusaha-pengusaha pelancongan sendiri untuk bertindak mendisiplinkan mereka yang berkhidmat dalam industri serta mengurus dan menyiasat sebarang aduan yang dikemukakan oleh para pelancong terhadap mana-mana agensi atau orang yang berkhidmat dalam industri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Pesuruhjaya itu mungkin fasih dengan perundangan industri, akan tetapi pada hemat kami, mereka

yang terlibat secara langsung dalam industri itu yang lebih layak mengadakan sesama sendiri sama ada seseorang ahli atau agensi itu telah bertindak secara menjejaskan imej industri atau gagal menyempurnakan tanggungjawab serta tugas sepertimana yang patut dilakukan.

Akhir sekali, kami berharap Kerajaan senantiasa mengambil berat mengenai kesan ekologi dan alam sekitar dalam sebarang rancangan membangunkan industri pelancongan walaupun Kerajaan kononnya mengumumkan bahawa ia akan mengutamakan alam semula jadi dan nilai-nilai kebudayaan sosial, pembangunan pesat di setiap negeri untuk membina lebih padang golf. Jelas terbukti kata-kata Kerajaan itu semata-mata menanam tebu di bibir mulut sahaja.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat...

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ada desas-desus dan kumat-kamit. Itulah susah saya hendak meneruskannya.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, kita kata pandainya dia berbahasa Melayu, indahnyanya bunyi, itupun hendak marah? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan benar-benar mengambil berat tentang alam sekitar dan ekologi negara, takkanlah ia bercita-cita menjadikan Malaysia sebagai 'Syurga Golf'.

Pada pertengahan bulan September lalu, Timbalan Menteri sendiri mengatakan Malaysia akan dijadikan 'Syurga Golf' dan pembinaan 20 lagi padang golf diluluskan, menjadikan bilangan padang golf dalam negara sebanyak 124 buah.

Kerajaan sendiri bukan tidak tahu bahawa pembinaan padang golf adalah membahayakan alam sekitar. Padang-padang golf biasanya dibina di kawasan-kawasan semula jadi yang amat peka kepada perubahan dan pencemaran yang melibatkan penggunaan berleluasa racun serangga, racun lalang dan baja kimia yang larut - ini Larut juga - yang larut dalam air dan diserap ke bawah tanah.

Racun-racun ini yang larut dalam air....

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,
Larut bangun.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya minta dia menggunakan perkataan bukan "larut" tetapi "meresapi" agaknya. Tadi pandai, ini bodoh pula! [Ketawa]

[Tuan Yang di-Pertua mepengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Larut tidak berminat dengan larutan. Ini larutan (solution). Kita tidak boleh elakkan penggunaan perkataan itu. Saya pun hendak cari perkataan yang lebih tepat tetapi tidak dapat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, racun-racun yang larut di dalam air. Tidak boleh kita hendak cari perkataan yang lebih jitu dan persis-nya. [Ketawa] Larutan air seperti inilah mungkin akan mencemar bekalan air negara juga. Negara-negara Jepun dan Korea Selatan yang mempunyai ramai pemain atau penggemar golf pun tidak membenarkan lagi padang golf baru dibina di negara sendiri kerana takut kepada pencemaran kimia. Hanya Kerajaan Malaysia yang bergila-gila membangunkan padang golf baru, kononnya untuk menarik pelancong asing seperti Jepun dan Korea Selatan tetapi juga untuk Menteri-menteri kami sendiri yang tidak menghiraukan sangat tentang pencemaran yang boleh wujud daripada projek-projek sebegini mahupun kesan buruk ke

atas kesihatan penduduk pada kemudian hari kelak.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali ialah dengan kenaikan kadar elaun sekarang, saya berharap Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen tidak akan membuang masa di padang-padang golf sahaja. Kita tidak mahu menyaksikan ramai Menteri seperti ini sepanjang hari membuang masa di padang golf.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order, Ahli dari Kepong telah keluar dari tajuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak juga, Tuan Yang di-Pertua, kerana ini industri pelancongan yang memerlukan sehingga 124 buah padang golf di seluruh negara.

Tuan Shahidan bin Kassim: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat telah melanggar Peraturan 36(6) iaitu sangkaan jahat. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, perkataan "buang masa" tadi, adakah masa pejabat ataupun masa di luar pejabat? Sebab kalau ini tidak diterangkan, Yang Berhormat telah membuat sangkaan jahat dan boleh dihukum.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sangkaan jahat. Adakah Yang Berhormat Arau bersetuju dengan saya kalau kita tubuhkan satu Jawatankuasa Khas, Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk menyiasat bilangan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang bermain golf semasa bekerja? Kalau Yang Berhormat Arau bersetuju, kita tubuhkan untuk menyiasat kerana dengan kadar elaun

yang naik, kita perlu berbuat demikian untuk meningkatkan prestasi para Menteri. Adakah Yang Berhormat Arau bersetuju dengan cadangan saya? Tuan Yang di-Pertua, memang di dalam bidang.....

Tuan Yang di-Pertua: Arau bangun pula.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan. Soalnya, dia tidak ada bukti, kalau dia ada bukti, dia berilah bukti. Kalau ada kes bolehlah kita tubuhkan Jawatankuasa Penyiasat. Ini tidak ada apa-apa. Tetapi kalau hendak tubuhkan Jawatankuasa Penyiasat untuk melihat perangai Ahli-ahli DAP yang pergi membuat fitnah, boleh, itu saya bersetuju. Itu paling banyak, kawan saya daripada Kepong pun sama, banyak buat fitnah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Arau tidak begitu tepat jawapannya. Dengan semangat yang berkehendakkan kita menerima kadar elaun yang baru, baiklah dia menumpukan perhatian kepada isu yang pokok, yang khusus untuk meningkatkan prestasi para Menteri, Timbalan dan Setiausaha Parlimen. Memang Yang di-Pertua pun bersetuju dengan saya, kita hendak tengok prestasi yang lebih baik lagi.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Padang Terap bangun pula.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit Yang Berhormat dari Kepong ini. Dia bangkitkan hal prestasi. Adakah setakat ini prestasi ahli-ahli Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri menurun disebabkan oleh golf? Adakah bukti? Mungkin disebabkan oleh golf, prestasi naik sekarang yang mana peningkatan ekonomi naik sampai 8.5%. Mungkin golf yang

menyebabkan Menteri-menteri kita dapat memberi khidmat dengan lebih efisien kerana badan yang sihat memangku otak yang sihat, bukan macam Yang Berhormat dari Kepong, tidak main apa-apa pun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya baru tahu bahawa Yang Berhormat Padang Terap telah mengemukakan satu teori yang baru. Kalau pada tahun yang lepas dia mengemukakan teori "cakerawala", sekarang dia mengemukakan satu teori "cekerawati". Teori seperti ini kalau kita membina 124 buah padang golf ataupun lebih 3,000 buah padang golf di sini, jadi prestasi Menteri akan meningkat. Itu teori dia.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Padang Terap bangun pula.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dia sudah confuse, sebab bercakap terlalu banyak. Saya bangkitkan isu mengenai dengan Menteri dan Ahli-ahli Kabinet yang lain main golf, bukan membangkitkan isu mengenai dengan 150 padang golf. Yang saya tekankan tadi ialah soal Menteri main golf. Adakah kerana main golf itu prestasinya jatuh? Itu dia, kerana ini sudah menjadi verbal diarrhoea, sampai habis diarrhoea ke lain-lain tempat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah siapa verbal diarrhoea tetapi ceret-beret seperti ini, kita hendak menumpukan kepada isu yang pokok. Bolehkah Yang Berhormat menyokong saya kalau saya cadangkan semula Jawatankuasa Pilihan untuk menyiasat sama ada kerana main golf itu, prestasi Menteri merosot?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh menyokong kerana tiada bukti yang mengatakan bahawa dengan main golf itu prestasi jatuh. Kalau ada bukti bahawa kerana main golf itu prestasi Menteri jatuh, boleh kita adakan Jawatankuasa untuk menyasat. Ini tiada apa-apa, angin pun tiada, pokok pun tidak bergoyang, sahaja dia sedap hendak bercakap. Itu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bukan sedap hendak bercakap sahaja, saya menumpukan kepada soal yang pokok iaitu industri pelancongan mengenai pembinaan lebih banyak padang golf untuk industri ini. Itulah maksud saya dan sambilan sahajalah kalau saya sebutkan Menteri yang bermain golf. Saya tidak mengatakan kalau kita ambil masa selepas bekerja, selepas masa pejabat kita pergi main-main, jogging dan sebagainya. Itu baik juga. Saya menggalakkan Yang Berhormat Padang Terap menyertai saya untuk berjogging, itu lebih baik. Kalau dia hendak itu, saya setuju.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Padang Terap bangun pula.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya lebih daripada berjogging, saya main bola - soccer.

Tuan Yang di-Pertua: Pulak!

Dato' Dr. Affifudin bin Mohd. Omar: Lebih daripada itu.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia main bola.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bola ini banyak jenis bebola. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya, saya hendak menekankan sekali lagi dasar untuk membina lebih banyak padang golf untuk industri pelancongan dan untuk industri-industri yang lain supaya kita menarik lebih banyak pelabur, baik kita menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang lain terutamanya pemeliharaan alam sekitar, itu lebih baik.

Itu lebih baik. Kalau kita mempunyai alam sekitar semula jadi yang lebih unik seperti Taman Negara dan sebagainya, kita boleh menarik lebih ramai pelancong-pelancong ke negara ini. Saya seronok jugalah kerana Menteri Pelancongan sendiri datang ke Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini. Ini menunjukkan satu sikap yang baik. Saya berharap semua Menteri boleh ikut sama tetapi nampaknya Yang Berhormat Menteri Kehakiman pun ada mengemukakan Rang Undang-undang.....

Tuan Yang di-Pertua: Larut bangun pula.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu bercakap bunyi ikhlas tetapi dia menyindir Menteri-menteri lain. Niat tidak baik - *malice aforethought*, tarik balik.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu satu hakikat. Semua Menteri-menteri hilang sekarang. Adakah Yang Berhormat Larut hendak menyaksikan semua Menteri hilang daripada Dewan yang mulia ini?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Dia tidak faham. Menteri ada tugas-tugas, di dalam Dewan Negara dan di tempat-tempat lain. DAP mana ada jadi Menteri, itu sebab kerumun ramai sangat. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Larut ini bercita-cita tinggi untuk menjadi Menteri pada masa hadapan. Saya berharap dia bertukar sikaplah kalau dia akan dilantik menjadi Menteri.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Seperti Ahli dari Kepong, pun saya hendak jadi Menteri. Kalau Perpaduan Ummah menang dahulu, dia hendak jadi Menteri apa pun tidak tahu. Dia kata dia hendak tangkap kita semua, dia pun berangan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, masa telah berlalutan dan saya menekankan supaya pihak Kementerian sekali lagi dengan adanya Yang Berhormat Menteri sendiri datang untuk membentangkan Rang Undang-undang ini, ini menunjukkan satu sikap yang baik. Saya harap sikap ini akan diikuti oleh semua Menteri, kalau boleh. Saya setuju kerana ada sesetengah mempunyai urusan yang lain, tetapi takkanlah sepanjang sesi ini pun tidak ada masa lapang langsung untuk menghadiri mesyuarat di sini, di dalam Dewan. Saya tidak setuju kalau tiap-tiap hari sibuk belaka sehingga tidak ada masa untuk main golf. Masa untuk main golf sememangnya ada, tetapi masa untuk masuk ke Dewan tidak ada. Itulah sikap yang kita hendak tegur di sini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri menjawab.

6.44 ptg.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Sabbarudin Chik]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan Menteri tidak ada masa untuk datang ke mari, kadang-kadang jemu mendengar Ahli-ahli dari DAP bercakap merepek-repek dan tidak ada kaitan langsung dengan pelancongan. Itu yang menyebabkan Menteri-menteri jemu hendak datang. Saya ini terpaksa datang kerana saya hendak membentangkan

Rang Undang-undang ini, namun demikian, saya mengucapkan terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana sedar juga bahawa ada Menteri-menteri yang datang. Sebenarnya, mereka ada masa untuk datang ke mari, tetapi kalau merepek-repek hanya merugikan masa sahaja, baik kita buat kerja-kerja lain.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya hendak sentuh sebagai jawapan kepada Yang Berhormat dari Petaling. Mulanya tentang pantai-pantai di mana kononnya, pantai-pantai ini telah disewakan kepada pengusaha-pengusaha pelancong lain dan tidak dibenarkan orang ramai datang untuk menggunakan pantai-pantai ini.

Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa pantai-pantai tidak pernah diberikan kepada mana-mana pihak. Semua pantai adalah terbuka kepada sesiapa sahaja yang ingin menggunakan pantai itu. Ertinya tidak ada mana-mana pantai yang dileasekan kepada mana-mana syarikat. Jadi, kalau itu tidak diketahui, saya harap penjelasan ini agak jelas kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Beliau juga menyebutkan tentang penghuni-huni diusir daripada tanah-tanah tertentu. Sebenarnya, tidak ada berlaku di mana-mana kes penghuni-huni diusir dengan sewenang-wenangnya oleh pihak Kerajaan. Di Langkawi, banyak tuan punya tanah diberi ganti rugi yang begitu tinggi dibandingkan dengan nilai tanah itu sendiri, khususnya nilai tanah itu sebelum Pulau Langkawi dijadikan pelabuhan ataupun dijadikan kawasan bebas cukai seperti sekarang ini dan sebelum Langkawi itu dipromote, dengan

izin, sebagai tempat pelancongan, sekarang ini satu ekar misalnya, di Langkawi boleh dibayar ganti rugi sampai tiga empat ratus ribu ringgit, di mana ini tidak pernah termimpi oleh tuan punya tanah sebelum Langkawi dijadikan sebagai tempat pelancongan. Jadi, tidak betul, kalau dikatakan penghuni-penghuni itu diusir tetapi penghuni diberi ganti rugi yang tinggi dan sudah tentulah kalau di-compensate, diganti rugi, tanah itu tidak lagi kepunyaan orang yang berkenaan.

Beliau juga menyebut tentang sama ada Kementerian nanti akan bertanggungjawab tentang pelesenan tempat pelacuran. Setakat yang saya tahu, tidak ada pelesenan pelacuran diberikan oleh mana-mana pihak. Setakat yang saya tahu, ini adalah perusahaan yang tidak legal, sama ada berlaku atau tidak berlaku itu, saya tidak tahu. Saya seperti juga Ahli Yang Berhormat dari Kepong, yang kononnya baik sangat - orang yang baik sangat tidak terlibat langsung dengan perkara yang seperti ini. Cuma yang saya hendak katakan satu sahaja iaitu berkenaan dengan pelacuran, kata Ahli dari Petaling, apabila ada pelacuran wanita-wanita menjadi mangsa. Saya fikir tidak semestinya. Kadang-kadang wanita sengaja hendak menjadi pelacur. Sudah tidak ada kerja lain, dia jadi pelacur. Itu bukannya paksaan, dia hendak jadi sendiri dan dengan senang hati sendiri. Kalau dengan senang hati sendiri, itu tidak dianggap sebagai mangsa. Mangsa ini ada unsur-unsur paksaan. Kalau tidak ada unsur-unsur paksaan, itu tidak jadi mangsa. Soalnya, sama ada boleh atau tidak boleh. itu cerita lain.

Namun demikian, Kementerian tidak ada kaitannya dengan lesen-lesen yang berkaitan dengan pelacuran. Kita hanya pelancongan, kalau segi ejaan itu tidak betul, itu bukan salah sayalah. Kita - pelancongan, tidak ada kaitan dengan kes pelacuran.

Berhubung dengan perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong yang kehabisan dan ketandusan matan sebenarnya, tetapi hendak juga bercakap, hendak mendapatkan response dari macam-macam, dari Larut, dari Padang Terap, kita pun sporting. Kita beri dia humour sedikit. Kadang-kadang dia bercakap lama, orang tak jawab, dia tunggu lagi supaya kita response, tetapi kita terima kasihlah kepada pandangana-pandangan yang diberi. Pertamanya, tentang sangkaan bahawa kita melalui perundangan ini tidak mementingkan pengusaha-pengusaha pelancongan secara kecil-kecilan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya melalui Rang Undang-undang Industri Pelancongan 1991 ini, kita sememangnya menggalakan pengusaha-pengusaha secara kecil-kecilan yang mana pengusaha-pengusaha ini sebenarnya tidak memerlukan lesen. Pantai-pantai di mana terdapat perkampungan, penangkap-penangkap ikan, mereka boleh menggunakan tanah kosong untuk mendirikan chalet dua-tiga biji ataupun menggunakan rumah sendiri dan rumah yang mereka ada, buat satu atau dua bilik yang disewakan kepada pelancong-pelancong dengan kadar yang sederhana.

Malah bukan sahaja kita menggalakkan tetapi kita juga memberi tunjukajar kepada mereka ini di dalam usaha mengendalikan chalet-chalet ini khususnya kepada anak-anak mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap yang boleh membantu ibu bapa mereka menambah pendapatan tetapi juga terdapat di bandar-bandar seperti di Pulau Pinang misalannya banyak kedai-kedai di Pulau Pinang terdapat bilik-bilik di atas loteng misalnya, dan disewakan dengan kadar \$10 - \$15 kepada pelancong-pelancong yang kita panggil, dengan izin, back packers misalannya dan mereka ini tinggal dengan keadaan yang agak selesa juga kerana terdapat kemudahan tandas, bilik mandi dan sebagainya.

Di dalam perkataan-perkataan lain, Tuan Yang di-Pertua, perundangan ini sebenarnya dibuat khusus bagi membantu industri pelancongan yang bertujuan untuk menambah peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini sama mereka di bandar ataupun di kampung-kampung, sama ada mereka peniaga-peniaga kecil ataupun nelayan, sama ada mereka ini melibatkan diri di dalam industri pelancongan secara besar-besaran ataupun secara kecil-kecilan. Kita akui bahawa sekarang ini memang terdapat kekurangan yang amat sangat di dalam bidang pemandu pelancong seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kepong iaitu lebih kurang 1,600 pada ketika ini. Dan kebanyakan daripada mereka ini terdiri daripada pemandu-pemandu pelancong dalam

bahasa Mandarin, dalam bahasa Inggeris dan sedikit-sedikit di dalam bahasa Jepun serta barangkali Perancis. Amat berkurangan pemandu-pemandu pelancong di dalam bahasa Korea dan dalam bahasa Jerman misalannya. Malah dalam bahasa Jepun pun belum cukup lagi berbanding dengan bilangan pelancong Jepun yang datang ke negara kita.

Usaha sedang kita buat untuk memberi bukan sahaja teknik ataupun cara-cara untuk menjadi pemandu-pemandu pelancong tetapi juga memberi latihan di dalam bahasa-bahasa asing. Selain daripada kita dari TDC, kursus bahasa juga diberi oleh syarikat-syarikat swasta, termasuk juga institusi-institusi seperti MARA dan beberapa institusi lain di mana seseorang yang ingin menjadi pemandu-pemandu pelancong terpaksa mengetahui bahasa-bahasa yang saya sebutkan tadi.

Saya juga bersetuju dengan Wakil dari Kepong supaya kita tidak terlalu ketat dari segi mengawasi pemandu-pemandu pelancong ini dengan mengizinkan mereka bekerja sambilan dan sebagainya. Pada waktu ini kita boleh mengizinkan mereka ini sebagai pemandu pelancong sambilan oleh sebab kita kekurangan pemandu-pemandu pelancong, tetapi kita tidak mahu pemandu-pemandu pelancong sambilan ini memberi maklumat-maklumat yang tidak betul kerana dengan adanya maklumat-maklumat yang diberi secara tidak betul, ianya akan menjejaskan industri pelancongan negara secara jangka panjang. Tidak ada baiknya misalannya pemandu-pemandu pelancong memberi keterangan-keterangan yang tidak betul. Ada pemandu-pemandu

pelancong yang kurang fasih tentang perundangan misalannya, tentang maklumat-maklumat tetapi memberikan sewenang-wenang kepada pelancong-pelancong, keadaan ini mungkin akan mendatangkan keburukan kepada negara. Maka itulah sebabnya perlu kita awasi supaya pemandu-pemandu pelancong ini tidak memberi maklumat-maklumat yang salah.

Saya fikir tidaklah perlu saya sebut tentang padang golf kerana tidak ada kaitan sangat dengan industri pelancongan dari segi undang-undang ini, namun demikian saya hendak sebut sedikit sahaja tentang perkara ini berkaitan peranan padang golf sebagai tarikan pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, ada lebih kurang 150 padang golf sekarang ini di negara kita. Satu-satu padang golf luasnya kira-kira 150 ekar, satu padang golf 15 lubang, saya kira lebih kurang begitulah. Jadi, kalau hanya ada 150 padang golf tidaklah merupakan satu kawasan yang terlalu besar. Dan juga untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong, yang kadangkala mungkin kurang mengetahui tentang padang golf, kalau betul dia tidak main, tetapi saya tidak tahu sebenarnya, banyak padang-padang golf ini sebenarnya dibuat di atas tanah yang tidak boleh digunakan untuk tujuan lain seperti bekas lombong. Di Serendah misalannya, memang tanah itu tidak boleh digunakan, dijadikan padang golf. Ada setengah tempat, di Titiwangsa misalnya, tanah yang begitu lama, sudah menjadi begitu banyak kolam dan sebagainya kemudian ditimbun, maka ini juga adalah baik.

Saya pun bukan hendak defend, hendak pertahankan orang buat padang golf, tetapi kadangkala ada padang-padang golf ini dibuat

daripada kawasan-kawasan yang tidak boleh digunakan untuk kepentingan-kepentingan lain, maka dijadikan padang golf itu. Soal sama ada Menteri main golf, boleh tak boleh, itu soal lain. Tetapi saya kira kalau di waktu lapang, tidak ada salahnya. Tidak ada bezanya orang berjalan kaki, orang pergi jogging. Jogging pun apa maknanya, kadangkala jogging ini orang kata kalau tak pakai seluar yang baik-baik, ia melabuhkan lutut kita sahaja.

Jadi, kalau kita tak suka main golf, kita suka jogging, jangan kata main golf tak baik, jogging baik. Buat saya, orang jogging ini tak ada faedah, setidak-tidaknya main golf boleh juga pukul bola golf. Kadang-kadang kita meradang kepada seseorang, kita imagine bola golf itu adalah kepala orang itu, kita pukul lebih baik. Jadi, itu adalah satu perkara yang menyihatkan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahajalah jawapan saya kepada perkara-perkara yang dikemukakan oleh Wakil-wakil dari Petaling Jaya dan Kepong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 49 -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada sedikit didapati kesilapan taip di bawah tafsiran "tourist" di mana perkara (i) "shopping; or," tidak perlu dimasukkan ke dalam versi bahasa Inggeris Rang Undang-undang ini. Selain daripada itu perkara (j) hendaklah dijadikan perkara (i) di bawah tafsiran "tourist" dalam versi bahasa Inggeris dalam Rang Undang-undang yang sama. Oleh kerana kesilapan taip ini berlaku dalam versi bahasa Inggeris sahaja dan tidak menjejaskan versi Bahasa Malaysia Rang Undang-undang ini dan oleh kerana versi Bahasa Malaysia adalah naskhah sah, maka inilah saya mengarahkan supaya pembedaan kesilapan taip di dalam versi bahasa Inggeris itu dibuat oleh Setiausaha Dewan Rakyat mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 96(2).

Fasal 1 hingga 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DUTI IMPORT (PENGESEAHAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****7.00 min.**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk mengesahkan levi dan kutipan duti import dan untuk melindungi Kerajaan Malaysia dan pegawai-pegawainya berkenaan dengan duti import yang telah di levi dan diikuti di seluruh Malaysia dalam tempoh duti 29hb Mac 1990 hingga 22hb Ogos 1991, dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon memberi penjelasan mengapa kutipan itu telah dibuat.

Cukai tokok telah diperkenalkan dengan tujuan untuk mendapat hasil mulai 19hb Januari 1967. Kadar asal cukai ini adalah 2% tetapi telah dinaikkan ke 4% dan 5%. Cukai ini dikenakan ke atas nilai CIF barang-barang yang diimport. Semua pengimportan barangan adalah tertakluk kepada cukai tokok melainkan dikecualikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sama ada melalui perintah ataupun melalui surat pengecualian. Usaha menyatukan cukai tokok ke atas berbagai jenis barangan ke dalam duti import telah dimulakan sejak Belanjawan 1982. Dan usaha ini bertujuan untuk menyelaraskan dan memudahkan kutipan hasil.

Berikutan dengan penyatuan cukai tokok ke dalam duti import yang telah berkuatkuasa pada 29hb Mac, 1990 melalui Perintah Duti Import (Pindaan) No. 8/1990 telah timbul keadaan ketika itu di mana syarikat-syarikat yang diberi pengecualian duti import dan/atau sebahagian cukai tokok dikehendaki membayar cukai dalam bentuk cukai tokok sepenuh ataupun sebahagian mengikut dasar tertentu telah terlepas dari membayar cukai tersebut. Sebagai misalan sebelum penyatuan cukai tokok ke dalam duti import, kadar duti import ke atas base oil adalah 23.1 sen se metrik tan dan cukai tokok sebanyak 5%.

Walau bagaimanapun, syarikat pengeluar minyak pelincir tempatan telah memberi pengecualian duti import sepenuhnya dan dikehendaki membayar cukai tokok sebanyak 5% apabila perintah penyatuan cukai tokok berkuatkuasa base oil adalah tertakluk kepada duti import 23.1 sen se metrik tan, tambah 5%. Memandangkan dalam perintah penyatuan cukai tokok ke dalam duti import tidak ada peruntukan di mana syarikat-syarikat seperti ini dikehendaki terus membayar kadar cukai tokok yang lama itu dalam bentuk duti import dan perintah pengecualian juga tidak dibuat pindaan, maka dari segi undang-undang, syarikat boleh mempertikaikan pembayaran duti tokok dalam bentuk duti import.

Memandangkan Perintah Duti Kastam yang tersebut di atas adalah merupakan satu perintah untuk menyatukan cukai tokok ke dalam duti import dan bukannya pemansuhan cukai tokok maka Yang Berhormat Menteri Kewangan telah bersetuju supaya syarikat terus membayar cukai tokok tersebut dalam bentuk duti import. Persetujuan itu telahpun diberitahu untuk dilaksanakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja pada 4hb April, 1990.

Oleh kerana Perintah Kastam bagi menguatkuasakan kebelakangan kutipan cukai tidak sesuai dibuat, maka pihak Kementerian telah dinasihatkan supaya Akta Pengesahan (Validation Act), dengan izin, seperti Akta Duti Import (Pengesahan) 1991 ini diwujudkan sebagai suatu instrument untuk mengesahkan kutipan yang telah dibuat.

Daripada penjelasan di atas, maka adalah perlu Rang Undang-undang Akta Duti Import (Pengesahan) 1991 ini diluluskan supaya persoalan tentang sahnya kutipan yang telah dibuat dalam tempoh berkenaan dari segi undang-undang tidak akan berbangkit dimasa hadapan.

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta yang dinamakan Akta Duti Import (Pengesahan) 1991, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****7.10 mlm.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, dibaca bagi kali kedua.

Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 ialah suatu Akta mengenai saraan bagi Ahli Parlimen dan mengenai perkara-perkara lain yang bersampingan atau berkaitan dengannya berdasarkan Seksyen-seksyen 3, 4 dan 6 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, sebarang perubahan kepada gaji ataupun elaun bulanan bagi Ahli-ahli Parlimen, Ketua Pembangkang, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Anggota Pentadbiran serta Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat hendaklah dibuat melalui pindaan undang-undang dan diluluskan oleh Parlimen. Oleh itu, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Seksyen-seksyen 3, 4 dan 6 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Pindaan ke atas seksyen-seksyen ini perlu dibuat sebanyak dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan pertama ke atas seksyen-seksyen tersebut akan membolehkan Ahli-ahli Parlimen, Ketua Pembangkang, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Anggota

Pentadbiran serta Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat mendapat kenaikan bagi gaji, elaun bulanan sebanyak 8% berkuatkuasa mulai 1 Januari 1989, sebagaimana yang telah diluluskan kepada anggota-anggota sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang kedua pula adalah ke atas seksyen-seksyen yang sama bertujuan untuk memberi kenaikan gaji, elaun bulanan berikutan daripada kajian semula yang telah dibuat ke atas gaji, elaun bulanan Ahli-ahli Parlimen, Ketua Pembangkang, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Anggota Pentadbiran serta Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat selaras dengan Sistem Saraan Baru (SSB) yang akan dilaksanakan bagi anggota sektor awam berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992. Kajian semula ke atas gaji, elaun bulanan seperti yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang itu adalah dibuat berasaskan kepada prinsip-prinsip tertentu seperti tugas dan tanggungjawab, peranan dan status serta relativiti. Dalam pada itu, pengekalan kedudukan relativiti antara Ahli-ahli Dewan seperti sekarang dan pengekalan pariti kenaikan saraan dengan jawatan-jawatan setaraf di bawah SSB juga diambilkira.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

7.12 min.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1991 di hadapan kita mencadangkan kenaikan sebanyak 100% ke atas gaji Perdana Menteri, 60% kepada Timbalan Perdana Menteri, 50% kenaikan untuk Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, 60% kenaikan untuk Yang di-Pertua Dewan Rakyat, 100% kenaikan untuk Timbalan Yang di-Pertua, 60% untuk Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat ini dengan pindaan yang baru, juga Ahli-ahli Dewan Negara dan 40% untuk Ketua Pembangkang Parlimen.

Adalah sentiasa invidious, dengan izin, bagi Ahli-ahli Parlimen membahas dan memutuskan saraan mereka sendiri dan ini adalah satu kes di mana semua Ahli Parlimen terpaksa mengisytiharkan dan mengakui kepentingan kewangan mereka atau pecuniary interest dalam subjek di hadapan kita.

Terdapat berbagai-bagai reaksi terhadap kenaikan ini. Satu reaksi ialah bahawa kenaikan ini adalah keterlaluan, khususnya berbanding dengan kenaikan 8% untuk perkhidmatan awam.

Saya bersetuju bahawa cadangan lingkungan untuk kenaikan saraan dari 100% untuk Perdana Menteri dan 60% untuk Ahli Parlimen adalah amat keterlaluan apabila dibanding dengan kenaikan 8% yang diberikan kepada perkhidmatan awam pada awal tahun ini, dan tidak lupa pula akan Rang Undang-undang terdahulu yang ditarik balik selepas bacaan

kali yang pertama yang mencadangkan satu kenaikan 8% dalam elaun untuk Ahli Parlimen.

Apakah justifikasinya untuk kenaikan 100% dalam gaji Perdana Menteri, 60% untuk Timbalan Perdana Menteri, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Presiden Dewan Negara dan elaun Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat dan Senator-senator dan kenaikan 50% untuk Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen sementara 800,000 kakitangan awam hanya memperolehi kenaikan 8% sahaja?

Mungkin terdapat hujah bahawa walaupun kakitangan awam mendapat kenaikan gaji sebanyak 8% tahun ini, tetapi terdapat satu kajian semula gaji untuk kakitangan awam yang kira-kira sama jumlahnya pada lima tahun lalu apabila tiada kajian semula elaun Ahli-ahli Parlimen selama sepuluh tahun.

Kajian gaji untuk 800,000 kakitangan awam walau bagaimanapun tidak terhad kepada kenaikan 15% dalam 10 tahun yang lalu, kerana terdapat kenaikan tahunan atau annual increment tiap-tiap tahun. Justeru, seorang kakitangan awam tingkatan khas yang bergaji \$3,000 akan memperolehi kenaikan tahunan sebanyak \$150 setahun dan setelah mengambilkira dua kajian gaji dan juga kenaikan tahunan sebanyak \$150 dalam masa 10 tahun yang lalu, seorang kakitangan awam dalam golongan \$3,000 dalam tahun 1980 akan mendapat kira-kira lebih kurang \$4,800 - iaitu jumlah elaun Ahli-ahli Parlimen yang baru setelah kajian sebagaimana yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang di hadapan kita ini.

Ahli-ahli Parlimen memperolehi elaun tetap tanpa sebarang kenaikan tahunan seperti dalam kes 800,000 kakitangan awam, dan tidak mengambilkira inflasi atau susut nilai ringgit semenjak kajian yang terakhir pada tahun 1980.

Memang tidak diragui bahawa berdasarkan elaun Parlimen sebanyak \$3,000 sebulan, seorang Ahli Parlimen yang merupakan pekerja politik sepenuh masa mendapati sukar untuk menanggung perbelanjaannya. Ini tidak berlaku kepada Ahli Parlimen yang mempunyai pekerjaan ikhtisas atau perniagaan. Berhujah untuk Ahli-ahli Parlimen DAP yang telah berdedikasi sepenuh masa dalam kerja politik, mereka mempunyai banyak komitmen untuk ditunaikan daripada elaun tetap Parlimen mereka dan ramai di antara mereka mempunyai baki yang amat sedikit untuk mereka sendiri dan keluarga mereka.

Setengah-setengah sahabat penjaja saya suka memberitahu Ahli-ahli Parlimen DAP bahawa mereka dengan senang sekali dapat memperolehi pendapatan yang lebih tinggi daripada elaun seorang Ahli Parlimen tanpa perlu menanggung beban, tanggungjawab dan masalah seorang Ahli Parlimen DAP dan tidak akan didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi atau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Saya percaya rakyat sedar bahawa Ahli Parlimen yang berkecimpung dalam politik bukan untuk menggunakan kedudukan mereka sebagai pasport untuk mendapatkan lesen, menjalin hubungan perniagaan dan mengumpul kekayaan, tetapi kerana kepercayaan politik mereka dan untuk perkhidmatan kepa rakyat dan negara, mengetahui bahawa elaun Parlimen sebanyak \$3,000 bukanlah sebelanga emas.

Sebenarnya, kami mempunyai Ahli-ahli Parlimen yang terpaksa membelanjakan elaun Parlimen mereka untuk kawasan dan kerja-kerja politik. Ahli Parlimen DAP dari Klang, sebagai contoh, membelanjakan keseluruhan \$3,000 elaun Parlimen beliau untuk kawasannya setiap bulan, membayar \$2,400 untuk tiga orang kakitangan dan \$600 untuk memelihara pejabat kawasan beliau. Beliau juga menyumbangkan \$2,500 kepada berbagai lapisan parti dan ini tidak termasuk derma-derma yang lain.

Saya tidak mengatakan bahawa tidak ada Ahli-ahli Parlimen yang tidak menggunakan kedudukan Parlimen mereka untuk memperolehi kekayaan perseorangan yang lebih besar, tetapi saya berani mengatakan tanpa ketakutan untuk menghadapi cabaran bahawa ini tidak berlaku kepada Ahli-ahli Parlimen dari DAP atau dari Pembangkang.

[Tepuk]

Terdapat sebab yang baik untuk kenaikan elaun bagi Ahli-ahli Parlimen khususnya dalam kes Ahli-ahli Parlimen sepenuh masa kerana ia sudah tentu akan lebih sihat kepada sistem demokrasi berparlimen di Malaysia jika ia dapat menarik minat lebih ramai orang yang berkebolehan dan beridealisme untuk berbakti dan berdedikasi dalam perkhidmatan untuk rakyat dan negara melalui proses politik demokrasi.

Walau bagaimanapun, terdapat juga ruang untuk tidak bersetuju akan kuantum kenaikan dan juga bentuk bantuan yang harus diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk menjadikan mereka lebih profesional dalam menjalankan tugas mereka. Saya percaya bahawa pertimbangan dan perbahasan kita hari ini ke atas apakah yang sepatutnya merupakan saraan untuk Ahli-ahli Parlimen dan ahli pentadbiran tidak seharusnya didekati dari sudut wang ringgit dan sen semata-mata. Apa yang harus menguasai pertimbangan kita ialah peranan, fungsi dan tanggungjawab Ahli Parlimen dalam demokrasi berparlimen di Malaysia dan apakah harapan negara dan rakyat ke atas Ahli-ahli Parlimen.

Di bawah dasar demokrasi berparlimen, Parlimen adalah Dewan perundangan dan perundangan yang tertinggi di tanah bumi kita. Namun demikian, dalam perjalanan demokrasi berparlimen kita, Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen masih tidak mampu memainkan peranan ini. Parlimen Malaysia semakin hari semakin digunakan sebagai rubber stamp untuk eksekutif untuk memperolehi kelulusan rasmi

bagi dasar dan undang-undang yang telahpun diputuskan terdahulu. Ini adalah penyalahgunaan fungsi dan peranan Parlimen sebagai dewan perundangan dan perundangan yang tertinggi di tanah bumi ini.

Adalah amat mengejukkan bahawa dalam masa-masa kebelakangan ini, peristiwa tunggal di mana Ahli-ahli Parlimen telah berjaya membawa pengaruh mereka ke atas Rang Undang-undang Kerajaan ialah Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) yang telah ditarik balik selepas dibentangkan untuk bacaan kali pertama awal tahun ini kerana ia membabitkan Ahli-ahli Parlimen secara langsung. Ini tidak pernah berlaku ke atas lain-lain Rang Undang-undang.

Sebenarnya Menteri-menteri atau Timbalan Menteri datang ke Parlimen dengan hanya satu arahan atau brief dan dengan satu fikiran yang tertutup sama sekali, iaitu untuk membolehkan Rang Undang-undang di bawah jagaan mereka diluluskan tanpa sebarang kesilapan, iaitu untuk mendapat rubber stamp Parlimen. Ahli-ahli Parlimen Pembangkang di masa yang lalu telah membangkitkan di dalam perbahasan Parlimen tentang kesalahan atau kelemahan dalam penggubalan Rang Undang-undang, tetapi Menteri atau Timbalan Menteri nampaknya tidak berkuasa untuk menerimanya apabila kesilapan-kesilapan sedemikian telah dibangkitkan kepada mereka dan di mana mereka tidak dapat membidas. Perlindungan atau excuse akhir mereka ialah bahawa jika terdapat kesilapan atau kesalahan, ini dapat diperbetulkan dalam Rang Undang-undang Pindaan pada masa hadapan.

Menteri-menteri dan Timbalan Menteri oleh yang demikian datang ke Parlimen tanpa sebarang pendapat, idea atau keupayaan untuk mengemukakan usul-usul perundangan melalui Parlimen tanpa bersedia untuk menerima cadangan-cadangan yang baik daripada ucapan-ucapan di Dewan untuk dimaktubkan di dalam Rang Undang-undang, tetapi dengan fikiran yang tertutup dan dengan hanya satu matlamat, iaitu memperolehi rubber stamp daripada Parlimen. Ini bertentangan dengan konsep asas Parlimen sebagai Dewan perundangan yang mengendalikan proses terakhir dan terpenting dalam perundangan sebelum sebuah Rang Undang-undang diberikan persetujuan diraja oleh Yang di-Pertuan Agong.

Pada Menteri-menteri dan Timbalan Menteri, Parlimen bukan peringkat terakhir dan terpenting dalam proses perundangan di mana pindaan dilakukan dan diterima semasa perbahasan Parlimen, tetapi hanya untuk dapat rubber stamp Parlimen.

Parlimen tidak dapat memainkan peranan yang sepenuhnya dan bermakna, melainkan Menteri-menteri dan Timbalan Menteri memberikan penghormatan yang sepenuh kepada prinsip kawalan Parlimen ke atas Eksekutif. Kita mempunyai Menteri-menteri yang tidak pernah hadir di Parlimen untuk menjawab soal tentang tugas Kementerian mereka. Apabila ini seharusnya dianggap oleh setiap Menteri sebagai salah satu tugas Menteri yang terpenting dalam demokrasi berparlimen di seluruh dunia, satu ukuran keupayaan Menteri ialah mutu prestasi Parlimen mereka, tetapi di Malaysia, kita mempunyai Menteri-menteri yang tidak pernah menjalankan tugas Parlimen atau berucap di

Parlimen. Menteri yang paling terkenal dalam ponteng ini dengan tidak menghadiri dan berucap di Parlimen sama ada pada masa soal jawab atau masa perbahasan Parlimen berkenaan Kementerian beliau tidak lain tidak bukan ialah Presiden MCA. merangkap Menteri Pengangkutan di Dewan ini [Tepuk]. Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan tersebut kelihatan walau apa jua pun telah menjangkitkan sejenis penyakit dan ketakutan yang boleh disamakan sebagai phobia atau mob it fear yang amat sangat terhadap DAP dan Parlimen. [Tepuk]

DAP menggesa diadakan satu pembaharuan Parlimen atau parliamentary reform yang membawa kesan besar untuk memastikan Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan sepenuhnya dan bermakna sebagai Dewan perundangan dan perundangan yang tertinggi di tanah bumi kita.

Parlimen Malaysia telah lembab dalam 34 tahun yang lalu sementara Parlimen di seluruh dunia telah menjalani pembaharuan Parlimen yang luas untuk membolehkan Ahli-ahli Parlimen mereka memainkan peranan yang semakin bermakna dalam proses perundangan, politik dan demokrasi.

Dalam banyak Parlimen, Ahli Parlimen juga mengambil bahagian dalam peringkat penggubalan proses perundangan dan secara langsung mempengaruhi proses keputusan, seperti dalam pembentukan jawatankuasa specialist, atau pakar-pakar Parlimen untuk mengendalikan subjek-subjek yang khusus, seperti pendidikan, hal-ehwal ekonomi, pertahanan, hal-ehwal luar negeri, perlindungan alam sekitar, Hak-hak Asasi Manusia dan sebagainya.

Akan tetapi, di Malaysia, Kerajaan tidak pernah peka terhadap idea reformasi Parlimen untuk memastikan Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan yang penuh dan bermakna dalam proses pembuatan keputusan di negara ini.

Sejak dua dekad kebelakangan ini, saya telah menyeru seringkali supaya diadakan reformasi-reformasi Parlimen dan juga menyeru ditubuhkan sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh semua parti untuk menimbang reformasi-reformasi Parlimen tetapi ini tidak diendahkan.

Terdapat tanggapan salah bahawa sekiranya adanya reformasi-reformasi Parlimen dan Parlimen memainkan peranan yang penuh dan lebih bermakna dalam proses pembuatan keputusan di negara ini, maka ini pula bererti memberi Ahli-ahli Parlimen Pembangkang lebih kuasa dan pengaruh yang lebih.

Sikap ini adalah sikap yang amat sempit dan tidak demokratik kerana sebarang langkah yang menggalakkan yang demokrasi berparlimen harus disokong oleh semua orang tanpa mengira pertalian parti politik yang ingin melihat pertumbuhan sihat demokrasi berparlimen serta memastikan ianya berakar umbi di Malaysia.

Adalah amat malang sekali Rang Undang-undang ini tidak dilihat dalam konteks reformasi-reformasi Parlimen yang perlu di Malaysia untuk menjadikan Parlimen lebih cekap dan Ahli-ahli Parlimen lebih efektif sebagai wakil rakyat. Umpamanya, daripada mencadangkan tambahan sebanyak 60% dalam elaun untuk Ahli-ahli Parlimen iaitu

dari \$3,000 pada tahun 1989 kepada \$4,800 pada tahun 1992, saya akan berasa lebih gembira sekiranya penegasan diberi untuk membantu Ahli-ahli Parlimen dalam ertikata memperuntukkan mereka kakitangan yang cukup bagi pejabat kawasan mereka, bantuan urusetia dan penyelidikan dan kakitangan di Parlimen, pejabat serta kemudahan-kemudahan supaya mereka dapat menjadi Ahli Parlimen yang termaklum, berkesan dan dapat menyampaikan hujah-hujah secara articulate.

Saya akan lebih sukacita sekiranya Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita pada hari ini, sesuatu yang mencadangkan tambahan elaun secara sederhana untuk Ahli-ahli Parlimen, tetapi juga memperuntukkan bantuan kewangan yang penuh kepada Ahli-ahli Parlimen untuk memperuntukkan mereka dengan kakitangan pejabat dan kemudahan yang cukup seperti Setiausaha, penyelidik dan staf Parlimen - umpamanya \$2,000 untuk menanggung pejabat kakitangan dan kemudahan untuk kawasan mereka dan \$2,000 lagi untuk pejabat, kemudahan dan kakitangan Parlimen dan penyelidik.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak pernah perhatian untuk memberi perkhidmatan sokongan (support) yang cukup kepada Ahli Parlimen khususnya dalam ertikata kemudahan-kemudahan penyelidikan.

Umpamanya, Pejabat Ketua Pembangkang kita adalah pejabat yang paling kurang kelengkapan di seluruh Parlimen Komanwel. Tidak ada sebarang komputer, fax mahupun satu belanjawan untuk menyelenggara pejabat tersebut selain daripada memperuntukkan seorang Setiausaha, Jurutrengkas dan Pelayan Pejabat.

Saya telah meminta supaya Pejabat Ketua Pembangkang dibekalkan dengan komputer dan lain-lain kemudahan yang dapat membantu Ahli-ahli Parlimen Pembangkang dalam menjalankan kerja-kerja Parlimen mereka tetapi kesemua ini tidak dihiraukan, dengan tambahannya elaun Ahli-ahli Parlimen dan anggota-anggota Pentadbiran, maka rakyat Malaysia berhak untuk menduga taraf profesionalisme serta kewibawaan yang lebih tinggi daripada wakil-wakil politik mereka.

Dengan tambahannya elaun sebanyak 100 peratus, untuk Perdana Menteri, 60 peratus untuk Timbalan Perdana Menteri, dan 50 peratus untuk Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, masanya telah tiba untuk semua Ahli Parlimen dan anggota Pentadbiran daripada Perdana Menteri ke bawah sehingga

Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen untuk mengisytiharkan aset mereka secara umum.

Rasuah di tempat-tempat politik atasan merupakan dengan izin, 'the greatest bane of Malaysian politics'. Bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan sekarang Ahli EXCO Kerajaan Pulau Pinang, Dr. Goh Cheng Teik, pernah dipetik sebagai berkata dalam sebuah buku baru berjudul 'Asia's New Little Dragon' karangan Steven Schlostein, sebagai berkata dalam satu interview dengan pengarang pada 14 Ogos 1989, dengan izin, I quote:

"But what concerns me most is the tremendous waste that results from all the corruptions. Since the late 1970s, the Government has stuck its hands into just about everything, and we have suffered tremendous losses - both economic and political as a result."

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berucap mengenai betapa pentingnya diadakan 'etika dalam perniagaan' semasa mengadakan dialog dengan 135 pembuat-pembuat keputusan tertinggi di kalangan korporat, Kerajaan dan akademik dalam satu sesi 'brainstorming' mengenai Wawasan 2020 di Genting Highlands.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengutarakan satu budaya korporat yang baru berasaskan bukan sahaja kepada keuntungan tetapi juga berasaskan moraliti dan etika.

Sama juga, adalah penting terdapatnya etika dalam Kerajaan dan politik kerana adalah sukar untuk mendapatkan dunia korporat memberikan pertimbangan utama kepada nilai-nilai dan persoalan-persoalan etika sekiranya pemimpin-pemimpin Kerajaan dan politik tidak dilihat sebagai menunjukkan teladan yang baik dalam arah ini.

Ini sebabnya mengapa adalah amat mendukacitakan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan telah gagal dalam menghadapi isu-isu etika yang ditimbulkan dalam isu Othman Abdul berdasarkan sebab-sebab yang berikut: **[Tepuk]**

Pertama, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri dan Ahli Parlimen kawasan Pendang telah mengakui bahawa selepas beliau dilantik sebagai Setiausaha Parlimen dalam tahun 1987, beliau telah menjadi pemegang saham terbesar dalam sebuah Syarikat iaitu Kurnia Damai Sdn., Bhd. apabila Syarikat tersebut diperbadankan dalam tahun 1989, di mana beliau memiliki 3,100,001 saham kosong di dalamnya dan telah dilantik sebagai pengarahnya.

Kedua, beliau memberitahu Parlimen bahawa beliau tidak membayar satu sen pun untuk 3,100,001 saham tersebut yang ditetapkan harga pada \$1 sesaham mengikut rekod Pejabat Pendaftar Syarikat-syarikat, atau mengikut kata-kata beliau di Dewan Rakyat pada 28hb November, 1991 - "Tak satu sen pun saya jelaskan", yang menghasilkan satu kes prima facie tentang penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

Ketiga, beliau mendakwa bahawa beliau dibenarkan oleh Kerajaan untuk menjalankan perniagaan, menerima jawatan Pengarah dan menerima berjuta-juta saham percuma dan menjadi jutawan segera (instant millionaire). Ini bererti bahawa Kerajaan mempunyai satu amalan yang tidak diketahui oleh Parlimen dan rakyat yang membenarkan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen untuk menjalankan perniagaan, menerima jawatan pengarah, menerima berjuta-juta saham percuma dan menjadi (instant millionaire).

Adalah memeranjatkan bahawa sebuah Kerajaan yang mendakwa sebagai terbuka dan bertanggungjawab dan melaung-laungkan diri sebagai bersih, cekap dan beramanah, dapat berdiam diri ke atas kes Othman Abdul ini. [Tepuk]

Biar saya menyatakan di sini dan pada sekarang ini bahawa jika Kerajaan mempunyai peraturan seperti yang dibayangkan oleh Yang Berhormat dari Pendang dalam Dewan Rakyat berkenaan dengan kes beliau sendiri, yang membenarkan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen untuk menjalankan perniagaan, menerima jawatan Pengarah, menerima berjuta-juta saham "percuma dan kosong" dan menjadi instant millionnaires, maka cadangan untuk kenaikan dalam gaji Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha

Parlimen harus ditarik balik. [Tepuk]

Daripada pengakuan Yang Berhormat dari Pendang bahawa beliau menerima saham yang bernilai \$3,100,001 tanpa perlu membayar satu sen pun, Badan Pencegah Rasuah harus menjalankan penyiasatan untuk memberkas dan mendakwa Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri melainkan beliau benar-benar betul bahawa beliau mempunyai kuasa Kerajaan, kelulusan Kerajaan yang sepenuhnya untuk tindakan beliau.

Saya berharap Kerajaan penuh sedar bahawa keengganan Kerajaan untuk menyatakan pendirian yang sejelas-jelasnya ke atas kes Othman Abdul ini akan membawa kemudaratan kepada keyakinan awam akan integriti dan kejujuran anggota Kabinet dan juga ke atas Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen. Sekian, terima kasih. [Tepuk]

7.38 mlm.

Tuan Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, hari ini bahagia buat diri saya, kerana inilah kali pertama saya mendengar Ketua Pembangkang bersetuju dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan, malah kalau sekiranya diteliti ucapannya, inilah kali pertama saya teliti betul-betul ucapan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang bahawa permohonan yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen ialah sebanyak \$7,000 iaitu dia meminta supaya Pejabat Setiausaha ataupun pengendalian pentadbiran sebanyak \$2,000, Penyelidikan \$2,000 jadi elaun asas yang ada sekarang sebanyak \$3,000 jumlahnya ialah \$7,000. Bermakna sekali gus dia bersetuju dengan \$4,800 dan kerana dia dia meminta lebih daripada itu supaya jumlahnya menjadi \$7,000.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya permohonan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang iaitu supaya Kerajaan memberi perhatian kepada pejabat dan juga penyelidikan, ini adalah dalam bentuk pentadbiran yang dibuat oleh DAP. Tetapi pentadbiran yang dibuat oleh Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional bukan macam itu, sebab mereka mempunyai satu pejabat untuk satu kawasan Parlimen dan mungkin dua tiga orang penyelidik di satu-satu pejabat. Tetapi Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, mereka ada Wakil-wakil Rakyat, kawasan-kawasan Wakil Rakyat yang terpaksa ditadbir bersama. Saya beri contoh. Negeri yang paling banyak Wakil Rakyat Parlimen ialah Perlis. Saya ada 7 Wakil Rakyat. Di tiap-tiap kawasan pilihanraya Wakil Rakyat, saya terpaksa adakan seorang kerani ataupun pembantu untuk membantu saya. Jadi, kalau sekiranya cadangan atau permohonan itu dibawa ke tengah, ia bermakna saya terpaksa mengadakan 7 pejabat, makna kata Kerajaan terpaksa membelanja lebih banyak daripada itu. Saya percaya Kerajaan membuat angka kenaikan sebanyak 60% ini supaya ianya merangkumi semua. Kalau sekiranya kita hendak beri pertimbangan kepada tiap-tiap Ahli Parlimen dalam bentuk cara-cara pentadbiran mereka di kawasan masing-masing, saya percaya Kerajaan akan pening kepala. Walau bagaimanapun, kita lihat dalam kenaikan yang diberikan, sebenarnya yang bergembira ialah rakyat di kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya balik ke kawasan saya baru-baru ini, yang bergembira ialah pengundi-pengundi di dalam

kawasan pilihanraya saya. Mereka sedia maklum kalau sekiranya saya sebagai pegawai Kerajaan dahulu - masa itu saya sebagai pegawai Superscale G - saya dapat gaji \$3,500, pengundi-pengundi saya tidak bergembira, kerana mereka hanya melihat saya sebagai pegawai tinggi dengan gaji yang tinggi. Tetapi apabila mereka lihat saya sebagai Ahli Parlimen, walaupun gaji saya \$3,000, mereka bergembira kerana mereka dapat menumpang daripada apa yang kita dapat.

Kebanyakan Ahli-ahli Parlimen biasa, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat peruntukan yang cukup - kita ambil dahulu Ahli-ahli Parlimen biasa, mereka dapat peruntukan, berdasarkan kepada elaun \$3,000, yang hanya cukup untuk menyara keluarganya kalau sekiranya mereka tidak membuat kerja-kerja lain untuk mendapatkan sumber pendapatan tambahan. Saya terpaksa belanja \$3,000 hanya untuk Sekretariat sahaja dan saya percaya kerani-kerani yang membantu saya sekarang juga meminta kenaikan sama yang seperti saya dapat. Maknanya saya hanya melihat sahaja duit itu pergi dan akhirnya masuk kepada mereka balik. Demikian juga kenaikan ini untuk Setiausaha Parlimen, Menteri dan juga Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah untuk tujuan rekod dan selepas ini juga saya akan membut kenyataan akhbar. Kita lihat bahawa Menteri-menteri dan juga Timbalan-timbalan Menteri - kita tidak payah ambil Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan kita akan berbincang hal ini pada akhirnya - mereka ini bukan tinggal di Kuala Lumpur. Mereka ini ialah mereka yang mewakili kawasan Parlimen masing-masing daripada Perlis sehingga ke Sabah dan sekiranya

mereka tinggal di kawasan sebagai orang politik, mereka tidak boleh tinggal macam itu sahaja. Mereka terpaksa mengadakan pembantu-pembantu yang mana pembantu-pembantunya mestilah lebih canggih daripada pembantu-pembantu Ahli-ahli Parlimen, kerana kita di samping ada pembantu, kita sendiri berada di kawasan lebih banyak kali daripada Menteri dan Timbalan Menteri ataupun mereka dalam Kabinet - kita merasa lebih banyak. Dengan itu pembantu-pembantu kita tidak mendapat gaji yang lebih kerana kita juga membantu. Tetapi mereka ini terpaksa balik mungkin seminggu sekali ataupun mungkin dua minggu atau dua bulan sekali. Mereka terpaksa belanja lebih untuk memastikan bahawa pengundi-pengundi dan penyokong-penyokong kita di kawasan masing-masing dijaga, diperhatikan dan sebagainya dan dengan itu mereka terpaksa berbelanja lebih.

Mereka juga akan menghadapi perkara yang sama dengan saya, iaitu pembantu-pembantu kita juga sekarang meminta kenaikan gaji, kerana mereka macam pegawai-pegawai Kerajaan dan juga macam orang-orang lain bekerja sepenuh masa untuk tujuan politik. Mungkin kita hanya gembira, sebab ada kenaikan gaji, tetapi dari segi kenaikan yang sebenarnya ialah kita memberi bantuan kepada pembantu-pembantu kita yang sekaligus membantu rakyat jelata. Saya percaya Wakil-wakil Parlimen DAP dia tidak payah bimbang fasal projek. Dia cuma cakap dan dapat sedikit political mileage di Parlimen, dia balik dan dia bergembira. Tetapi kita bukan sahaja

Dr Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Arau, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Arau tidak memahami apa fungsi, peranan dan kewajipan Wakil Rakyat DAP. Kalau dia hendak mendalami apa yang berlaku, mungkin saya pelawa dia untuk menyaksi dengan sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hendak beri penjelasan atau minta penjelasan?

Dr Tan Seng Giaw: Adakah dia sedar bahawa pihak kami mungkin lebih sibuk walaupun aspek-aspek mungkin tidak serupa.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, sibuk untuk memburukkan Kerajaan ini memang senang dapat publisiti, tetapi sibuk hendak menyelesaikan masalah, bukan satu perkara yang mudah. Mereka boleh sibuk, Kerajaan tidak adil, tidak buat itu, tidak buat ini, tetapi kita Wakil Rakyat Barisan Nasional ini terpaksa berada bersama dan menyelesaikan masalah. Sekiranya sebuah titi patah di kampung - sekarang ini saya hendak beri peranan Wakil Rakyat. Wakil Rakyat DAP cuba tengok Kerajaan tidak buat titi, tetapi kita terpaksa pergi ke Pejabat Daerah dan pohon supaya membaiki titi dan dalam keadaan tertentu kita juga terpaksa kutip derma dan buat titi. Kita tidak dapat publisiti.

Dr Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Arau hendak beri jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tetapi dia dengan memburukkan Kerajaan, dengan mengatakan bahawa DO tidak adil, Kerajaan tidak adil, dia dapat publisiti. Bagi dia komplek tentang Kerajaan dan dapat sedikit publisiti sudah cukup untuk menjaga pengundi. Kita tidak boleh. Kita bukan sahaja bekorban masa, tenaga dan sebagainya tetapi juga wang ringgit.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar fungsi dan kewajipan kami bukan seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak minta penjelasan....

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasannya ialah adakah dia sedar, tetapi nampaknya dia tidak sedar, tidak insaf.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan insaf, tetapi saya hendak tunjukkan perbandingan bahawa dengan dia dapat masuk sedikit dalam television dan masuk sedikit dalam suratkhbar, dapat masuk sedikit dalam **Malay Mail**, buat tangan macam itu dan macam ini, dia sudah clear dengan kawasan dia. Kita tidak ada. Kita kena pastikan bahawa projek itu berjalan. Sekarang ini kerja Wakil Rakyat dia bukan sahaja sebagai seorang doktor, sebab dia kadang-kadang kena beli Panadol. Dia kata, "saya sakit selsema, kena beli Panadol" - juga sebagai lawyer, juga sebagai tok kadi, sebab kadang-kadang kes bercerai datang dekat kita, juga sebagai penghulu dan juga sebagai engineer sebab kadang-kadang kita hendak pergi tengok orang buat kerja dan sebagainya. Jad?, kita segala-galanya, bukan sahaja sebagai pekerja sosial, tetapi....

Dr Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Arau hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Sekejap lagi apabila dia diberi peluang bercakap, saya ingat beliau bolehlah bercakap. Kalau bolehlah, tetapi ada kawan saya yang akan jawab, lagi bagus.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tunjukkan bahawa peranan Wakil-wakil Rakyat kalau didasarkan kepada kenaikan gaji ini tidak seberapa, saya hendak beritahu bahawa rakyat jelata dan juga pembantu-pembantu kita lagi gembira. Kadang-kadang ini dari segi derma saya tidak mahu sebutlah. Walaupun Ketua Pembangkang menyebut Klang derma \$2,500, kita tidak mahu sebut. Kalau hendak sebut jadi derma tidak ikhlas. Betulkah Pak Nik? Saya tidak mahu sebut. Tetapi kalau hendak sebut, Pak Nik lebih teruk daripada itu, sebab kita tidak boleh tolak. DAP boleh tolak, kami bukan dapat apa, Kerajaan ini tidak addin dan macam-macam, dia tidak boleh tolak, kita tidak boleh. Sebab kalau kita pergi kenduri, kalau Dato Kadir Sheikh Fadzir beri satu envelope, dia bubuh sebelah poket ini, sebelah malam dia buka balik. Kalau beri \$10, dia kata, apa Timbalan Menteri beri \$10.00. Kalau standard \$100 - \$100, \$50 - \$50. Sekarang dengan kenaikan gaji ini, dia kata kenduri mesti \$100 Yang Berhormat. DAP tidak payah. Kami naik gaji pun kami terpaksa pergi ke sana dan sini, jadi macam-macam. Jadi, saya hendak tunjukkan sebenarnya kenaikan ini dari segi kewangannya tidak ada. Tetapi dari segi gembiranya, rakyat dan juga pembantu-pembantu kita bergembira.

Jadi, saya hendak beritahu, kenaikan elaun Menteri, Timbalan Menteri ini, saya tidak sempat bahawa kalau saya hendak bandingkan dengan sebab DAP terutamanya dan ini PAS akan menyokong, saya percaya sebab Ketua Pembangkang sudah menyokong, tentulah dia menyokong. Kalau saya hendak bawa perbandingan dengan gaji Ahli-ahli Kabinet. Kita tidak payah buat dengan Ahli Parlimen Singapore sebab dia suka bandingkan dengan negara maju, saya ingat dia akan terkencing [Ketawa] kerana terkejut melihat betapa perbezaannya umpama lembah dan juga gunung.

Baru-baru ini kita tengok perbandingan gaji Perdana Menteri Singapore - \$92,000 dengan gaji Perdana Menteri kita sebanyak \$9,000 dan sekarang telah naik menjadi \$17,000 tidak termasuk Ahli Parlimen Singapore. Saya tidak dapat buat perbandingan tetapi kalau sekiranya secara ringkas, saya tidak dapat beri detail di sini tetapi secara ringkasnya, gajinya hampir gaji Perdana Menteri yang kita pinda. Itu Ahli Parlimen biasa sahaja.

Jadi, ini menjadi masalah kepada kita tetapi kita bukanlah hendak berebut naik gaji, sistem Parlimen kita ini, kita hendak ikut cara British, tetapi saya setuju bila sampai tentang gaji tidak boleh ikut. Jadi, Ahli Parlimen ini macam-macam sekatan "taboo"nya, ini tidak boleh, itu tidak boleh, tetapi tentang belanja dimestikan. Kadang-kadang saya sendiri kata, Wakil Rakyat mana boleh berniaga. Jadi, saya tunggu orang yang komplek saya, akhirnya dia mari minta

derma. Saya kata, saya tidak berniaga macam mana hendak beri derma? Itu gaji \$3,000, saya kata saya tidak payah makan nasi? Saya ada 40,000 pengundi. Jadi, dia tidak kira, yang itu. Jadi, soal pendapatan umum yang saya ingat kita kena perbetulkan tetapi saya hendak sebutkan di sini bahawa pada keseluruhannya elaun untuk Ahli-ahli Parlimen kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan negara-negara jiran masih terlalu rendah. Elaun dan gaji Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri dan juga Menteri dibandingkan dengan negara-negara jiran, masih terlalu rendah malahan elaun Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri adalah yang paling rendah sekali kalau dibandingkan seumpama lautan yang dalam dengan gunung yang tinggi perbezaannya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan secara ringkasnya, tadi Ketua Pembangkang sudah bersetuju dan dia mencadangkan lebih lagi. Saya minta masuk rekod kalau suratkhobar rajin tulis lagi, dia minta \$7,000, \$2,000 untuk pejabat, \$2,000 untuk penyelidikan campur lain yang dia dapat sekarang \$3,200. Jadi, \$7,200 lebih lagi tidak termasuk elaun driver lagi \$500. Jadi, dia minta cukup tinggi tetapi kita ke tahap ini pun sudah cukup syukur alhamdulillah, pinda tahun 2000 pula. Jadi, 10 tahun sekali kita pinda tetapi yang saya hendak sebutkan di sini, Ahli-ahli Parlimen ini kalau dibandingkan dengan Ahli-ahli Dewan Negeri, dia ada berlainan sedikit.

Yang pertama, DAP tidak payah bandingkanlah, sebab dia tidak hadir Mesyuarat Tindakan Negeri. Dia tidak payah pergi sana, tidak pergi sini. Kita, Mesyuarat Tindakan Negeri, kena pergi. You pergikah Mesyuarat Tindakan Daerah? [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, entahlah berapa kali satu tahun saya pergi ke PAC dan sebagainya. Apakah itu bukan tugas Ahli Dewan Undangan Negeri?

Tuan Shahidan bin Kassim: Setahun sekalilah. Jadi, saya hendak beritahu Ahli Parlimen, kita tiap-tiap bulan Tindakan Daerah, Tindakan Kampung, kita pergi. Ini yang rasmi dibuat oleh Kerajaan ada 30 Jawatankuasa yang Kerajaan bentuk yang kita pergi dan tidak ada elaun perbatuan dan sebagainya. Jawatankuasa Banjir lagi. DAP tidak payah pergi. Ini Ahli Parlimen Barisan Nasional terpaksa menanggungnya. Macam di Perlis lainlah, saya round 3 jam, all clear. Tetapi setengah kawasan seperti Padang Terap, [Ketawa] Shah Alam, kawasan-kawasan yang besar-besar hendak kena pusing. Saya tidak tahulah, Tuhan sahaja yang tahu, makna kata itu untuk mileage sahaja saya ingat \$1,000, tidak cukup. Kalau \$50 sehari sebulan berapa? \$1,500 - teruk. Ini tidak termasuk kes-kes anak hilang lagi, hak yang duduk di Perlis kena cari di Kuala Lumpur. Dia suruh kita cari, report juga pada Polis tetapi kita kena cari juga. Anak dia hendak minta kerja, curi kerbau dan sebagainya ini kita terpaksa tanggung. [Ketawa] Itu hak yang rasmi \$1,500 minyak, yang tidak rasmi lagi \$1,500. Itu cerita yang berhubung dengan mileage. Ini elaun secretary saya sudah sebut. Ini terpulang, sesetengah negeri ada 3 Wakil Rakyat. Dia kena bagi \$500 dan sebagainya.

Kemudian, yang derma-derma, hak yang kita bagi derma orang miskin, kita tidak mahu sebut. Itu memang tugas kita sebagai orang Islam tetapi ini derma-derma yang tidak termasuk dalam itu, dia mari sebagai cerita tambahan. DAP, dia tidak minta, Operasi Pelajar-pelajar pun tidak minta pada DAP, dia mari minta pada kita. Malahan kita kadang-kadang sampai bil elektrik dia pun suruh kita bayar. Dia paksa kita bayar. Dia tunjuk bil elektrik ini, saya tidak boleh bayar, sudah potong takkan rumah saya duduk dalam gelap, macam mana anak saya hendak baca buku? Dekat DAP tidak tunjuk. Saya duduk di Kuala Lumpur pun walaupun Wakil Rakyat Kuala Lumpur ramai DAP tetapi orang cari saya. Fasal hendak bayar bil elektrik, dia tidak cari DAP. Dia cari DAP hendak bantai Kerajaan. Kalau termasuk duit buku sekolah, kawan-kawan saya banyak hendak timbulkan tetapi kita tidak mahu sebut, terlampau banyak.

Yang Berhormat Menteri tadi sebutkan segi tugas dan juga status. Saya hendak beritahu tahun ini Ahli Parlimen yang datang duduk di hotel, saya ingat kita sudah pindah 5 kali, tahu. Mula-mula di Pan Pacific - naik harga, turun pergi Grand Continental - naik harga juga, pergi Plaza depan itu, naik harga, Shangrila memang tidak payahlah. Lepas itu, penghabisan sekali pergi Holiday Inn City Centre. Lepas ini kita sudah bersiap-siap beg untuk bergerak ke Grand Pacific, hotel kecil itu yang belah hujung [Ketawa] ataupun Nam Fatt di Chow Kit Road.

Jadi, hendak tunjukkan bahawa kita sudah berpindah 5 kali, sebab kita datang daripada luar. DAP duduk dalam kawasan bandar, dia duduk dalam rumah dia, dia mana tahu. Kalau Parlimen cuma bayar \$150 itu pun pindaan baru. Kita kadang-kadang kena bayar \$170, siapa hendak bayar? Ini tidak termasuk aktiviti Parlimen, Ahli Parlimen dipaksa bayar \$50, DAP tidak payah, kita jemput makan sahaja, itu ikhlas tidak apa. [Ketawa]

Kemudian, kita juga dari segi status kita hendak sebutkan di sini, Ahli-ahli Parlimen ini penggubal dasar, penggubal undang-undang tetapi kita kena ingat, kita ini orang kata tidak kisah benda itu. Kita tidak kisahpun walaupun kita ada pohonkan, kita harap Kerajaan timbang. Kalau hendak sebut soal status, soal kita ini penggubal dasar, kita sini bercakap kawan-kawan hormat, kawan-kawan di belakang pegawai-pegawai Kerajaan. Sekejap lagi bila naik kapal-terbang, kita duduk di belakang 19C, mereka duduk 3A, 3B, 3C, 1,2,3. Itu hendak tunjuk status kitalah sebagai penggubal dasar kononnya Penggubal undang-undang, tahu atau tidak? Jadi, di sini kita bercakap semua orang ambil, kita pun boleh marah dia tetapi bila sampai naik kapalterbang, itulah jadinya. Dia boleh dapat kereta Kerajaan, kita naik teksi, sebab sudah datang ke Kuala Lumpur, kereta ada di kampung. Jadi, ini secara umum tentang kedudukan Ahli Parlimen. Begitulah, kalau soal status ini sekiranya Menteri hendak sebut status ini, kalau hendak ditimbang, timbanglah.

Saya rasa pegawai Kerajaan pun, kadang-kadang ada pegawai-

pegawai Kerajaan tengok saya duduk No. 18 di belakang, "Yang Berhormat, ambillah tempat saya di hadapan". Dia pun segan, sebab tadi dok cakap, dok bantai dia, dia kata sekarang ini duduk belakang. Dia kasihan pada saya. Tetapi walau bagaimanapun, inilah kedudukan Ahli Parlimen kita.

Tiap-tiap kali kita hendak buat perubahan orang buka mata. Selalunya suratkhbar dia tidak tunggu sampai pukul 8.00, hari ini dia tunggu, sebab ini berita bagus mengenai kenaikan gaji Ahli-ahli Parlimen, tetapi saya hendak beritahu dari segi gaji ini, kita di bawah Superscale G, sebab Superscale G dahulu \$3,500. Sekarang naik, saya rasa kalau tidak silap setakat Superscale F atau Superscale E tetapi itu kalau hendak banding dengan pegawai-pegawai Kerajaan. Ini soal status. Saya ingat tidak boleh sebutlah kalau sekiranya hendak sebut, kita buat juga pindaan, sebab kita tidak kisah sangat pada perkara itu. Yang kita kisah sangat dari segi pentadbiran pejabat di kawasan masing-masing. Itu secara ringkasnya.

Mengenai Kedudukan Ahli-ahli Parlimen bahawa dari segi kewangannya tidak ada perubahan dari segi perbelanjaan yang kita buat, tetapi ini merupakan satu kegembiraan dan durian runtuh bagi DAP, sebab mereka tidak payah belanja banyak, hanya bising sedikit dan tidak payah derma banyak dan diakhirnya mereka mendapat itu sebagai.....Itu syukur - alhamdulillah, kerana Kerajaan kita ini Kerajaan yang begitu bermurah hati, Kerajaan yang menimbangkan masalah-masalah rakyat termasuk penggubal undang-undang Kerajaan timbangkan. Kita sebagai Wakil Rakyat yang sentiasa berkorban untuk negara dan bangsa kita juga tidak mengapa, banyak mana dapat pun, banyak itu belanja. Sebab itu hampir 90% Wakil Rakyat Barisan Nasional yang berhenti, hutang tidak habis. Semua Wakil Rakyat yang berhenti, overdraft tidak habis, hutang tidak habis. Sebab apa? Kerana masih terus berkorban demi rakyat dan tidak ada Wakil Rakyat DAP yang berhutang, sebab dia, kononnya rakyat faham, sebab dia Pembangkang, dia tidak dapat apa. Kita pun tidak dapat apa. Siapa yang kata dapat apa? Tidak dapat apa, sama sahaja.

Sebelum saya akhiri, saya hendak menyentuh fasal gaji Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa gaji Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, saya telah sebutkan yang paling rendah dan amat memalukan dari segi kedudukan Malaysia sebagai negara yang sudah sampai ke tahap yang amat membanggakan. Malah ada setengah negeri-negeri Negara Ketiga yang lain, tidak dapat disebutkan gajinya. Sebenarnya sekiranya Perdana Menteri Dr. Mahathir, tidak payah sebut Perdana Menteri lah - Dr. Mahathir itu, kalau dia hendak berhenti dan masuk sektor swasta, silap-silap sebulan dia boleh dapat \$1 juta sebulan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah dia sedar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu seorang doktor dan doktor di Kedah itu sangat sayang kepada pesakit-pesakit sehingga bilangan pesakit itu sangat banyak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak sebutkan dari segi ketokohan dan kemampuan Dr. Mahathir, kalau dia masuk sektor swasta sekarang, dia boleh dapat sampai ke tahap itu, mungkin \$12 juta setahun. Tetapi dia ini sebagai manusia, dia kata, dia hendak buat apa lagi. Kita tidak mahu dengar Dr. Mahathir. Yang kita mahu ialah status Perdana Menteri Malaysia harus difikirkan semula. Dr. Mahathir adalah orang yang tidak mengira perkara itu, dia hanya mahu berkorban untuk bangsa dan negaranya. Dia mahu melihat negara ini maju dan dia mahu dicatat dalam sejarah bahawa dia sanggup berkorban dan dia mengharapkan orang lain pun berbuat demikian.

Tetapi kita mesti ingat Dr. Mahathir juga manusia, dia mungkin tidak fikirkan perkara itu, tetapi bila dia tiada nanti, dia kena

fikir juga. Sekiranya dia di bekerja luar dia boleh dapat lebih daripada itu. Jadi apabila dia bekerja di dalam ini sepatutnya sedikit ganjaran diberikan. Ini DAP pun bersetuju, saya tahu, sebab di bilik air semuanya bersetuju, ini termasuklah PAS. [Ketawa] Dalam rundingan sulit saya, sebelum saya submit proposal kepada Kerajaan, dalam bilik air semua setuju, malah marah dekat saya, "Fasal apa tidak minta cepat sedikit." Nama saya tidak sebut, tidak usah bimbang, jangan takut. Saya tidak akan mencemarkan nama kawan-kawan dalam Dewan ini. Tetapi saya hendak beritahu, dalam bilik air, dalam bilik sembahyang, cari saya, "Cepatlah sedikit pergi cakap kepada Dr. Mahathir". Sampai Dr. Mahathir marah saya habis-habisan sebelum dia pergi ke Tokyo - kerana mereka ini minta, semua bersetuju - saya sebut Kepong, Kepong kena sebut sebab dia ini suka secara terbuka. Di luar tadi you sebut, "Kita tidak ada problem, kita tidak reject punya". Jadi semua bersetuju, cuma sekarang ini kita juga bersetuju walaupun permohonan yang kita buat itu ialah permohonan untuk kenaikan sebanyak 100%, sebab dari apa segi sekalipun, sesuai dengan kedudukan kita sebagai penggubal dasar. Saya bersetuju dengan Yang di-Pertua, dalam komennya baru-baru ini bahawa Ahli-ahli Parlimen ini adalah penggubal dasar, bukan pekerja sosial. Tetapi kerja-kerja ini telah dicampur-adukkan, kerana kedudukan. Dia kata, "Alah! hang gaji berapa?" Maka jadilah cerita pekerja sosial.

Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini berkata, sepatutnya Ahli Parlimen beri perhatian kepada itu. Kita hendak beri perhatian macam mana sebab kita tidak ada tempat tertentu, balik di kawasan

pun kita berada di office yang kalau dibandingkan dengan pegawai-pegawai Kerajaan, office saya ialah satu teratak buruk sahaja, saya tidak kira. Dari segi itu kita tidak ke mana-mana. Kalau sistem Amerika atau British kita ikut, dia ada pjabat khas, barulah sesuai dengan perkataan "Penggubal Undang-undang". Tetapi kita oleh kerana tidak ada tempat khas, tidak ada secretary dan sebagainya, di akhirnya kita menjadi pekerja sosial. Ini boleh difikirkan kemudian bagaimana kita harus buat perkara ini. Tetapi sekarang ini dengan elaun tambahan yang diberi, kita bukan sahaja terpaksa tambah, kita juga terpaksa menaikkan gaji kawan-kawan kita.

Kita berbalik kepada Perdana Menteri, kita minta supaya status Perdana Menteri - bukan Dr. Mahathir. Dr. Mahathir tidak mahu, itu dia punya fasal. Encik Ghafar tidak mahu, dia punya fasal. Tetapi yang penting ialah jawatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Saya minta Ahli-ahli Parlimen DAP bersama-sama dengan Ahli-ahli Barisan Nasional, kita minta ditimbangkan semula gaji Perdana Menteri supaya dinaikkan sekurang-kurangnya di bawah sedikit daripada gaji Perdana Menteri Singapura. Kalau hendak beri sama, lagi bagus tetapi dari segi contributionnya kepada negara ini, lebih daripada itu. Kalau saya \$10 juta setahun pun tidak apa, tiada masalah sebab sumbangannya kepada negara dan juga anak cucu kita adalah lebih daripada itu, tidak ternilai dari segi wang.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kota Setar bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Arau. Berhubung dengan gaji Perdana Menteri ini, saya difahamkan bahawa dengan jawatan Perdana Menteri melantik Pengerusi-pengerusi, jadi setengah-setengah Pengerusi itu gaji mereka lebih tinggi daripada Perdana Menteri. Ini orang yang di lantik. Kita ambil contoh, umpamanya Pengerusi PETRONAS, MAS, Telekom dan lain-lain. Saya percaya Yang Berhormat dari Arau yang selalu berunding dalam bilik air dengan DAP dan sebagainya, tidakkah dia menerangkan kepada DAP mengenai perkara ini dan minta mereka menyokong supaya gaji Perdana Menteri itu diletakkan di satu tempat yang sesuai supaya orang-orang yang dilantik itu tidaklah terasa sangat - mereka dilantik tetapi gaji mereka lebih tinggi daripada Perdana Menteri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Mereka bersetuju, tetapi pelan-pelan mereka berbisik dengan saya, "Bolehkah gaji Ketua Pembangkang diberi sama taraf dengan Menteri?" Mereka beri syarat macam itu pula. Saya kata, "Perkara itu nombor dualah, tugasnya hanya membangkang sahaja." Tetapi kalau hendak dinaikkan \$100 atau \$200 lagi, saya ingat bolehlah, [Ketawa] tiada masalah. Yang pentingnya, saya hendak tunjukkan bahawa gaji Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri bukan perkara main-main. Dr. Mahathir harus beri tumpuan kepada negara, tetapi nama Dr. Mahathir dan Encik Ghafar jangan diambil kira sebab kedua-dua mereka tidak mahu gaji. Tidak mahu gaji sudahlah, ini bukan soal gaji, soalnya ialah soal status Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Kalau sekarang ini \$17,000 saya bersetuju. Mereka yang dilantik oleh Perdana Menteri

seperti eksekutif Bank Bumiputra, PETRONAS, MAS, TEN gaji mereka melebihi \$20,000, tidak payah bayar cukai. Saya pun naik hairan dengan Perdana Menteri ini, bila melantik orang, gaji lebih tinggi daripada dia, dia boleh arah, selepas itu dia sendiri boleh lantik orang-orang yang seperti ini yang gaji mereka lebih tinggi daripada gajinya. Ini cerita apa? Sepatutnya gaji Perdana Menteri yang tertinggi daripada yang lain.

Saya harap Kepong tolong tulis sedikit, dan Pak Nik pun tolong tulis sedikit sebab Pak Nik hendak bercakap selepas ini. Perkara ini tidak tentu, mungkin di masa hadapan ini orang PAS jadi Perdana Menteri, kita pun sokong. Tiada masalah, ambillah. Tetapi sebelum itu sokong dahulu, cadangkan dahulu, sebab ini status. Ini bukan kita hendak kira, setengah orang itu - halal, dia tidak mahu ambil, derma balik kepada Kerajaan atau badan-badan sukarela, itu dia punya fasal. Tetapi yang penting dari segi statusnya, sebagai Perdana Menteri harus diambil kira. Apakah \$17,000 sudah mencukupi untuk menyelesaikan masalah soal status Perdana Menteri. Nama Dr. Mahathir, Encik Ghaffar jangan kira. Mungkin ke hadapan ini nama saya, mana tahu? Yang penting sekarang ini ialah status Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri.

Saya minta perkara ini yang diambil kira, sebab kalau sekiranya ditanya kepada kedua-dua manusia yang sanggup berkorban untuk bangsa dan nusa ini, kedua-duanya tidak bersetuju. Malah dalam cadangan kita, apabila kita masukkan perkara ini, Perdana Menteri marah habis-habisan, dia kata, "kenapa masukkan dia, dia tidak minat gaji." Kalau dia tidak minat gaji, tidak apa. "Bukan saya bercakap

fasal you, saya cakap fasal Perdana Menteri". Saya kata, "Sebagai Dr. Mahathir, dahulu you cucuk saya dekat klinik MAHA, tiada masalah, tetapi sebagai Perdana Menteri, kena fikirkanlah." Ini bukan hendak bodek, hendak jack atau apa-apa, sebab kalau kita bandingkan dengan Perdana Menteri Singapura, bandingkan dengan Brunei, bandingkan dengan Indonesia dan Thailand, ini tiada apa-apa. Jadi, saya minta supaya perkara ini difikirkan ke hadapan sebab rakyat sendiri akan seronok kalau mereka melihat Perdana Menteri berkedudukan semacam ini.

Saya bersama-sama dengan Dato' Affifudin terlibat dalam Yayasan Pelajaran MARA, jadi kami tahu setengah daripada gaji Perdana Menteri sekarang iaitu lebih kurang \$5,000 didermakan untuk anak angkat. Dia mengambil anak angkat daripada Yayasan Pelajaran MARA. Saya kata, "Orang tua ini hendak makan apa? Habis didermakan kepada anak angkat". Sampai cara itu dia buat.

Jadi inilah cerita-cerita yang saya hendak tunjukkan. Hendak berkorban, berkorbanlah tetapi yang ini janganlah difikirkan tentang Dr. Mahathir sahaja tetapi hendaklah difikirkan soal status Perdana Menteri. Ini Menteri kena jawab, hendak ambil tindakan ataupun tidak. Ini adalah permintaan daripada rakan-rakan saya, termasuk PAS dan juga DAP. Saya percaya mereka akan bersetuju.

Sebenarnya, BBC meminta kepada pihak Kerajaan dan pihak Kerajaan bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa iaitu proses ke arah penggubalan undang-undang. Tetapi kalau sekiranya telah ditubuhkan, ini bermakna kita terpaksa beri sepenuh masa sebagai penggubal undang-undang. Kalau hendak buat macam itu, boleh, tetapi kita terpaksa ikut sistem British, sistem Amerika dan sebagainya. Kita kena fikir kedudukan kita sekarang sama ada sebagai Penggubal Undang-undang ataupun pekerja sosial, sebab rakyat hendak tahu, sebab kita kena balik kepada rakyat juga selepas 5 tahun, nanti kita dok pulun untuk gubal Undang-undang, DAP akan cadangkan Jawatankuasa, bila kita attend Jawatankuasa, mereka akan memburukkan kita di belakang - lingkup kita. Jangan biarkan, sebab ini adalah permainan-permainan politik yang harus diambil kira.

Pada keseluruhannya, kenaikan yang dipohon, saya bagi pihak kawan-kawan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana ini bukan sahaja tumpahan nikmat kepada DAP, tetapi juga kepada kami - Ahli-ahli Barisan Nasional, tumpahan nikmat kepada penyokong-penyokong dan juga pembantu-pembantu kita. Tetapi dari segi kewangan, yang sebenarnya ini adalah tidak seberapa yang masuk. Walau bagaimanapun, kepada pegawai-pegawai Kerajaan kita harus ingat bahawa ini adalah masih rendah kalau dibandingkan dengan kedudukan kita sebagai penggubal-penggubal dasar dan sekali gus sebagai pekerja-pekerja sosial..

Jadi, dengan kenaikan yang diberi ini, kalau didasarkan kepada pindaan yang dibuat 10 tahun sekali ataupun 11 tahun sekali, dalam keadaan ini kita menganggap masih rendah, tetapi kita sebagai orang yang sentiasa menginsafi kedudukan kewangan Kerajaan dan menginsafi bahawa ini adalah penting demi untuk menyelaraskan keadaan di semua peringkat yang menerima gaji daripada Kerajaan. Kita menyokong dan sekali lagi kita mengucapkan terima kasih daun keladi, wassalam-mualaikum.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Pengkalan Chepa.
8.13 mlm.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih. Di hadapan kita sekarang ada satu Akta iaitu Akta untuk meminda Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Sebelum Akta ini diluluskan saya ingin membahaskan dan menarik perhatian sidang Dewan pada petang ini bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain kerana saya anggap Akta ini perlu diberi perhatian secara mendalam sebelum ianya diluluskan nanti.

Saya percaya pihak Kerajaan begitu bangga dengan pembentangan Rang Undang-undang ini, apa lagi penyokong-penyokong Kerajaan yang senantiasanya melirik wajah senyum tidak putus-putus semenjak Rang Undang-undang ini dikemukakan. Mereka akan dapat habuan yang lebih dan durian runtuh akan masuk bakul mereka. Termasuk juga saya. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Pembangkang belum tahu sama ada menyokong ataupun membangkang Rang Undang-undang ini. Tetapi saya tahu kalau saya bangkang pihak Kerajaan senang menyanggah saya dengan katanya saya bodoh dan tidak usah terima wang itu. Hujah ini budak-budak dan manusia terlampau lahap dengan mata benda.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak begitu jelas maksud Kerajaan mengemukakan bill ini sekarang dan saya tidak menganggap sesuatu yang logik dengan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Menteri Kehakiman yang membentangkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak bila Rang Undang-undang ini dikemukakan, ia dikemukakan tanpa satu kajian dan perhatian yang teliti. Ianya telah dikemukakan pada beberapa bulan yang lepas, kemudiaan ditarik balik, seolah-olah bill ini tidak perlu lagi dikemukakan, tetapi pada hari terakhir sidang Parlimen hari ini, kita membahaskan bill ini semula dengan beberapa pindaan yang besar daripada bill awal yang telah ditarik balik. Apakah sewaktu dikemukakan pada awalnya, alasan-alasan yang diberi sewaktu dibentangkan bill ini 3 hari lepas, tidak pernah difikirkan oleh Kerajaan waktu itu atau apakah oleh kerana orang-orang yang bertanggungjawab dengan Kementerian-kementerian yang terlibat secara khusus iaitu Menteri Kewangan dan Menteri Kehakiman merupakan orang-orang yang sebenarnya baru kenal potfolio masing-masing, tidak

begitu memahami ruang lingkup persoalan yang di hadapi di dalam bill ini dan barangkali sesudah belajar dan tahu sedikit sebanyak, maka berlakulah pindaan ini daripada bill asal ataupun sesungguhnya mereka menerima sahaja arahan daripada atas supaya bill ini dipinda. Tidaklah saya ketahui secara tepat, maka inilah bill yang ada di hadapan kita sekarang di mana pindaan itu berlaku daripada kenaikan 5% dahulu, kemudian melompat kepada 60% hingga 100%, atau mungkin setelah dilihat Menteri-menteri banyak berhutang dan tidak boleh dibayar, maka bill ini dikemukakan dengan alasan-alasan yang diberi oleh pihak Kementerian bahawa ekonomi negara dalam keadaan stabil dan kukuh, maka Kerajaan mampu memberikan kenaikan gaji bukan sahaja kepada seluruh kakitangan Kerajaan, termasuk juga Ahli-ahli Parlimen sehingga kepada Perdana Menteri dan kerana sumbangan mereka ini kepada negara adalah besar dan perlu diberi penghargaan.

Kalau itulah hujahnya, maka Kerajaan dalam waktu yang sama mestilah juga memberi perhatian kepada segolongan rakyat negeri ini yang sepanjang umur mereka memberi sumbangan yang bukan kecil kepada negara iaitu golongan petani, nelayan, penoreh getah, penanam padi, golongan buruh kasar dan lain-lain yang sepanjang masa menggunakan tulang empat kerat mereka untuk menyediakan keperluan negara yang kita menikmati selama ini.

Tetapi golongan ini, apabila mereka sudah tua dan meningkat umur 60, 70 dan 80 tahun, tulang empat kerat mereka sudah tidak dapat digunakan untuk mencari rezeki, apakah pembelaan kita terhadap golongan ini? Oleh itu saya mencadangkan supaya satu kajian menyeluruh dibuat untuk mengenalpasti golongan tua yang daif dan tidak berupaya supaya diberikan suatu bentuk sumbangan dan penghargaan ke atas pengorbanan mereka selama ini dan Kerajaan mampu berbuat demikian kerana ekonomi sudah kuat dan keperluan mereka, saya kira tidak banyak, bahkan kalau diberi \$100, \$200 pun, saya rasa itu bagi mereka itu sudahpun cukup dan mereka akan merasa besar nilainya terhadap penghargaan yang diberi oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saat atau waktu bill ini dikemukakan banyak menimbulkan tanda tanya. Apakah ada satu cara bila Kerajaan kemukakan bill ini kerana telah dapat melunakkan hati-hati orang lain kerana mereka telah dapat kesemua habuan masing-masing? Biasanya masalah kenaikan gaji ini dilakukan pada waktu-waktu yang pada fikiran Kerajaan di samping faktor-faktor ekonomi juga, ada motif politik di belakangnya seperti menghadapi pilihanraya umum. Tetapi pilihanraya umum sudah selesai. Sebenarnya, pada pandangan saya ada satu lagi pilihanraya yang akan dihadapi oleh Kerajaan iaitu pilihanraya yang ditangguhkan pada tahun 1991 kepada tahun 1993 di mana akan ditentukan siapa pula jadi Perdana Menteri dan seterusnya. Jadi, untuk melunakkan tentangan daripada mana-mana orang yang tidak puas hati dalam pilihanraya akan datang, maka inilah ubat dan penawarnya.

Tuan Yang di-Pertua, alasan mengatakan kenaikan harga-harga barang sekarang tidak menjadi alasan bagi saya dan tidak menjejaskan kedudukan para Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan sebagainya kerana semua urusan mereka ditanggung oleh Kerajaan dan mereka ada peruntukan khusus untuk melakukan sesuatu dan tidak akan menjadi beban kepada mereka masing-masing. Tidak seperti kami Pembangkang, kalau dinaikkan untuk Pembangkang, munasabah juga sebab kami Pembangkang ini boleh dikatakan terlepas dari sebarang kemudahan dan kesenangan.

Contohnya, peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan sendiri bagi satu-satu kawasan Parlimen sebanyak \$150,000 pun hilang tidak tahu kemana dan tak dapat diberi kepada parti Pembangkang, kerana takut pengaruh Pembangkang itu makin bertambah dan keadaan pengaruh Kerajaan makin merosot. Maka apa yang sudah dihalal pun boleh jadi harna. Ini keadaan yang sebenar, ini keadaan yang berlaku, sebab itu kalau kita hendak ceritakan masalah Wakil Rakyat ini sama-sama kita tahulah soal Wakil Rakyat ini. Dan Wakil Rakyat ini sebenarnya ada dua jenis. Satu, Wakil Rakyat untuk berkhidmat, untuk memikul kewajipan sebagai manusia yang sedar yang tahu tanggungjawab terhadap bangsa, agama dan negara. Dan kalau Wakil Rakyat itu bersifat keadaan begini dan bersedia memikul tanggungjawab, tambahan ini adalah kecil, kalau dua kali ganda pun patut. Tetapi yang menjadi masalahnya, satu golongan lagi Wakil Rakyat, masuk politik, berjuang dalam politik untuk cari makan. Sebab itu mereka berebut semasa pencalonan lagi, semasa jadi ketua cawangan, ketua bahagian lagi, kerana mereka hendak cari kesempatan, mereka irihati menengok pemimpin-pemimpin yang sudah mempunyai tempat, mempunyai kuasa, hidup bahagia dengan berniaga dan bermacam-macam seperti setengah pihak yang ada dalam Kerajaan inilah.

Jadi, kalau atas bentuk ini, saya rasa peruntukan yang telah diluluskan \$3,000 itupun besar, tak patut diberi tambahan.

Tetapi kalau golongan Wakil Rakyat yang betul-betul bertanggungjawab atas nama Wakil Rakyat, kenaikan ini masih kecil lagi, boleh naik lagi. Sebab itulah saya bangun pada petang ini bukan untuk membangkang dan bukan untuk menyokong. Tetapi untuk menyedarkan pihak Kerajaan khususnya supaya peranan dan fungsi yang dipertanggungjawabkan kepada Wakil Rakyat itu benar-benar dapat dilaksanakan.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita sendiri dapat melihat - saya hendak kata kesemuanya, tentulah Ahli Dewan Rakyat tak terima dan terlampau kalau saya katakan semua, tetapi kalau saya katakan setengah-setengah Wakil Rakyat dari pihak Kerajaan tidak berfungsi dan tidak memikul tanggungjawab. Contohnya dalam Dewan ini sendiri berlaku. Program mesyuarat Dewan ini, program yang diatur oleh Kerajaan tiga kali setahun - dengan dua minggu, dengan tiga minggu, dengan lapan minggu seperti Belanjawan ini. Tetapi mengapa hari mesyuarat Dewan, Menteri tidak hadir, Timbalan Menteri tidak hadir, Setiausaha Parlimen tidak hadir. Apa tanggungjawabnya?..... [Disampuk] Nanti dahulu! Dan tadi bila dibangkitkan oleh Wakil Kepong, senang sahaja Menteri jawab: "Masuk buat apa, mari untuk dengar orang bercerewet". Orang minta dia menjalankan tugasnya, dia tengok kerja orang lain. Tunaikan tanggungjawab, tunaikan kerja kita dahulu, sebab itu pimpinan melalui teladan.

Bagaimana teladan yang perlu dibawa supaya dapat menjadi contoh. Hadir ataupun tidak hadir, menipu ataupun tidak menipu, bohong ataupun tidak bohong - kepimpinan melalui teladan. Kalau kita perlu menarik masyarakat untuk melihat kepimpinan melalui

teladan, maka apa yang kita program itulah kerja kitanya. Tetapi berlaku suatu hari Menteri tak ada, Timbalan Menteri tak ada, Setiausaha Parlimen pun tak ada. Setiausaha Parlimen ini dilantik khusus untuk memberi jawapan dalam Parlimen pun tidak ada. Apa kerjanya? Gaji terima, gaji dapat, kalau tambah, lagi besar hati. Ini yang jadi masalah yang saya mahu tegur dan kelmarin dua kali sidang ini tak boleh mesyuarat, kerana tak cukup kuorum. Kalau balik tak apa, saya kalau tak ada di sini, maknanya saya baliklah. Tetapi tak balik, duduk di lobi, duduk di kantin, duduk berbual, tak mahu dengar langsung, hujjah, fikiran, pandangan yang dikemukakan dalam Dewan ini seolah-olah tidak ada nilai, tidak ada erti. Mana tanggungjawabnya? Dari 170 atau 180 Ahli, 26 orang tak ada dalam Dewan. Jangan soallah, kalau sayapun tak betul.

Saya katakan ini keadaan yang berlaku. Inilah susahnya Kerajaan ini, dia tak mahu dengar, dia tak mahu terima kebenaran...

[Disampuk] Saya bukan tegur semata-mata Kerajaan, pihak Pembangkang pun kalau tak betul, boleh ditegur. Lebih-lebih lagi yang mendukacitakan saya, tak ada gambaran keperibadian yang baik daripada setengah backbencer daripada Kerajaan tetapi dia tuduh Pembangkang buruk, Pembangkang mengeluarkan kata-kata kesat. Sedangkan Pembangkang mencontohi apa yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan. Kalau Kerajaan itu jadi bapak, contoh yang baik - kalau bapak kencing berdiri, anak kencing berlari. Apa salah anak kencing berlari, kalau bapak sudah kencing berdiri. Ini satu masalah, dan pihak Kerajaan bimbang takut tak lulus Bil ini.

Mereka bimbang takut tak lulus, sebab itulah saya tak kata saya bangkang, takut kecewa pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, kita tahulah Rang Undang-undang ini memang akan diluluskan, ikut manapun lulus. Tak pernah lagi Kerajaan tak luluskan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kenaikan ini dibuat untuk hendak disamakan dengan rakan-rakan sejawat seperti Singapura, Brunei dan lain-lain, mengapa tidak dibandingkan dengan Thailand, Indonesia, Filipina, India, Iran dan lain-lain lagi. Kenapa dibandingkan dengan Singapura? Dan kita tak pernah dengar di Singapura itu kedudukan kewangan dia merosot ataupun wakil-wakil dia terlibat dengan rasuah dan sebagainya. Tetapi yang menjadi masalah di negara kita ini, selalu jadi heboh dalam Parlimen, selalu yang dibawa dalam Mahkamah, selalu yang dihukum oleh hakimnya, ialah Wakil Rakyat yang terlibat dengan rasuah. Wakil Rakyat dipandang serong oleh semua pihak, Wakil Rakyat telah menerima berbagai tuduhan. Takkanlah kalau kita itu betul, baik, orang boleh tuduh dengan melulu? Tetapi pada hari ini, sentiasa Wakil Rakyat khususnya di pihak Kerajaan sentiasa dituduh dan ini timbul dalam Parlimen sehingga hampir hendak pecah dalam Parlimen - baru-baru ini dibangkitkan pula kes Wakil Pendang. Tetapi hendak membersihkan dirinya, "Saya tak dapat satu senpun," kata dia. "Saya tak keluar satu senpun." Tetapi dapat saham tiga juta.

Saya boleh sokong penuh, Tuan Yang di-Pertua, kalau Rang

Undang-undang ini diluluskan, Wakil Rakyat khususnya pihak Kerajaan boleh memainkan peranan sebagai Wakil Rakyat yang tidak berniaga, tidak itu, tidak ini dan akhlaknya pun terbina, boleh menjadi contoh. Saya sokonglah. Sebab kita Wakil Rakyat ini tak boleh hendak lari, hendak mencari kerehatan tak dapat. Kita 24 jam sebagai Wakil Rakyat tak ada time - tidur pukul 2.00 pagi, rakyat datang bangkitkan lagi, bukan kerana apa-apa, kerana anaknya dibawa lari oleh orang, isteri hendak bersalin, minta motokar dan dibawanya. Kita tahu, tak boleh hendak banding - kecil. Naik sekadar itu kecil. Tetapi biarlah betul-betul Wakil Rakyat ini berfungsi. Kalau kalau diluluskan Rang Undang-undang ini dan barangkali, insya Allah luluslah selepas beberapa minit lagi luluslah. Saya harap pihak Wakil-wakil Rakyat dapat melaksanakan tugas, menjalankan tanggungjawab dengan sepenuhnya dan tidak ada lagi kita dengar suara bahawa setengah Wakil Rakyat yang kita dengar dia berniaga, yang kita dengar itu, yang kita dengar ini. Kita tak mahu begitu lagi.

Tetapi kalaulah gaji pun naik, Wakil Rakyat pun berniaga, Wakil Rakyat pun itu, Wakil Rakyat pun ini, hak kena penjara pun Wakil Rakyatlah, hak rasuah pun Wakil Rakyatlah, hak juta pun Wakil Rakyatlah, semua, MCA pun terlibat, UMNO pun terlibat, Pembangkang - alhamdulillah sampai hari ini tidak ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah sebagaimana Wakil dari Arau sekejap tadi, nampak begitu berselera dengan kenaikan ini hingga sampai membuat cadangan awal-awal lagi kalau boleh Perdana Menteri kita ini, kita pinda sekali lagi, beri kenaikan yang lebih kerana begini, begini. Apa pula contoh yang ditunjuk oleh Menteri Besar Kelantan, hak yang telah dihalang oleh undang-undang, dia berhak menerima tetapi dia boleh potong, dia boleh tolak, apakah dia manusia tidak makan, manusia tidak minum, dan tidakkah ini Kepimpinan Melalui Teladan. Elaun rumah \$3,000 dihantar balik, gaji

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,
Parit Sulong bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Boleh, kalau hendak suruh lama. [Ketawa]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak bertanya atas teladan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, adakah sahabat saya akan mengambil teladan itu dan menolak sebahagian daripada kenaikan gaji yang akan diterima?

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itulah saya kata hujah budak-budak, tidak faham juga saya bercakap.

Saudara tidak dengarkah suatu ketika Perdana Menteri kita selepas dia menang, selepas dia menerima jawatan Perdana Menteri, dia isytihar, dia akan potong gaji. Kita tunggu, sebab apabila dia potong, tentulah Menteri potong, Timbalan Menteri potong, tetapi rupa-rupanya hari ini naik ke atas lagi. Sepatutnya dia potong.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pemotongan gaji, memang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan semua Setiausaha Parlimen pada suatu masa yang lalu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau pihak Timbalan Menteri telah mengaku Perdana Menteri potong, Timbalan Menteri potong, ertinya mereka sudah puas hati dan mereka tidak perlu kepada kenaikan kerana hak yang sudah dapat mereka potong. Mengapa pula Rang Undang-undang ini dibentangkan? Sepatutnya dia boleh larang, dia boleh sekat Akta ini supaya kita memadailah dengan apa yang kita sudah dapat dan contoh yang paling baik

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, pemotongan gaji ini dibuat atas dasar bahawa pada masa itu negara kita mengalami kemelesetan dan apabila kemelesetan ini telah pulih dan perkembangan ekonomi kita begitu baik, maka hak-hak ini dikembalikan dan tindakan telahpun diambil untuk menaikkan gaji kakitangan Kerajaan menyeluruh dan proses ini telahpun berterusan baru-baru ini dan ini hanya sambungan kepada proses menyeluruh kakitangan Kerajaan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang kenaikan yang diberi oleh Kerajaan 5% ataupun 8% kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah diluluskan dan menunggu pembayaran sahaja dalam beberapa bulan lagi, ianya menjadi satu jambatan bagi Kerajaan untuk membolehkan Kerajaan menaikkan gaji Menteri-menteri ataupun Wakil Rakyat. Saya bimbang takut itu matlamatnya. Sebab kalau kita bandingkan kenaikan yang ^{telah} diberi 8%, jauh berbeza sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang

tadi, dan saya tidak menyekat, saya telah jelaskan di dalam Dewan ini, saya tidak menyekat dari segi kenaikan, cuma saya mahu sebagai Wakil Rakyat mampukah ataupun tidak untuk menunaikan dan menyempurnakan tanggungjawab dengan penuh bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, sebabnya, siapa suruh kita jadi Perdana Menteri, siapa suruh kita jadi Timbalan Perdana Menteri, siapa suruh kita jadi Menteri-menteri, siapa suruh kita jadi Setiausaha Parlimen, siapa suruh kita jadi Wakil Rakyat, tidak ada siapa suruh, kita atas dasar tanggungjawab - mahu.

Jadi, kalau berasa tidak cukup, tidak usah jadi Perdana Menteri, tidak usah jadi Wakil Rakyat, tidak usah masuk calon, kita merasa tidak mampu. Hendak masuk juga, tidak usah bertandinglah. Kalau kita merasa itu tidak cukup tetapi yang kita masuk, saya rasa bukan kerana kita mengejar mata benda, kerana kita merasa tanggungjawab, tidak mahu melihat suasana negara ini berlaku berbagai-bagai perkara dan kita mustahak kepada kepimpinan, mustahak kepada undang-undang, mustahak kepada peraturan, mustahak kepada kestabilan, sebab itulah kita masuk. Bila kita masuk, sama ada kita dapat, kita tidak dapat, itu adalah Mardhatullah. Inilah tempat percanggahan, tempat perselisihan antara saya parti PAS sebagai Pembangkang dengan parti Kerajaan. Kita mahu Mardhatullah. Kalau mahu Mardhatullah, apa dapat ialah, apa tidak dapat - tunggu. Tetapi tidak, orang yang dapat sudah tidak puas hati, hak tidak puas hati melaung, maka berlakulah.

Jadi, tidak munasabahlah kakitangan Kerajaan dapat, kita Wakil Rakyat sebagai penggubal undang-undang tidak dapat, sebab itulah dibandingkan oleh Arau sekejap tadi. Kerana ia tidak munasabah, tidak usah terkejutlah, saya tidak bangkang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak perlulah saya bercakap panjang, tetapi itulah matlamat yang saya mahu supaya kalaulah Kerajaan meluluskan Akta ini, mestilah setiap peribadi Wakil Rakyat itu bertanggungjawab dan berilah contoh yang baik dari segi kerja, dari segi akhlak, saya harap tidak ada lagi suara-suara sumbang dalam Dewan ini yang menyusahkan Tuan Yang di-Pertua sendiri, sampai arahan pun tidak diterima, sampai loceng pun tidak dengar. Dan jangan marah kepada Pembangkang. Pembangkang ini kalau baik, saya telah beri contoh dahulu, bayang ini dia mengikut pokok, kalau pokok betul, insya Allah, bayang itu betul, tetapi kalau pokok itu belok, bayangpun beloklah. Macam mana Kerajaan bengkok hendak suruh orang belakang ini betul. Jadi, tolong perbetulkan Kerajaan itu, saya harap tolong terimalah pandangan daripada Pembangkang ini khususnya PAS.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya kenaikan ini tidak adil dan tidak tepat. Kalau orang-orang yang berhak kepada pembelaan tidak dapat dibela dan golongan-golongan perlu kepada pembelaan mesti

diberikan haknya. Dan kalau Kerajaan mampu melaksanakan keseluruhannya, memberi pembelaan kepada yang berhak, maka amat munasabahlah sebagai usaha untuk menaikkan dan untuk membayar harga titik peluh manusia yang berjuang semata-mata untuk Mardhatullah. Tetapi kalau Wakil Rakyat daripada Backbencher Kerajaan ini kalau berjuang tidak Mardhatullah, saya rasa tidak halal dia makan satu sen pun duit yang dinaikkan oleh Kerajaan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Kota Bharu. Selepas itu saya hendak mintalah Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya minta maaf.

8.40 mlm.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan).

Saya menyokong penuh di atas pandangan-pandangan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Pembangkang dan juga oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Saya juga turut merasa terkejut dengan penambahan 100% bagi gaji Perdana Menteri dan bagi Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri serta Setiausaha-setiausaha Parlimen walaupun kenaikan tidak sampai 100% tetapi kenaikan adalah pada kadar yang agak tinggi, melebihi 60%.

Saya ingin tahu apakah kenaikan ini telah mengambilkira bahawa Perdana Menteri dan para Menteri serta Setiausaha-setiausaha Parlimen akan menikmati juga elaun-elaun serta kemudahan-kemudahan yang lumayan. Umpamanya Perdana Menteri yang dicadangkan menerima gaji sebanyak \$17,000 itu akan juga menerima \$2,800 sebagai Ketua Dewan Rakyat dan akan menerima juga \$4,800 sebagai Wakil Rakyat. Jadi, kalau dijumlah itu sudah melebihi \$24,600 tetapi beliau juga menerima berbagai-bagai elaun dan kemudahan. Kalau dicampurkan elaun perumahan, keraian, pembantu-pembantu rumah, pemandu, tukang kebun, elaun kelengkapan dan lain-lain lagi elaun, berapakah agaknya yang diterima oleh Perdana Menteri? Saya berharap pihak Kerajaan

dapat memberi angka yang sebenarnya. Selain dari elaun-elaun, Perdana Menteri juga menikmati kemudahan-kemudahan seperti elektrik dan air yang percuma, bercuti ke luar negeri sekeluarga, isteri dan anak-anak, tambang, penginapan, makan dan lain-lain lagi dapat dinikmati dengan begitu tanpa umpamanya kalau hotel itu tak adalah batasannya.

Sukacita saya jika pihak Kerajaan boleh menerangkan segala elaun serta nilainya dan kemudahan yang diberi kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen supaya rakyat dapat mengetahui situasi yang sebenarnya yang membolehkan pihak Menteri-menteri menyatakan kos saraan hidup tak termampu ditanggungnya sekarang sehingga perlu kepada kenaikan yang begitu tinggi.

Yang saya fikirkan seharusnya pihak Menteri-menteri kita memikirkan ialah apakah keadaan bekas-bekas Wakil Rakyat yang telah menjadi perintis sistem demokrasi yang berparlimen. Tidakkah kebajikan mereka seharusnya diberi tumpuan? Tidakkah peranan mereka seharusnya dihargai? Ramai bekas-bekas Wakil Rakyat ini yang masih hidup dan terbiar. Mereka tidak pun menikmati pencen ataupun apa jua kemudahan.....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Gerik bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: ...Ada bekas-bekas Wakil Rakyat yang mengikut.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Kalau hendak beri penjelasan, boleh.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya kalau Wakil Rakyat, walaupun menjadi Wakil Rakyat selama 9 bulan dan selepas itu Dewan dibubarkan, mereka akan mendapat pencen. Jadi saya tidak sedar ada Wakil-wakil Rakyat yang berkhidmat sebagai Wakil Rakyat walaupun 3-4 hari, tetapi tidak mendapat pencen. Kalau kenaikan ini kita luluskan, mereka juga akan mendapat kenaikan daripada segi pencen. Jadi, tak timbul saya rasa apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu tadi.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Terima kasih di atas penjelasan itu. Kalau saya salah, saya boleh mengakui kesilapan itu, tak menjadi masalah.

Jadi, yang saya ingin menyatakan di sini ialah apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sebentar tadi, kita semua ini Wakil Rakyat yang telah memilih bidang politik menjadi Wakil Rakyat dengan penuh tanggungjawab dan kita telahpun memahami bahawa sekiranya kita hendak kepada pendapatan yang lebih lumayan dari apa yang kita dapati, kita seharusnya menukarlah bidang kita. Mungkin kita seharusnya memasuki bidang swasta dan kalaulah dirasakan cemburu terhadap Pengerusi-pengerusi PETRONASKah, MASKah dan lain-lain badan-badan yang telah disebutkan tadi oleh Yang

Berhormat dari Arau, maka eloklah Menterikah ataupun Timbalan Menteri ataupun terus kepada Perdana Menteri, letak sahajalah jawatan dan memegang jawatan-jawatan yang difikirkan lebih lumayan itu. Jadi, bagi saya tak payahlah.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan. Hendak beri atau tidak?

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Saya rasa apa yang saya katakan itu terlalu jelas, tak payahlah.

Tuan Shahidan bin Kassim: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Arau bangun pula.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Jadi, bagi saya eloklah.....

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan?

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tak payah. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tak payah.

Seorang Ahli: Takut!

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat sebut saya, sedikit sahaja.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tak payah. Apa yang saya sebut itu tak payah hendak diungkitkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan hendak ungkit. Yang Berhormat cakap salah, saya hendak perbetulkan.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Saya dengar tadi dengan penuh teliti dan saya tak mahu beri jalan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gunakan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak. Yang Berhormat cakap silap, saya hendak betulkan. Ini kawan-kawan. Saya kawan baik dia, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, saya kata saya tidak mahu beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Arau, dia tak beri jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: You lawyer, come on, berilah.....

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Ya, saya lawyer, jadi saya tahu apa hak saya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Supportinglah sedikit.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Dari segi supporting, memang saya supporting, tetapi dalam hal ini saya rasakan saya tidak patut memberikan jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak. Saya hendak sebutkan kepada Yang Berhormat, sedikit sahaja. Pak Nik.....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Shahidan bin Kassim: You hendak hambat saya keluar? You tak boleh hambat saya keluar, you tinggal seorang sekarang, tahu?

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Bukan. Tetapi saya hendakkan kepada perjalanan yang mengikut peraturan. Apa yang saya

nyatakan tadi ialah kita semua sudah memahami tanggungjawab kita, tugas kita dan kita telah memilih bidang ini. Jadi.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, point of order.

Tuan Shahidan bin Kassim: Maklumat tak betul. Saya terlupa tentang mana, Tuan Yang di-Pertua, tetapi maklumat tak betul. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada point of order atas itu. [Ketawa]

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Belajarlah sedikit. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order, 36(6) sangkaan jahat. Dia sangkaan jahat kepada saya. Jadi, saya hendak cerita. You sebut tadi fasal Pengerusi PETRONAS.....

Tuan Yang di-Pertua: Tentang itu bukan.....

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sangkaan jahat. Ini sudah melencong ke lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia sangkaan jahat kepada saya yang mengatakan perkara tersebut. Jadi, sikap.....

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Saya tidak buat sangkaan jahat terhadap beliau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia menuduh saya cemburu kepada Pengerusi.....

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Saya tidak menuduh beliau cemburu. Saya menyatakan secara umum, sesiapa yang cemburu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya lebih cemburu kepada dia daripada Pengerusi PETRONAS.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Saya tidak menyatakan Yang Berhormat Arau. Jadi, sila duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tak mahu duduk?

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Kalau tak mahu duduk, saya pohon Tuan Yang di-Pertua, sila.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tak mahu duduk!

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Terpulangnya, berdirilah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, sila duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak minta penjelasan, beri kepada saya.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Saya tak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Arau, sila duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Beri!

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tak beri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Beri! [Ketawa] Beri. Dia kena beri, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Saya tak beri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduklah!

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, pointnya simple sangat, tetapi ini sudah jadi panjang. Apa yang

saya hendak katakan ialah penekanan ataupun menyokong apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, iaitu kita semua seharusnya tidak membawa unsur ataupun hujah-hujah yang menyatakan apa yang kita sedang menikmati ini tak cukup, sedangkan kita sudahpun menerima tugas ini. Jadi, kalaulah pihak Menteri, Perdana Menteri merasakan gajinya tidak cukup sedangkan elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan lain yang dinikmati itu cukup lumayan, saya fikir eloklah sekiranya ada di kalangan mereka itu.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, point of order.

Tuan Shahidan bin Kassim: 36(6), sangkaan jahat kepada Perdana Menteri. Perdana Menteri, Timbalan, Menteri, Setiausaha Parlimen tak pernah sebut fasal gaji, yang sebut ialah saya, sebab kita yang merasakan mereka tak cukup, Tuan Yang di-Pertua. Ini sangkaan jahat kepada mereka. Mereka tak pernah bersuara langsung fasal duit ini, semua berkorban. Pak Nik tadi saya pergi berbisik kepada dia, you nampak saya berjalan, dia bersetuju dengan saya, dia menyokong, tetapi dia kata, dia berharap supaya kualiti kita itu diubah kepada pengorbanan kita lebih lagi. Ya, memang kita akan buat macam itupun. You quote Pak Nik, Pak Nik tak setuju. Pak Nik bangkit beritahu, dia cakap lain itu, Pak Nik. Pak Nik minta juga ini. [Ketawa] Betul, P.M. tak pernah bercakap. Untuk tujuan rekod, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen tak pernah sebut. Yang sebut ialah back-bencher, sebab kita memikirkan elaun kepada kerani dan juga pegawai penyelidik itu kita patut tambah. Ini sangkaan jahat kepada Perdana Menteri.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Adakah itu ruling?

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata lagu itu. Dia kata lagu itu.

Puan Hajah Ilahi binti Dato Haji Isahak: Pada saya, saya tidak membuat sangkaan jahat terhadap sesiapa pun. Saya kata secara umum "sekiranya". Jadi, lain kali Arau tolonglah teliti sedikit.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada dalam Hansard. Kita boleh cuba tengok sekarang kalau di sebut "sekiranya", you confirm dengan saya - tak sebut.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah, kita tengok nanti.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ini lebih daripada komputer, fikiran saya, apabila saya dengar orang bercakap. [Tepuk]

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tengoklah Hansard nanti. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya sudah cakap tadi adalah simple sangat, tetapi sudah dijadikan panjang. Saya harap saudara saya daripada Arau tidak usahlah kacau lagi. Yang saya katakan tadi, saya hendak ulangi sebab nampaknya ada kekeliruan. Jadi, apa yang saya hendak katakan, kita seharusnya menjimat-cermat. Wang yang kita terima adalah wang dari rakyat dan oleh itu kita tidak bolehlah banding apa yang kita terima dengan apa yang pihak swasta terima.

Jadi, dalam hal ini saya berharap semua pihak sama ada Wakil Rakyat dan lebih-lebih lagi mereka yang berjawatan daripada Setiausaha Parlimen sehinggalah yang paling tinggi, iaitu Perdana Menteri, seharusnya memberi contoh yang baik menjadi benar-benar menunjukkan kepimpinan melalui teladan dan menunjukkan bahawa kita

sebenarnya bersimpati dengan rakyat yang sedang tertekan dengan kadar inflasi yang kian meningkat. Oleh itu kita seharusnya tidak mengemukakan Rang Undang-undang ini. Bagi saya, kalau rezeki diberi kita menerima, [Disampuk] tetapi kita tidak memohon. Jadi bagi saya.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak sebut ini. Adakah Yang Berhormat bercakap bagi pihak 46 ataupun tidak, saya hendak tanya. Sebab, semua kawan-kawan.....

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Saya bercakap bagi pihak diri saya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak beritahu semua yang dalam 46 mari berjumpa saya secara peribadi - ini saya hendak declare, bubuhlah rekod - jumpa saya dalam bilik air, di luar bilik air, tolonglah kira sedikit berapa. Saya tolong kirakan.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Semua, semua, semua?

Tuan Shahidan bin Kassim: Kecuali Yang Berhormat Tengku Razaleigh sahaja yang tidak jumpa, yang lain all clear.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Saya tidak tahu yang itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat kita tahulah bekas anak Menteri Besar, Tengku Razaleigh orang kaya, bolehlah cakap macam itu.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Saya tidak bekas anak Menteri Besar!

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan anak Menteri Besar?

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Maklumat tak betul! Tetapi saya masih juga memegang kepada prinsip bahawa kita seharusnya merasakan simpati pada rakyat yang sedang tertekan dengan kadar inflasi dan mereka juga sekarang ini bimbang dengan kenaikan gaji yang akan diterima oleh 800,000 kakitangan Kerajaan yang hanya pada kadar 8% sahaja kenaikannya, tetapi itu sudah menimbulkan kebimbangan. Sekarang ini mereka pula ditimpa dengan satu lagi bebanan, iaitu tentunyalah kadar inflasi sedikit sebanyak akan turut terjejas ataupun kemungkinan besar akan naik kadar inflasi ini dengan tambahan gaji pada para Wakil Rakyat, Ahli-ahli Parlimen keseluruhannya, khususnya kepada para Menteri.

Saya tidak banyak hendak berucap dalam perkara ini, hanya hendak on record menunjukkan bahawa kita seharusnya berjimat-cermat dengan wang rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad bin Nor: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab. Kita sudah cukup. DAP sudah bercakap ya. [Disampuk] Ya, Yang Berhormat Menteri.

9.56 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, dari Arau, Pengkalan Chepa dan Kota Bharu

yang telah mengambil bahagian di dalam membincangkan, membahaskan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1991. Sebenarnya daripada komen-komen yang diberikan, saya anggap komen-komen ini kebanyakannya membangun, kebanyakannya walaupun Pembangkang saya tahu ada perkara-perkara yang mereka mengambil peluang sebagai tabiat Pembangkang untuk mengatakan tak betul, [Tepuk] tetapi manfaatnya hendak juga diterima, dan kalau tak minta, tak pohon pun, kalau dapat tak apalah. Tak apalah, kita pun sedar dengan kedudukan yang diambil oleh Pembangkang dalam hal ini. Saya berasa hairan juga dengan saranan daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa tadi hendak minta beri \$100. Itu janji Kerajaan PAS masa pilihanraya untuk rakyat bukan? Jadi, tak usah kita bawa perkara yang sedemikian rupa di sini oleh kerana apa yang dilakukan oleh Kerajaan untuk golongan termiskin.....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta Penjelasan. Saya masih ada dalam Parlimen ini. Janganlah buat kenyataan yang tidak betul. Bila Kerajaan PAS buat janji hendak beri \$100?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: [Bangun]

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Biar saya jawab dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Nantilah, Yang Berhormat tanya, biarlah dia jawab. Sila duduk. [Ketawa]

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Nanti dahulu!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bila Kerajaan PAS buat janji hendak beri \$100?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tak habis lagi. Mungkin barangkali kenyataan yang dibuat oleh Menteri Kehakiman itu berpandu kepada manifesto Angkatan Perpaduan Ummah [Disampuk] di mana kalau Kerajaan Malaysia ini dapat dikuasai oleh Angkatan Perpaduan Ummah, maka itulah satu daripada cadangan yang akan dilaksanakan oleh Angkatan, tetapi sekarang apa kita hendak dakwa? Mana Kerajaan kata ada pusat ini? Bila dia memerintahnya? Dia tidak berkuasa, dia tidak memerintah, macam mana? Beri kuasa dahulu, tengoklah! [Disampuk] [Ketawa]

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kerana Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa seorang yang saya tahu boleh menggunakan bahasa yang baik-baik, sebab itulah saya bercakap semasa Yang Berhormat berada di dalam Dewan dan kalau Angkatan Perpaduan Ummah itu siapa ahlinya? Bila perkara itu tidak terjadi, jangan bila kita sudah tidak berkuasa oleh kerana Tuhan tidak berikan kita kuasa, maka sampailah.....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: ...biar saya jawab pula, bila kita tidak ada kuasa, kita berikan kuasa supaya kita boleh laksanakan, itu tidak betul, Yang Berhormat. Jadi, daripada segi ini apa yang saya katakan ialah tidak perlu mengadakan sebagaimana yang disarankan oleh Angkatan Perpaduan Ummah oleh

kerana kita mempunyai dasar dari segi membantu golongan miskin, dari segi dasar kebajikan negara untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah dan begitu juga dengan sistem cukai yang kita ada membantu dan memberikan cukai yang rendah kepada golongan yang berpendapatan rendah atau tidak membayar cukai langsung. Jadi, ada perkara-perkara yang lain. Jangan kita kaitkan saraan ini dengan perkara ini oleh kerana ia boleh mengelirukan. Saya tahu ada political mileage yang dikehendaki oleh pihak Pembangkang, tetapi kita perlu jujur dan ikhlas di dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kenaikan asas-asas. Saya tertarik juga dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi. Kalau betul ada kes-kes hendak kita menjadikan satu Kerajaan yang bersih, Ahli-ahli Parlimen yang baik, bersih, tidak rasuah, mudah. Kalau ada kes-kes, jangan buat tuduhan. Jangan buat sangkaan jahat, buktikan dan bawa. Dalam Undang-undang bukan senang kita membuat tohmahan dan tuduhan. Kalau ada bukti yang jelas, buat laporan dan tindakan akan diambil. [Tepuk] Itu janji Kerajaan kita dalam semua manifesto kita. Tetapi kalau senantiasanya membuat tuduhan kepada tiap-tiap skandal demi skandal, tetapi buktinya tidak keluar juga, macam mana kita hendak ambil tindakan? Jangan salahkan kepada kita kalau kita tidak melakukan perkara yang sedemikian....

Tuan Ahmad bin Nor: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Bayan Baru bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya ingat apa yang Yang Berhormat dari Tanjong tadi membangkitkan ialah soal Setiausaha Parlimen kita, Yang Berhormat Othman Abdul yang terlibat dalam perniagaan yang disebutkan syarikat itu dan apakah itu satu pembohongan dari pihak Yang Berhormat Tanjong ataupun perkara yang benar?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih menjadi peguam untuk Tanjong. Yang Berhormat, tadi saya mengatakan selain daripada membuat saranan, kalau ada kes-kes terhadap Yang Berhormat mana-mana Setiausaha Parlimen atau mana-mana Menteri pun, tempat untuk melaporkan untuk disiasat, kalau perbuatan itu melanggar Undang-undang ialah kepada Badan Pencegah Rasuah dan Badan Pencegah Rasuah akan membuat siasatan dan kalau ada kes akan dibawa, tidak kira kepada siapa.

Saya suka juga menjelaskan pada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi yang mengatakan kita punya kenaikan ini tidak ada logik, kita Ahli-ahli belajar kerja dan kita terus membuat kerja-kerja. Biar saya menerangkan bahawa walau apa logik pun kita berikan tidak akan diterima oleh Yang Berhormat. Logiknya ialah, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita menggunakan asas-asas atau prinsip dari segi tanggungjawab, dari segi peranan dan tugas, dari segi perbandingan dan relativiti mengikut jawatan-jawatan yang kita berikan.....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Gerik bangun.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri. Sebentar tadi saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Kota Bharu, tetapi tidak dibenarkan. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Pada tahun 1980 di dalam Dewan yang mulia ini juga - saya pada masa itu sudahpun menjadi Ahli Dewan - Yang Berhormat yang mewakili kawasan Gua Musang (dan sebelum itu mungkin Hulu Kelantan) iaitu Menteri Kewangan pada masa itu membawa Usul supaya elaun

Ahli-ahli Parlimen dinaikkan daripada \$1,500 kepada \$3,000 serta gaji Setiausaha-setiausaha Parlimen, Timbalan-timbalan Menteri, Menteri-menteri, Timbalan Perdana Menteri, Perdana Menteri, Menteri-menteri Besar, Ahli-ahli EXCO dan Ahli Dewan Undangan Negeri dinaikkan 100% juga.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Kelantan, yang pada masa itu juga adalah Menteri Kewangan, membawa hujah-hujah yang sama juga seperti dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri hari ini - sama hujahnya. Pada masa itu saya rasa yang membantah cuma dari DAP dan PAS, tetapi ada dua, tiga orang juga dalam Dewan ini di sebelah sana, yang menyokong Usul yang dibawa oleh Menteri Kewangan pada masa itu.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah bezanya rasional di tahun 1980 dan pada hari ini? Kenaikan pada masa itu 100%, tetapi hari ini cuma 60%. Jadi itulah saya minta penjelasan sedikit.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir Yang Berhormat telah menjelaskan dengan jelas sekali oleh kerana kita tahu rasmi Pembangkang apapun kita kata, apa juga saya jawab, akan tidak dipersetujui oleh Pembangkang. Tetapi dia hendak juga naik - tidak apalah.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Setar bangun pula hendak tanya lagi?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Bolehkah DAP dan juga Semangat 46 yang membangkang Rang Undang-undang ini tidak usah diberikan elaun, boleh tidak? [Ketawa]

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kita ada undang-undang. Kerajaan ini dikenali sebagai satu Kerajaan yang adil [Tepuk] tetapi kalau dia tidak hendak, kita boleh buka tabung untuk mereka, iaitu "Yayasan Pembangkang untuk Membantu Kewangan Negara". [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kesilapan tadi yang disebutkan oleh.....

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Bharu bangun Yang Berhormat.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini sudah pukul 9.00.....

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Terima kasih.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, hendak minta apa ini?

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Saya hendak minta penjelasan di atas apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Apakah syor yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Gua Musang itu, adakah itu initiative beliau ataupun kehendak Kerajaan?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Alfar: Saya fikir Yang

Berhormat membuat kesilapan untuk tanya soalan itu. Kalau kita Ahli Yang Berhormat dari Ahli Pentadbiran, kita tidak boleh kata ini kehendak Kerajaan, kita buat kerja, kita mempunyai collective responsibility. [Tepuk] Jadi jawapannya sememangnya dia adalah salah seorang Menteri pada ketika itu dan asas yang digunakan adalah asas yang sama. Saya tidak perlu memanjangkan soalan ini. Saya harap dapat menjelaskan kedudukan sebagaimana Yang Berhormat dari Kota Bharu hendak.

Puan Hajah Ilani bin Dato Haji Isahak: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun pula.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fasal wanita - saya beri.

Beberapa Ahli: Boo!

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Yang saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Jawapan yang Yang Berhormat beri itu bermakna bukanlah di atas kehendak peribadi oleh Yang Berhormat dari Gua Musang.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat dari Kota Bharu biar tak usah saya korek sejarah, oleh kerana kalau Yang Berhormat hendak tahu, saya berikan sedikit gambaran. Bila tiap-tiap kali ada perkara yang bersangkutan-paut dengan politik, maka

jadilah juga, pada kita tidak ada fasal tahun 1993 sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Oleh kerana kita menganggap setelah mengkaji dan meneliti kedudukan kewangan negara dan juga saraan hidup, tugas dan tanggungjawab, peranan Menteri-menteri dan peranan Ahli-ahli Parlimen, Setiausaha Parlimen dan Timbalan Menteri, maka kita membuat keputusan untuk menaikkan gaji sebagaimana pindaan ini dibentangkan.

Seperkara lagi yang perlu kita mengambilkira supaya kita tidak keliru ialah 8% itu yang dinaikkan untuk pegawai-pegawai Kerajaan dan dikatakan dinaikan 60% atau 100% untuk Menteri itu tidak betul. 8% itu yang dinaikkan adalah pendahuluan kepada semakan gaji yang berkuatkuasa daripada 1.1.1989 sehingga sekarang.

Tuan Ahmad bin Nor: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya habiskan dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Biar dia habiskan dahulu ya.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai Kerajaan juga, mengikut SSB yang telah kita bentangkan, yang telah kita jelaskan di sini, akan mempunyai skim baru sebagaimana juga Ahli-ahli Pentadbiran dan anggota-anggota Parlimen yang berkuatkuasa daripada 1.1.1992. Jadi jangan kita gunakan angka 8% itu sebagai angka 8% untuk pegawai-

pegawai Kerajaan atau Pegawai-pegawai Awam dan 60% atau 100% untuk Ahli-ahli Pentadbiran dan Ahli-ahli Parlimen. Jadi tidak ada perbandingan di dalam hal itu. 8% itu termasuk di dalam kenaikan keseluruhannya dan pegawai-pegawai Kerajaan akan mempunyai skim baru dan begitu juga Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen mempunyai skim baru mulai daripada 1.1.1992.

Tuan Ahmad bin Nor: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Apa ini?

Tuan Ahmad bin Nor: Saya ingin minta penjelasan berhubung dengan 8% yang dikatakan dinaikan untuk kakitangan Awam. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan berapa peratuskah yang sebenarnya bagi semua pegawai dalam Tingkatan Tertinggi C sehingga KSN (Ketua Setiausaha Negara). Berapa peratuskah sebenarnya kenaikan gaji mereka? Adakah mereka juga diberi 8% sepertimana yang didakwa oleh Yang Berhormat Menteri?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya beri satu contoh sahaja, jawatan tertinggi, dalam perkiraan taraf tertinggi, dinaikkan 60%. Jadi sama juga dengan Ahli-ahli Parlimen, sama juga dengan Timbalan Menteri, jadi ini semua.....

Tuan Ahmad bin Nor: Mengapa yang bawah diberi 8% dan yang atas diberi 60%? Ini yang dipersoalkan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tidak. 8% itu adalah gaji pendahuluan, jangan keliru, gaji pendahuluan seperti saya katakan, di bawah skim yang baru yang berkuatkuasa mulai 1.1.1992.

Tuan Ahmad bin Nor: Yang bawah tidak ada SSB, yang dicakapkan SSB termasuk elaun jawatan utama ini semua kepada orang atasan, orang bawah tidak ada.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tadi Yang Berhormat tanya saya berkenaan itu, jangan bawa perkara lain.

Tuan Ahmad bin Nor: Itulah saya katakan, itu bukan 8%, itu ada silap sedikit.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, semakan gaji sedang dilakukan, dan semakan tiap-tiap jawatan di dalam skim sedang dilakukan di mana tanggagaji-tanggagaji akan ditentukan. Jadi Yang Berhormat tunggulah berkenaan dengan skim-skim yang akan diperkenalkan melalui semakan yang dilakukan oleh pihak JPA.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membuat pembedulan sedikit berkenaan dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tadi. Kenaikan untuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bukan 60% seperti yang disebutkan, tetapi 80%, Menteri-menteri bukan 50% tetapi 70%, Timbalan-timbalan Menteri bukan 50% tetapi 60%. Itu dari segi fakta supaya kita tidak keliru dengan fakta yang telah dibentangkan pada hari ini.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan mengenai elaun perjalanan kenderaan tadi bagi Ahli-ahli Parlimen. Sebagaimana Yang Berhormat semua maklum, kita boleh menuntut jika ia menjalankan tugas rasmi mengikut Statut 235 Tahun 1983.

Lain-lain perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dari segi keseluruhannya kita ambil perhatian daripada tiap-tiap cadangan yang dibuat, di mana ianya boleh dikaji akan dikaji, di mana ia perlu kita membuat apa-apa penyemakan akan dilakukan, tetapi untuk masa ini, segala teguran dan pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan Kerajaan akan memberi perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3 -

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membuat pindaan mengikut Peraturan Mesyuarat 57.

Tuan Pengerusi: Saya ingat belum lagi.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Belum lagi.

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap, Fasal 3.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Fasal 3(1)(a) sebagaimana Kertas edaran D.R. 47/91 pindaannya ialah:

Gantikan seksyen baru 3(1)(a) dengan berikut:

"(a) bagi Ahli Dewan Negara, elaun bulanan sebanyak tiga ribu ringgit;"

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap, Yang Berhormat, seksyen berapa itu?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Seksyen 3(1)(a) di mana peruntukan yang ada sekarang menyebutkan "dua ribu lapan ratus ringgit".

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Jadi, gantikan seksyen baru 3(1)(a) dengan berikut:

"(a) bagi Ahli Dewan Negara, elaun bulanan sebanyak tiga ribu ringgit;"

Huraiannya ialah Kerajaan telah menimbangkan semula dan memutuskan bahawa kenaikan itu ialah \$3,000 dan bukan seperti yang terdapat di dalam peruntukan Rang Undang-undang yang telah diedarkan itu.

Dalam bahasa Inggerisnya:

Clause 3(1)(a) substitute the new section 3(1)(a) with the following:

"(a) in the case of a member of the Senate, a monthly allowance of three thousand ringgit;"

Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan dibuat kepada 3(1)(a) dengan menggantikan Seksyen 3(1)(a) seperti berikut:

"(a) bagi Ahli Dewan Negara, elaun bulanan sebanyak tiga ribu ringgit;"

terbuka untuk dibahas.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Fasal 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bekerjasama dengan saya dan juga kepada Timbalan-timbalan saya bagi menguruskan Persidangan Budget. Sungguhpun ada kadang-kadang masa yang hangat, tetapi keseluruhannya kita telahpun menunaikan kewajipan-kewajipan kita. [Tepuk]

Saya mengambil peluang ini mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada Ahli-ahli yang beragama Kristian dan kepada Ahli-ahli yang lain, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru.

Mesyuarat ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan. [Tepuk]

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.17 malam.